




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

MODUL *Tuah*



SEJARAH
SPM 2023

ISI KANDUNGAN

BIL	BAB	TAJUK	MUKA SURAT
1		Sekapur Sirih	3
2		Panel pembina Modul Tuah Sejarah SPM 2023 dan Panduan Penggunaan	4
		TINGKATAN 4	
3	Bab 1	WARISAN NEGARA BANGSA	5-6
4	Bab 2	KEBANGKITAN NASIONALISME	7-18
5	Bab 3	KONFLIK DUNIA & PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA	19-27
6	Bab 4	ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA	28-34
7	Bab 5	PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948	35-44
8	Bab 6	ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT	45-47
9	Bab 7	USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN	48-53
10	Bab 8	PILIHAN RAYA	54-57
11	Bab 9	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957	58-74
12	Bab 10	PEMASYHURAN KEMERDEKAAN	75-79
		TINGKATAN 5	
13	Bab 1	KEDAULATAN NEGARA	80-82
14	Bab 2	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	83-85
15	Bab 3	RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN	86-96
16	Bab 4	SISTEM PERSEKUTUAN	97-104
17	Bab 5	PEMBENTUKAN MALAYSIA	105-111
18	Bab 6	CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA	112-118
19	Bab 7	MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA	119-123
20	Bab 8	MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA	124-128
21	Bab 9	DASAR LUAR MALAYSIA	129-132
22	Bab 10	KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	133-138

Sekapur Sirih
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Sains Sosial



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya diberi ruang untuk merakamkan penghargaan atas usaha murni dalam penghasilan **Modul Tuah Sejarah SPM 2023** untuk sekolah-sekolah negeri Melaka buat kali yang pertama bagi tahun 2023.

Menyedari kepentingan subjek Sejarah sebagai syarat wajib lulus, maka peningkatan prestasi mata pelajaran Sejarah menjadi agenda utama jabatan. Penghasilan **Modul Tuah Sejarah SPM 2023** ini amat penting bagi membantu guru-guru untuk meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran Sejarah.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang memberi sumbangan idea dan buah fikiran yang konstruktif dalam penghasilan **Modul Tuah Sejarah SPM 2023**. Harapan saya agar semua guru Sejarah dapat menggunakan **Modul Tuah Sejarah SPM 2023** ini secara inovatif selaras dengan amalan pendidikan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Sekian.

Puan Khairiyah Binti Safar
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Sains Sosial
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Melaka.

PANEL PEMBINA MODUL TUAH SEJARAH SPM 2023 NEGERI MELAKA:

En. Roslani Bin Maskan	:	SMK Seri Bemban, Melaka
En. Md Muzaini Bin Said	:	SMK Lubok China, Melaka
En. Zamani Bin Abu Hashim	:	SMK Seri Bemban, Melaka
En. Lim Chin Guan	:	SMJK Pulau Sebang, Alor Gajah
En. Azlan Bin Mohamad Gazi	:	SMK Pernu , Melaka
En. Mohd Sukri Bin Sharif	:	SMK Paya Rumput Melaka
En. Muhammad Haris bin Sawaludin	:	SMK Sungai Rambai , Melaka
En. Ahmad Nor Iman Bin Shawal	:	SMK Kampung Gelam ,Melaka
En. Mohamed Farhan Bin Mohamed Hussin	:	SMK Sultan Mansor Shah, Melaka
En. Anuar Bin Mat	:	SMK Seri Mahkota, Merlimau, Melaka
En. Mohd Shukri Bin Tumin	:	SMK Malim, Melaka
Pn. Hajah Yuriza Binti Muhammad	:	SMK (A) Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka
Pn. Noor Azreen Binti Hussain	:	SMK Tun Tuah, Melaka
Pn. Hajah Mazni Binti Naim	:	SMK Telok Mas, Melaka
Pn. Nor Azlinda Binti Omar	:	SMK Padang Temu, Melaka
Pn. Norsaliza Binti Mohd. Zain	:	MRSM Alor Gajah. Alor Gajah
Pn. Noorwati Binti Sulieman	:	Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka
Pn. Umi Yasirah Arafah Binti Mat Zain	:	SMK Bukit Baru, Melaka
Dr. Zarina Begam binti Abdul Kadir	:	MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin
En. Mohd. Mahadir bin Mat Ali @ Othman	:	SMA JAIM Darul Falah, Alor Gajah
Pn. Nimarni binti Bahrom	:	SMK Dato Abdul Rahman Ya'kub, Jasin
Pn. Masrina binti Mohammad	:	SMK Tun Haji Abdul Malek

PENASIHAT MODUL TUAH SEJARAH SPM 2023 NEGERI MELAKA :

Puan Khairiyah Binti Safar	:	KPPK UNIT SAINS SOSIAL
Pn Zaiha Binti Ahmad	:	Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Melaka Tengah
Encik Mohd Alfouzi Bin Nasir	:	Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Jasin
Puan Azlina binti Abdul Kudus	:	Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Alor Gajah
Encik J Sham Bin Wahid	:	SISC+ PPD Melaka Tengah
Encik Abd Aziz Bin Mohd Rasol	:	SISC+ PPD Melaka Tengah
Puan Hjh Rohaizan Binti Othman	:	SISC+ PPD Melaka Tengah
Puan Norliyen Binti Ahmad	:	SISC+ PPD Jasin
Puan Mahfuzah Binti Mohd Noh	:	SISC+ PPD Jasin
Hjh Pauziah Bt Othman	:	SISC+ PPD Alor Gajah
Puan Aliza Binti Abd Rahman	:	SISC+ PPD Alor Gajah
Puan Zuraini binti Bakri	:	SISC+ PPD Alor Gajah

BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

1. Jelaskan tiga tanggungjawab golongan pembesar peringkat jajahan.

Golongan pembesar peringkat jajahan bertanggungjawab **menguruskan pentadbiran di peringkat kampung dan daerah**. Selain itu, mereka juga bertanggungjawab **menjaga keamanan kawasan pentadbiran** dan **memastikan kawasan pentadbiran mereka kekal aman**. Mereka juga perlu **mengutip cukai** di kawasan pentadbiran masing-masing.

2. Mengapakah terdapat undang-undang berkaitan ekonomi dalam Hukum Kanun Melaka?

Ia terdapat dalam Hukum Kanun Melaka **kerana perdagangan merupakan elemen penting dalam menjadikan Kesultanan Melayu Melaka terkenal**. Selain itu, ia merupakan **peraturan yang jelas tentang urus niaga** bagi **mengawal perdagangan** di Melaka. Ini bertujuan supaya **tidak berlaku kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam**.

3. Hubungan baik antara raja dengan rakyat perlu dikekalkan. Jelaskan. (KBAT)

Ia perlu dikekalkan bagi **mewujudkan perasaan saling hormat-menghormati** antara raja dengan rakyat. Hal ini dapat **melicinkan sistem pemerintahan** sesebuah kerajaan. Selain itu, hubungan baik tersebut dapat **menanam nilai positif** di kalangan mereka dan **menjamin keamanan** negara. Tidak cukup dengan itu, hubungan baik tersebut dapat **menjamin kesejahteraan rakyat** sekaligus **memelihara kedaulatan negara**. Ia juga dapat **mengekalkan kemajuan** yang dibina selain dapat **menjaga keselamatan** negara.

4. Jelaskan tanggungjawab rakyat kepada pemerintah.

Ia diumpamakan sedemikian bagi **menunjukkan taat setia rakyat** kepada pemerintah. Ini menyebabkan rakyat **mematuhi segala arahan** pemerintah. Sebagai contoh, rakyat sanggup **menjadi tentera**. Rakyat juga, **tidak akan menderhaka kepada pemerintah** kerana **takut ditimpa tular**.

Selain itu, rakyat akan **menghadiri majlis umum** seperti **gotong-royong**. Rakyat juga sanggup menjadi **pengayuh kapal perang**. Rakyat **menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah**. Raja atau kerajaan juga memerlukan rakyat untuk **membina istana atau jalan** dan **mengerakkan jentera kerajaan** dan **sistem pemerintahan**.

5. Mengapakah undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka mampu menangani kes jenayah?

Undang-undang mampu menangani kes jenayah kerana **hukuman bunuh** dijatuhkan kepada pesalah yang membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar. Seterusnya, **hukuman bunuh** dikenakan kepada sesiapa yang **mengingkari arahan dan memalsukan titah sultan**.

Undang-undang tersebut juga menjelaskan tentang pelbagai **hukuman yang setimpal** terhadap perbuatan jenayah seperti mencuri dan menikam. Selain itu seseorang yang **berkelakuan jahat** di atas kapal juga akan dikenakan hukuman mati.

6. Cadangkan langkah-langkah membendung perbuatan jenayah di negara kita daripada terus berleluasa. (KBAT)

Bagi membendung perbuatan jenayah, kerajaan perlu **menguatkuasakan undang-undang** dengan konsisten untuk memastikan rakyat takut untuk melakukan jenayah.

Selain itu, ibu bapa juga perlu **memberikan kesedaran** kepada anak-anak tentang kesan melakukan jenayah. Sebagai rakyat pula, kita perlulah mengukuhkan **nilai-nilai positif** dalam diri. Malah ibu bapa perlu menekankan prinsip dan **amalan agama** dalam kehidupan seharian. Selain itu, kita juga perlu **mengawal diri** daripada mudah terpengaruh dengan pengaruh luar yang negatif.

Kerajaan juga perlu meningkatkan **tahap kawalan keselamatan** dengan cara **menambah bilangan anggota keselamatan** seperti polis dan tentera.

7. Jelaskan kesan pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan terhadap Kesultanan Melayu Melaka. (KBAT)

Sistem Pembesar Empat Lipatan telah membentuk sistem pentadbiran yang **tersusun**. Hal ini dapat **melicinkan pentadbiran**. Ia juga mewujudkan **agihan tugas** yang tersusun. Setiap pembesar diberi **tanggungjawab**. Oleh itu, tidak akan berlaku **pembolotan kuasa**.

Selain itu, sistem ini dapat mengekalkan **keamanan** Melaka. Sistem Pembesar Empat Lipatan, menjadikan Melaka sebagai sebuah kerajaan yang **unggul**. Ini dapat menggalakkan **kemasukan pedagang luar** dan **meningkatkan ekonomi** Melaka.

BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1. Jelaskan maksud nasionalisme.

Maksud nasionalisme ialah **perasaan cinta** yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Hal ini merujuk kepada **semangat kebangsaan** berkaitan perjuangan menentang penjajah serta **pembelaan terhadap bangsa dan negara**. Selain itu, nasionalisme bermaksud gerakan untuk **mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial** daripada penguasaan orang asing. Nasionalisme juga melahirkan **perasaan kekitaan** terhadap bangsa dan negara.

2. Jelaskan latar belakang perkembangan nasionalisme di Barat.

Nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada **penentangan terhadap pemerintahan beraja** yang menjadi **simbol penindasan**. Hal ini **menggugat hak dan kebebasan rakyat**. Contohnya nasionalisme **antiraja** ialah Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.

Selain itu, nasionalisme di Barat dikatakan sebagai **perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan** daripada penjajahan kuasa asing seperti Revolusi Amerika.

3. Mengapakah berlakunya Revolusi Keagungan di England?

Revolusi Keagungan berlaku disebabkan ingin **menegakkan kedaulatan parlimen** dan **hak asasi rakyat**. Hal ini kerana, pemerintahan Raja James II **membelakangkan parlimen** semasa menggubal undang-undang. Ini menyebabkan ahli parlimen **bangkit menentang** pemerintahan raja berkuasa mutlak. Selain itu, penentangan tersebut mendapat **sokongan** Mary II dan suaminya Raja William of Orange dari Belanda.

4. Mengapakah orang Amerika menentang penjajahan British?

Orang Amerika menentang penjajahan British kerana tindakan British **tidak melindungi hak penduduk** Amerika. Rakyat Amerika merupakan sebahagian daripada **empayar British**. Rakyat Amerika **menentang akta** yang diperkenalkan British untuk **memungut cukai** iaitu Akta Gula, Akta Pelayaran, Akta Setem dan Akta Teh. Seterusnya, **tiada wakil Amerika** dalam Parlimen British.

5. Jelaskan perkembangan Revolusi Perancis 1789.

Revolusi Perancis teretus daripada idea memperjuangkan **kebebasan, persamaan dan persaudaraan**. Golongan pemikir perancis seperti Rousseau dan Voltaire telah menulis The Social Contract dan mengemukakan keunggulan suara rakyat yang digelar “hasrat umum”. Baginya **kedaulatan suara rakyat lebih tinggi daripada institusi raja dan birokrasi**. Sasaran golongan ini adalah terhadap **pemerintahan Raja Louis XVI** dan golongan bangsawan. Golongan revolusi mengempur penjara Bastille bagi membebaskan tahanan politik. Meeka seterusnya menggulingkan Raja Louis XVI. Peristiwa ini membawa kepada **kemunculan kerajaan Republik Perancis**. Rakyat telah **menolak sistem pemerintahan beraja**.

6. Jelaskan iktibar daripada Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis.

Iktibar daripada kedua-dua peristiwa ini ialah **kerajaan yang memerintah perlu menjaga kebajikan rakyat**. Contohnya, kerajaan tidak **memperkenalkan cukai yang membebankan rakyat**. Kerajaan perlu menjamin hak rakyat. Kesimpulannya, **golongan pemerintah tidak boleh menindas rakyat biasa**.

Selain itu, pemerintah perlu **mendapat kelulusan perwakilan di parlimen** sebelum membuat sebarang keputusan. Hal ini supaya keputusan atau yang dibuat oleh kerajaan adil kepada semua rakyat.

Rakyat perlu **mempunyai ilmu pengetahuan** agar dapat memajukan dirinya. Hal ini supaya rakyat tidak mudah dimanipulasi oleh pemerintah.

7. Terangkan perkembangan nasionalisme di China

Perkembangan nasionalisme di China bermula dengan **penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu dari kerajaan Manchuria**. Dinasti Manchu dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat. Disamping itu, **rakyat hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu**. Hal ini kerana Kerajaan Manchuria gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat.

Selain itu, **gerakan nasionalisme bercorak anti-Barat** kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China.

Seterusnya itu, gerakan kebangkitan rakyat di China dipelopori oleh **Dr. Sun Yat Sen**. Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat sebagai ideologi perjuangan, iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial. Beliau telah menjadikan prinsip tersebut sebagai asas gerakan **Revolusi China 1911**. Gerakan ini berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu. Seterusnya, pemerintahan republik telah diperkenalkan di China.

8. Bagaimanakah empayar Uthmaniyah dan Mesir mempertahankan sistem pemerintahan Islam daripada ancaman imperialisme Barat?

Empayar Uthmaniyah dan Mesir mempertahankan sistem pemerintahan Islam daripada ancaman imperialisme Barat dengan cara **melancarkan gerakan Islah di Mesir**. Gerakan ini merupakan sebuah pergerakan pemulihan Islam. Gerakan ini menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam sebenar yang berpandukan al-Quran dan Hadis. Masyarakat diseru memperbaiki kehidupan untuk melepaskan diri daripada penjajahan.

Selain itu, **gerakan Pan-Islamisme diwujudkan**. Gerakan ini dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani. Beliau telah menubuhkan kumpulan al-Urwah al-Muthqa (Ikatan yang kuat). Tujuannya untuk memperkuatkan rasa persaudaraan serta membawa umat Islam kepada kemajuan.

Seterusnya, gerakan ini telah **menerbitkan akhbar** bagi menyebarkan idea Pan-Islamisme untuk menyeru penyatuan umat Islam seluruh dunia.

9. Terangkan cara perjuangan Mahatma Gandhi.

Mahatma Gandhi telah **melancarkan dasar tidak bekerjasama dengan British**. Beliau memperjuangkan **kemerdekaan dengan berpegang teguh kepada kebenaran "Satyagraha"**. Perjuangan ini **berkonsepkan perjuangan tanpa keganasan**. Sebaliknya, beliau telah menggunakan cara mogok lapar, hartal dan demonstrasi aman.

Perjuangan Mahatma Gandhi wajar diteruskan. Berikan ulasan anda.

Perjuangan tersebut **wajar** diteruskan. Hal ini dapat **menanamkan jati diri** dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, dapat mendorong rakyat agar tidak **mengangkat senjata** atau melakukan keganasan. Contohnya tiada pertumpahan darah. Seterusnya, dapat mengelakkan **kemusnahan harta benda**. Ia sejajar dengan ajaran agama dimana menenkankan nilai kemanusiaan tanpa menggunakan kekerasan.

Selain itu, Mahatma Gandhi menggunakan **pendekatan secara sederhana** iaitu menggunakan cara perundingan dalam penyelesaian masalah. Kesimpulannya kita perlu mengambil iktibar supaya sentiasa berwaspada terhadap anasir asing yang boleh menyelesaikan kedaulatan bangsa dan negara.

10. Terangkan perkembangan gerakan nasionalisme berkembang di negara- negara berikut:

i. Filipina

Nasionalisme di Filipina muncul untuk **menghapuskan penjajahan asing**. Antara tokoh nasionalis awal ialah **Jose Rizal**. Memimpin gerakan propaganda dengan **menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol** yang **mempunyai hak yang sama dengan bangsa Sepanyol**. Seterusnya, Jose Rizal telah menubuhkan **Liga Filipina** pada tahun 1892. Walau bagaimanapun, gerakan propaganda ini **gagal** dan telah mencetuskan gerakan lebih **radikal**.

Selain itu, gerakan lebih radikal ditubuhkan oleh tokoh **Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo** iaitu **Katipunan**. Gerakan ini menuntut **kemerdekaan melalui revolusi** yang menggunakan akhbar Kalayan dalam menyebarkan **idea revolusi** iaitu melancarkan **Revolusi Filipina** pada 1896. Revolusi ini **gagal menyingkirkan Sepanyol**.

Aguinaldo telah **bekerjasama** dengan Amerika berjaya mengusir Sepanyol tetapi Amerika tidak **mengiktiraf pengisytiharan kemerdekaan Filipina** pada 1899. Sebaliknya **Amerika menjajah Filipina**.

Akhirnya golongan nasionalismengubah strategi perjuangan dengan menggunakan **saluran diplomasi** melalui parti politik sederhana dan pimpinan Parti Nasionalis.

ii. Burma

Gerakan nasionalisme awal di Burma **dipelopori oleh perjuangan golongan kelas menengah, sami Buddha (Pongyi), Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani** menentang imperialisme British.

Selain itu, gerakan nasionalisme digerakkan oleh **golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat** kerana pengaruh British yang mengancam kedudukan agama Buddha. Persatuan Belia Buddha ditubuhkan pada 1906 untuk mengekalkan tradisi Buddha dan menggunakan **isu kasut**. Golongan Sami Buddha kemudiannya mencetuskan **pemberontakan Saya San** yang mendapat sokongan **golongan petani yang terbeban dengan pelbagai cukai**.

Gerakan seterusnya berkait dengan **Perlembagaan Burma 1935** yang **memisahkan Burma dengan India yang merangsang untuk bekerajaan sendiri**.

iii. Indonesia

Nasionalisme pada peringkat awal berkisar **isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat** akibat dasar penjajah Belanda. Ia dipelopori oleh Raden Adjeng Kartini yang berjuang memajukan **pendidikan kaum wanita**.

Seterusnya, nasionalisme berkembang dengan kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun seperti Muhammadiyah untuk **mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat**.

Gerakan nasionalisme menjadi semakin **radikal** dengan kewujudan **parti politik** yang memperjuangkan kemerdekaan seperti **Sarekat Islam, Partai Komunis Indonesia (PKI) dan Parti Nasionalis Indonesia (PNI)** pimpinan **Soekarno**. Lantaran itu, Soekarno mengukuhkan perjuangan dengan mempelopori pembentukan Permuafakatan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI) iaitu gabungan organisasi dan parti politik Indonesia yang **memperjuangkan kemerdekaan**.

iv. Vietnam

Gerakan nasionalisme di Vietnam muncul akibat **perubahan sosiopolitik** dan sosioekonomi selepas kedatangan Perancis pada 1918. Gerakan nasionalisme Vietnam dipelopori oleh **golongan bangsawan** dan **pegawai daripada golongan Mandarin** yang memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja.

Kemunculan golongan **intelektual** meningkatkan kesedaran politik dan gerakan anti-Perancis. Penerbitan **akhbar Tribune Indige** dan **Cloche Felee** telah mengkritik penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat Vietnam.

Selain itu, gerakan nasionalisme bercorak **revolusi** didukung oleh ideologi nasionalisme dan komunisme. Gerakan nasionalisme diteruskan oleh **Ho Chi Minh** melalui **Parti Komunis Vietnam**. Seterusnya, gerakan menentang penjajah berterusan sehingga **Republik Vietnam** terbentuk tahun 1976.

11. Bagaimanakah Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaannya?

Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaan dengan **memperkenalkan Birokrasi Barat** oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn. Raja Mongkut telah **melantik 80 orang penasihat barat** untuk mengetuai pelbagai jabatan bagi melatih pegawai tempatan. Contohnya mengambil Penasihat kewangan, pelabuhan, polis dari Britain dan Penasihat kastam dari Amerika Syarikat.

Selain itu, Raja Chulalongkorn telah memperkenalkan **Majlis Penasihat Rendah**. Memperkenalkan **Majlis Mesyuarat tertinggi** dan **kabinet Menteri**. Seterusnya, memperkenalkan **sistem Raja Berperlembagaan** bagi menggantikan sistem raja berkuasa mutlak.

Akhir sekali, **menjalin hubungan baik dengan kuasa Eropah** dan menjalinkan hubungan baik dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Beliau juga melakukan **pemodenan dalam pentadbiran** bagi mengekalkan kemerdekaan Thailand.

12. Terangkan perkembangan nasionalisme di Thailand.

Nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain. Hal ini kerana, gerakan nasionalisme di Thailand bertujuan **mempertahankan kemerdekaan negara** serta **menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan**.

Seterusnya, nasionalisme di Thailand dipelopori oleh Raja Thailand melalui usaha **diplomasi dan pemodenan**. Contohnya, Raja Mongkut membina hubungan baik dengan kuasa Barat seperti melaksanakan **birokrasi Barat**. Seterusnya, **membawa masuk 80 orang penasihat Barat** iaitu **penasihat kewangan, dan polis dari Britain**. Beliau juga membawa masuk penasihat kastam dari Amerika Syarikat. Tujuannya adalah untuk melatih pegawai tempatan dalam pentadbiran. Anaknyanya Raja Chulalongkorn telah meneruskan dasar tersebut.

Selain itu, terdapat juga **kebangkitan rakyat terhadap pemerintahan Raja Vajiravudh** yang banyak kelemahan sehingga menimbulkan kegelisahan rakyat. **Nai Pridi Phanomyong dan Field Phibulsonghram telah menubuhkan Parti Rakyat** dan **melancarkan Revolusi Thai** pada 1932. Revolusi ini telah **menamatkan sistem raja berkuasa mutlak**.

13. Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada perjuangan nasionalisme di Asia Tenggara. (KBAT)

Antara iktibar yang boleh diambil daripada perjuangan nasionalisme di Asia Tenggara ialah **berwaspada dengan kuasa luar**. Pemimpin tidak memberikan peluang kepada **kuasa luar meluaskan pengaruh**.

Kementerian Pertahanan perlu **memperkuhkan sistem pertahanan negara agar tidak dicerobohi oleh orang asing**.

Selain itu, rakyat **bekerjasama dengan pihak berkuasa** dalam mengekalkan kedaulatan negara. Contohnya, rakyat menyertai pasukan pertahanan negara.

Seterusnya, pemimpin negara perlu mengelakkan **sifat kebergantungan kepada kuasa luar**. Contohnya, tidak mengharapkan bantuan luar. Ini dapat mengelakkan campur tangan luar dalam hal ehwal pentadbiran negara kita.

Seterusnya, **pentadbiran negara perlu diperkuhkan**. Contohnya, kerajaan perlu mewujudkan pentadbiran yang licin dan sistematik.

Kesimpulannya, semua pihak perlu **peka terhadap muslihat kuasa asing** dan sentiasa **menyemarakkan semangat cinta akan negara**.

14. Terangkan kesedaran nasionalisme Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan tokoh lain.

Kesedaran nasionalisme di negara kita dapat dikesan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ia berkembang semasa menghadapi **ancaman Siam dan British**. Hal ini kerana Sultan Mahmud Shah berundur dari Melaka setelah ditewaskan oleh Portugis dan berusaha untuk mendapatkan kembali Melaka. Mereka melakukan tiga kali serangan terhadap Portugis, namun serangan tersebut gagal.

Selain itu, **Penghulu Dol Said, Dato Maharaja Lela, Pandak Lam dan Tok Janggut bersungguh-sungguh menentang penjajah British** pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke – 20. Perjuangan mereka **bersifat setempat**, namun selari dengan erti nasionalisme. Seterusnya, perjuangan membebaskan negara daripada penjajah dapat mendaulatkan wilayah masing-masing. Kesimpulannya, reaksi dan tindak balas yang keras daripada penjajah telah memaksa nasionalis kita bergerak secara sederhana.

15. Terangkan faktor yang mendorong kemunculan dan perkembangan nasionalisme di negara kita pada abad ke-20.

Faktor kemunculan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu ialah **faktor agama**. Pelajar tempatan melanjutkan pelajaran ke Mesir. Mereka terdedah falsafah perjuangan gerakan Islah. Mereka terpengaruh dengan kepimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh yang mewujudkan gerakan Islah dan Pan Islamisme.

Faktor kedua ialah adanya **penulisan kreatif**. Hasil kesusasteraan digunakan sebagai medium dan menceritakan keperitan serta penderitaan rakyat. Contohnya novel Melur Kuala Lumpur.

Faktor ketiga ialah **media cetak**. Akhbar dan majalah berperanan sebagai penyalur maklumat dan penyebar berita. Antara akhbar awal ialah Jawi Peranakan iaitu menegur campur tangan British dalam soal agama Islam di Singapura dan isu bahasa Melayu.

Faktor keempat ialah **sistem pendidikan**. Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) melahirkan golongan intelektual dan mmimpin rakyat menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan. Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat. Mereka telah mendesak British melakukan perubahan.

Faktor kelima ialah **kemunculan golongan intelektual**. Perkembangan sistem pendidikan melahirkan golongan intelektual lepasan Timur Tengah seperti Syed Sheikh al-Hadi. Contoh intelektual yang ada ialah Abdul Kadir Adabi, Mohamad Eunus Abdullah dan Ibrahim Haji Yaakob. Mereka menggunakan akhbar dan menubuhkan persatuan.

Faktor terakhir ialah **pengaruh luar serta serantau**. Kebangkitan Pan-Islamisme di empayar Uthmaniyah menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar dan pengaruh Gerakan Islah di Mesir menggesa umat Islam melakukan pembaharuan yang progresif.

16. Jelaskan peranan Institusi Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) dan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dalam gerakan nasionalisme di negara kita.

Peranan institusi Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) telah melahirkan **semangat kebangsaan bangsa Melayu** dan melahirkan golongan ramai tokoh penulis dan nasionalis. Pusat ini telah menjadi pemangkin **mengasah bakat pelajar dalam penulisan**. Seterusnya **menghasilkan buku yang berkualiti** dan melahirkan **persatuan radikal**.

Manakala **Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)** telah berperanan dalam **melahirkan golongan pemimpin Melayu berpendidikan Inggeris**. Institusi ini juga telah berperanan dalam perkembangan nasionalisme tanah air seperti menjadi **pegawai kerajaan yang berkhidmat dengan kerajaan British**. Seterusnya, mereka juga menggunakan kedudukan mereka iaitu dengan **menyuarakan hak mendapat pendidikan bagi orang Melayu**. Lantaran itu, mereka telah **menuntut British membaiki taraf hidup orang Melayu**.

17. Jelaskan isu yang dimuatkan dalam akhbar tempatan sebelum merdeka.

Isu yang dimuatkan dalam akhbar tempatan ialah **mengetengahkan isu dan hak masa depan bangsa**. Contohnya polemik Kaum Muda dengan Kaum Tua.

Yang kedua, **isu pentadbiran negara**. Yang ketiga, **isu masalah ekonomi dan sosial negara**. Yang keempat, **bersuara tentang pendidikan dan politik tanah air**. Yang terakhir, **menyedarkan kaum yang dijajah**.

18. Jelaskan isu yang dikemukakan dalam akhbar Cina dan India sebelum merdeka.

Antara isu yang dikemukakan dalam akhbar Cina ialah **merangsang pemikiran masyarakat Huachiao** iaitu kaum Cina seberang laut. Akhbar tersebut menyeru mengekalkan identiti bangsa dan memperjuangkan nasib kaum wanita. Seterusnya, menyemai **perasaan cinta akan negara China**.

Antara isu yang dikemukakan dalam akhbar India ialah memperjuangkan **kepentingan orang India** di negara ini. Akhbar ini **memuatkan pemikiran dan kepentingan perpaduan dalam kalangan kelas menengah India** di negara ini. Seterusnya, melaporkan perkembangan politik di India dan melaporkan kepentingan sosiopolitik masyarakat India.

19. Sekiranya anda seorang wartawan, apakah yang akan anda suarakan kepada generasi hari ini? (KBAT)

Sebagai seorang wartawan, saya akan suarakan kepada generasi hari ini berkaitan **kepentingan menuntut ilmu**. Generasi hari ini harus menguasai kepakaran dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi. Hal ini dapat menyumbang kepada **kemajuan negara**. Kesimpulannya ilmu sangat penting bagi setiap individu untuk **memajukan diri dan negara**.

20. Bincangkan perjuangan nasionalisme melalui persatuan sebelum Perang Dunia Kedua.

Perkembangan persatuan Melayu dalam perjuangan nasionalisme sebelum Perang Dunia Kedua boleh dilihat melalui penubuhan **Kesatuan Melayu Singapura (KMS)**. Diasaskan oleh **Mohammad Eunos Abdullah**. Bertujuan menggalakkan ahli bergerak **aktif** dalam pentadbiran. Seterusnya, memperjuangkan **kepentingan orang Melayu** dalam politik dan pendidikan. KMS telah bekerjasama dengan British dengan meminta supaya orang Melayu diberikan lebih banyak **peluang dalam pentadbiran**.

Selain itu, penubuhan **Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)**. Pemimpin Tanah Melayu ialah Zainal Abidin bin Ahmad (Za`ba) Tujuannya menggalakkan **ahlinya bersatu**. Seterusnya **bertukar-tukar pendapat** berkaitan isu orang Melayu. Mereka juga menganjurkan kongres **perhimpunan** orang Melayu untuk mengutarakan isu kebangsaan.

Terdapat juga pertubuhan lain iaitu **Kesatuan Melayu Muda (KMM)** diwujudkan. Tujuannya adalah untuk **menentang British**. Persatuan ini ditubuhkan oleh Ibrahim Haji Yaakob dan berjuang melalui akhbar Majlis. KMM dianggap **radikal** kerana berani menentang kerajaan kolonial dan membangkitkan **perasaan anti-British** melalui penulisan dalam akhbar dan majalah..

21. Apakah kebaikan pelajar menyertai kegiatan persatuan pada peringkat sekolah? (KBAT)

Kebaikan pelajar menyertai kegiatan persatuan pada peringkat sekolah ialah dapat **menyemai nilai kepimpinan**. Hal ini dapat **melahirkan pemimpin yang berwibawa** pada masa hadapan. Dapat **membentuk sahsiah pemimpin** yang berkaliber. Contohnya, dapat **menerapkan nilai bertanggungjawab**. Seterusnya, dapat membentuk **keupayaan berinteraksi**. Kesimpulannya, kegiatan persatuan berupaya **melahirkan pemimpin yang seimbang**.

22. Jelaskan perkembangan kegiatan persatuan dalam kalangan masyarakat Cina dan India di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Perkembangan kegiatan persatuan dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu masih memberi **perhatian kepada keadaan yang berlaku di China**. Sebagai contoh **Dr. Sun Yat Sen berusaha menjalinkan hubungan dengan pemimpin Cina di negara kita**. Pemimpin tersebut telah **melawat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebanyak 4 kali**. Selain itu, masyarakat Cina Peranakan memberi perhatian kepada kebajikan dan politik tempatan. Contohnya **Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA)** menggalakkan pelajaran tinggi dan teknikal kepada masyarakat Cina. Tokoh seperti **Tan Cheng Lock menuntut peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan**.

Selain itu, masyarakat India telah menubuhkan **Persatuan India Taiping** dan **Persatuan India** dan **Persatuan India Pulau Pinang**. Tujuannya **menjaga kepentingan** masyarakat India di Tanah Melayu. Mereka telah menganjurkan **Persidangan India Se Malaya** bagi membincangkan **isu berkaitan masyarakat India** di Tanah Melayu. Masyarakat **Sikh** yang terlibat dalam pasukan keselamatan menjadikan berek polis atau kuaters kerajaan serta gurdwara sebagai tempat aktiviti sosial dan keagamaan.

23. Apakah reaksi masyarakat bukan Melayu terhadap perkembangan nasionalisme di negara ini?

Masyarakat bukan Melayu memberikan reaksi terhadap perkembangan nasionalisme di negara kita seperti **orang Cina memberikan tumpuan kepada pendidikan orang Cina** di negara kita. Mereka menubuhkan **kelab membaca dan pasukan drama**. Tujuannya dapat **memberi peluang mengikuti berita dari negara China**. Seterusnya, **membuka lebih banyak sekolah Cina** di Tanah Melayu.

Selain masyarakat Cina, masyarakat India dan Ceylon mula **menubuhkan persatuan**. Tujuannya untuk **menjaga kebajikan kumpulan etnik** masing-masing. **Dato E.E.C Thuraisingham membantu meningkatkan perusahan getah** pada zaman kemelesetan ekonomi 1920an.

24. Bagaimanakah anda dapat mengukuhkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara ini? (KBAT)

Generasi hari ini dapat mengukuhkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat dengan **menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu** seperti **Tunku Abdul Rahman** dan Dato` Onn Ja`afar. Hal ini supaya timbul rasa **bangga** dengan semangat pemimpin terdahulu. Mereka telah **gigih** berjuang mendapatkan kemerdekaan demi mempertahankan **kedaulatan** negara. Kesimpulannya dengan memperingati perjuangan tokoh-tokoh terdahulu kita dapat meningkatkan **jati diri** dan semangat nasionalisme.

Selain itu, kerajaan melalui Jabatan Penerangan Negara menganjurkan **Sambutan Bulan Kebangsaan** pada 31 Ogos dan Hari Malaysia 16 September setiap tahun bagi menyemarakkan semangat cinta akan negara. Mengadakan Kempen Kibar Bendera dan perarakan Hari Kebangsaan. Pihak Sekolah melalui Panitia Sejarah menganjurkan **aktiviti Bulan Kebangsaan** bagi menanam rasa cinta kepada negara dikalangan murid sekolah.

BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1. Jelaskan faktor Perang Dunia Pertama.

Faktor Perang Dunia Pertama ialah **persaingan kuasa imperialis**. Hal ini demikian kerana perkembangan Revolusi Industri menyebabkan kuasa imperialis ingin mendapatkan tanah jajahan bagi memperoleh bahan mentah seperti bijih timah, arang batu dan petroleum. Mereka juga mencari kawasan yang baru untuk memasarkan hasil industri mereka. Kesannya ialah membawa permusuhan antara kuasa imperialis seperti Perancis dan Jerman.

Selain itu, wujudnya **pakatan ketenteraan** seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga di mana ada negara dalam pakatan tersebut bersaing menghasilkan senjata moden. Tambahan pula mereka sedia untuk berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakstabilan politik di Eropah.

Di samping itu, berlakunya **krisis di Rantau Balkan**. Hal ini demikian kerana permusuhan antara Austria- Hungary dengan Serbia. Keadaan ini berlaku apabila Austria- Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb berjuang untuk membebaskan daripada pemerintahan Austria-Hungary. Pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria Hungary dan isterinya Sophie kemuncak kepada krisis di Rantau Balkan yang menyebabkan Eropah terjerumus dalam kancah Perang Dunia Pertama.

2. Terangkan kesan Perang Dunia Pertama kepada Eropah.

Kesan Perang Dunia Pertama kepada Eropah ialah **keruntuhan pemerintahan beraja**. Hal ini dibuktikan di Jerman apabila Kerajaan Republik Jerman didirikan selepas Kaiser Wilhem II terpaksa turun takhta dan mendapatkan perlindungan politik di Belanda. Keadaan ini juga berlaku di terhadap Empayar Austria Hungary apabila berlakunya pemberontakan di wilayah Dinasti Habsburg sehingga dinastinya berakhir. Revolusi yang berlaku di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja pimpinan Tsar Nicolas II. Keadaan ini menyebabkan munculnya kerajaan komunis pertama di dunia pimpinan Vladimir Lenin. Manakala, pemerintah Empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan dan digantikan oleh pemimpin bercorak republik iaitu Mustafa Kemal Ataturk.

Selain itu, **kemunculan negara baharu**. Hal ini dapat dibuktikan selepas berlakunya keruntuhan empayar Austria-Hungary munculnya negara Austria, Hungary, Czechoslovakia dan Yugoslavia. Perpecahan empayar Rusia membawa kepada penubuhan seperti Poland, Estonia, Latvia dan Lithuania. Keadaan ini juga berlaku selepas perpecahan empayar Uthmaniyah sehingga munculnya negara baharu seperti Lebanon, Syria dan Iraq.

3. Jelaskan rasional negara kita tidak pernah menyertai sebarang pakatan ketenteraan dengan kuasa luar.

Negara kita tidak pernah menyertai sebarang pakatan ketenteraan dengan luar kerana **pakatan ketenteraan akan menimbulkan keadaan yang tegang**. Hal ini demikian kerana menjejaskan hubungan diplomatik dengan negara lain. Keadaan ini akan menyebabkan kedaulatan negara akan diancam oleh blok ketenteraan yang lain. Kesannya bertambah buruk kerana melibatkan ancaman keselamatan rakyat dan harta benda negara. Oleh itu jelaslah bahawa pakatan ketenteraan menjejaskan keamanan dunia.

Selain itu, Malaysia merupakan **anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Negara-negara Berkecuali (NAM)**. Hal ini kerana Malaysia mematuhi keanggotaan NAM yang baik-baik dengan semua negara malahan menolak pencerobohan terhadap negara lain. Tambahan pula, Malaysia mencintai keamanan dunia dan menentang kezaliman. Contohnya, Malaysia lantang bersuara menentang tindakan kejam rejim Israel ke atas rakyat Palestin. Oleh itu, jelaslah bahawa Piagam PBB harus dipatuhi oleh semua negara agar keamanan dunia dapat dicapai.

Di samping itu, **menimbulkan ketegangan hubungan politik**. Ini kerana perbezaan pendapat dalam kalangan negara anggota. Keadaan ini bertambah buruk sekiranya negara anggota melanggar prinsip diplomasi. Sekaligus menggalakkan berlakunya peperangan dan permulaan ke arah perlumbaan senjata. Ini bertambah buruk masing-masing bersaing untuk membuktikan kekuatan dan berlakunya pencerobohan ke atas negara lain. Kesannya, kedaulatan negara akan tergadai akibat penjajahan oleh negara maju menguasai negara kecil. Oleh itu, pakatan ketenteraan menjejaskan pentadbiran dalam negara.

4. Bagaimanakah berlakunya Perang Dunia Pertama di Eropah.

Perang Dunia Pertama berlaku di Eropah apabila Austria- Hungary dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia pada 28 Julai 1914. Seterusnya, pada tahun 30 Julai 1914, Rusia bertindak memberikan bantuan ketenteraan untuk mempertahankan Serbia. Keadaan bertambah buruk apabila Jerman mengisytiharkan perang terhadap Rusia pada 1 Ogos 1914.

Pada 3 Ogos 1914, Jerman telah mengisytiharkan perang terhadap Perancis yang menyebelahi Rusia dan pada telah menceroboh Belgium untuk menyerang Perancis. Selepas itu, Britain telah menyertai Rusia dan Perancis memerangi Jerman pada 4 Ogos 1914 dan pada Oktober 1914 empayar Uthamanyah menyertai peperangan dengan memihak Kuasa Tengah. Manakala pada Mac 1915 Itali telah menyertai Perancis, Britain dan Rusia dalam Pakatan Bertiga dan Amerika Syarikat telah menyertai peperangan pada April 1917 sekaligus membawa kejayaan kepada Pakatan Bertiga pada tahun 1918. Kesannya, Jerman dipaksa menandatangani gencatan senjata dan Amerika Syarikat diiktiraf sebagai kuasa besar dunia selepas Perang Dunia Pertama.

5. Perang Dunia Pertama memberi kesan terhadap Tanah Melayu. Buktikan

Kesan Perang Dunia Pertama terhadap Tanah Melayu ialah British mula menyekat kebangkitan orang Melayu dan Raja-raja Melayu dipaksa menandatangani perisytiharan perang yang menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British.

Selain itu, undang-undang berkaitan perang diluluskan oleh pentadbiran British dan memperuntukan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British sekaligus meletakkan negeri-negeri Melayu di bawah undang-undang tentera. Seterusnya, British menggunakan kemakmuran atau sumber ekonomi Tanah Melayu untuk membiayai operasi British dalam Perang Dunia Pertama.

6. Cadangkan langkah untuk memastikan konflik dunia tidak berulang?

Langkah untuk memastikan konflik dunia tidak berulang ialah **menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan**. Hal ini demikian kerana untuk mencari kesepakatan dalam menangani sebarang krisis agar dapat memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain. Keadaan ini dapat dilakukan melalui misi menghantar bantuan ke negara yang dilanda musibah seperti bencana, kebuluran dan kemiskinan. Contohnya, Tsunami di Aceh dan kebuluran di Afrika. Justeru, perbincangan dalam menyelesaikan konflik amat penting.

Di samping itu, **mempertingkatkan hubungan diplomatik**. Hal ini kerana dapat mengeratkan hubungan persahabatan antara satu sama lain. Hubungan ini dapat dijalankan melalui hubungan dagangan dua hala melalui pertukaran teknologi atau kepakaran dalam aktiviti sukan dan pendidikan sekaligus mendapat manfaat dalam pembangunan negara melalui penyelidikan dan pembangunan agar negara terus maju. Justeru itu, menjalinkan kerjasama antara negara merupakan strategi penting dalam menyelesaikan konflik dunia.

Seterusnya, **menghentikan pencerobohan terhadap negara lain**. Hal ini demikian kerana menghormati kedaulatan negara lain agar tidak wujudnya pergolakan dalam negara sekaligus dapat menghentikan perang saudara. Contohnya, Perang Saudara di Afrika Selatan. Oleh itu, menolak penjajahan merupakan wadah penting dalam menyelesaikan konflik dunia hari ini.

7. Jelaskan faktor Perang Dunia Kedua di Eropah.

Faktor Perang Dunia Kedua di Eropah ialah **kemunculan ideologi baru** seperti fasisime di Itali pimpinan Benito Mussolini yang mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan percaya kepada nasionalisme melampau termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara. Keadaan ini menyebabkan Itali meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah dan Albania untuk memulihkan imej semula negara mereka. Di Jerman muncul ideologi Nazisme pimpinan Adolf Hitler yang mengagungkan bangsa Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles bagi memulihkan nasionalisme Jerman. Hitler juga telah membina angkatan tentera semula dan menduduki Rhineland semula.

Selain itu, **ketidakpuasan hati terhadap perjanjian Versailles** di mana Jerman menganggap perjanjian tersebut tidak adil. Hal ini demikian kerana menjejaskan kedaulatan negaranya dan kehilangan tanah jajahan. Jerman juga perlu membayar pampasan perang yang tinggi. Keadaan ini menyebabkan Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk. Itali juga tidak berpuas hati dengan perjanjian tersebut kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu seperti Poland dan Perancis.

Di samping itu, **kegagalan Liga Bangsa-Bangsa** dalam memastikan keamanan dunia dan mewujudkan kerjasama antarabangsa malahan gagal menguatkuasakan perjanjian perlucuan senjata. Liga Bangsa-Bangsa juga gagal dalam menangani krisis pencerobohan seperti krisis Manchuria dan krisis Habsyah. Keadaan ini menyebabkan dunia terdedah kepada konflik berterusan.

8. Huraikan peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah.

Perang Dunia Kedua di Eropah bermula dengan **penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat** apabila Jerman memulakan serangan Blitzkrieg bagi menakluki negara di Eropah Barat. Jerman berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis. Seterusnya, Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat menjelang pertengahan tahun 1941.

Selain itu, berlakunya **pengeboman Britain** dimana Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga bulan Jun 1941. Jerman telah menyerang dan memusnahkan pelabuhan, kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain. Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain.

Seterusnya, **Itali telah menyertai perang di Eropah** apabila Itali dan sekutunya Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis pada bulan Jun 1940. Hal ini dapat dilihat tentera Itali menyerang Perancis melalui arah selatan dan tentera Jerman menyerang Perancis melalui arah utara.

Keadaan ini juga berlaku apabila Jerman telah melakukan **serangan ke atas Rusia** dengan melancarkan Operasi Barbarossa iaitu serangan besar-besaran untuk menawan Rusia. Operasi ini menyasarkan bandar utama di Rusia iaitu Leningrad, Moscow dan Stalingrad. Hitler ingin menguasai Rusia untuk mencapai cita-citanya menguasai seluruh Eropah kerana Rusia merupakan empayar terbesar di Eropah.

9. Mengapakah perang mengancam kesejahteraan hidup warga dunia.

Perang mengancam kesejahteraan hidup warga dunia kerana **menjejaskan keamanan dunia**. Hal ini kerana ramai nyawa orang awam terkorban. Keadaan ini juga menyebabkan berlakunya kemusnahan harta benda dan penularan wabak penyakit yang serius dan sukar dibendung malahan mangsa peperangan kehilangan tempat tinggal. Sekaligus mangsa peperangan mengambil pendekatan melarikan diri ke negara lain. Keadaan lebih buruk apabila timbulnya isu pelarian dan mengundang isu sosial seperti jenayah perang. Justeru itu, perang memusnahkan ketamadunan manusia.

Selain itu, **menjejaskan pembangunan negara**. Hal ini demikian kerana berlakunya kemerosotan pertumbuhan ekonomi akibat iflansi dan kemelesetan ekonomi. Keadaan ini menjejaskan usaha untuk menarik pelabur asing untuk melabur dalam bidang perindustrian, pertanian dan pelancongan. Oleh itu, pasaran dalam dan luar negara tidak dapat berkembang luas. Kesannya ialah nilai mata wang negara akan merosot. Natijahnya, perang menjejaskan kemakmuran ekonomi negara.

Di samping itu, **sistem pentadbiran sesebuah negara tidak tersusun**. Hal ini kerana berlakunya ketidak ketuluan dalam mentadbir negara. Keadaan ini lebih buruk apabila melibatkan salah guna kuasa sehingga nasib rakyat diperjudikan. Sekaligus wujud jurang dalam pengagihan kekayaan untuk rakyat. Oleh itu, perang menyebabkan ketidakstabilan politik dalam negara.

10. Jelaskan iktibar daripada peperangan yang berlaku dalam mengekalkan keamanan dunia.

Iktibar daripada peperangan yang berlaku dalam mengekalkan keamanan dunia ialah **berusaha menyelesaikan sesuatu pertikaian melalui rundingan**. Hal ini kerana kesepakatan adalah penting bagi mewujudkan kestabilan negara. Sekaligus dapat menangani krisis tanpa pertumpahan darah. Keadaan ini juga dapat mengelakkan ancaman luar. Contoh, Malaysia menggunakan kaedah diplomasi dalam menangani isu konfrontasi dengan Indonesia. Natijahnya, kaedah meja bulat dalam mengekalkan keamanan dunia merupakan usaha penting dalam menangani konflik yang berlaku pada hari ini.

Selain itu, **tidak bertindak terburu-buru** sehingga mengeruhkan keadaan. Hal ini demikian kerana pemimpin yang bijaksana bertindak tanpa emosi. Keadaan ini suasana tegang dapat diatasi tanpa perang. Hal ini demikian kerana perang akan menyebabkan kesengsaraan dan kehilangan nyawa. Contohnya, Dato' Onn Jaafar mengatur perundingan antara Kiai Salleh dan pemimpin Melayu dengan ketua Bintang Tiga dalam menangani pergaduhan kaum. Natijahnya, sikap tidak tergesa-gesa penting dalam menangani krisis agar kejayaan terbesar dapat dicapai.

Di samping itu, **tidak campur tangan terhadap negara lain**. Hal ini kerana semua negara mempunyai kedaulatan dan bebas menentukan hala tuju negara masing-masing. Sekaligus dapat menyelesaikan masalah sendiri. Contoh, negara luar tidak boleh campur tangan pentadbiran negara Malaysia khususnya melibatkan perlembagaan negara. Kesannya ialah dunia akan sejahtera dan tenteram.

11. Mengapakah masyarakat tempatan menentang Jepun?

Masyarakat tempatan menentang Jepun kerana **pelaksanaan pemerintahan bercorak ketenteraan**. Hal ini demikian kerana Jepun bertindak ganas dan kejam dengan menyeksa dan membunuh orang yang disyaki. Contohnya pasukan Kempetai bertindak ganas dan kejam, menyeksa dan membunuh sesiapa yang disyaki sebagai antipentadbiran tentera Jepun.

Selain itu, **layanan berbeza-beza mengikut kaum**. Keadaan ini dapat dilihat kaum Cina mengalami kesengsaran hidup kerana permusuhan daripada Perang China-Jepun. Orang Cina juga dipaksa membayar sejumlah wang sebagai hukuman penentangan mereka terhadap Jepun. Rakyat juga dijadikan buruh kerahan atau paksaan dan mereka juga terlibat dalam pembinaan Landasan Kereta Api Maut dimana ramai yang terkorban akibat kerja berat.

Seterusnya, **berlakunya kebuluran atau kekurangan makanan** dalam masyarakat. Hal ini kerana Jepun memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting bagi mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan. Oleh itu, Jepun memperkenalkan catuan makanan untuk mengawal penjualan barangan keperluan asas seperti beras, garam dan gula. Jepun juga gagal menunaikan janjinya iaitu gagal membawa "Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya".

12. Jelaskan kebangkitan gerakan penentangan terhadap pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Kebangkitan gerakan penentangan terhadap pendudukan Jepun di Tanah Melayu dicetuskan oleh **Rejimen Askar Melayu**. Rejimen ini terlibat bersama pasukan tentera British dan menentang pendaratan Jepun di Kelantan. Mereka menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam pertempuran di Singapura. Contohnya Leftenan Adnan Saidi dan Koperal Yaakob Bidin. Selain itu, **Malayan People's Anti- Japanese Army (MPAJA)** iaitu gerakan anti- Jepun terbesar di Tanah Melayu dan merupakan pasukan sukarela di bawah PKM. Pasukan ini memberi perlindungan kepada orang Cina dan mendapat latihan ketenteraan daripada British. Mereka mendapat latihan di Sekolah Latihan Khas di Singapura dan menjalankan kerja sabotaj dan melancarkan perang gerila.

Di samping itu, melalui gerakan **penentangan individu** iaitu Gurchan Singh menentang secara propaganda atau penyebaran risalah. Gurchan menyebarkan maklumat sebenar kepada penduduk tentang pendudukan tentera Jepun dan menyamar sebagai wartawan serta mendalangi sabotaj terhadap landasan kereta api. Di samping itu, Sybil Medan Daly atau Sybil Karthigasu merupakan seorang jururawat yang terkenal dengan keberanian dan kecekalan membantu mangsa perang dan gerila anti-Jepun di Perak. Sybil juga memberikan bantuan ubat-ubatan dan perkhidmatan perubatan.

Manakala penentangan di Sarawak dicetuskan melalui **Operasi Semut**. Operasi semut merupakan operasi peninjauan di bawah unit khas Z Australia dan melakukan kempen tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak. Operasi ini merekrut orang tempatan di Sarawak yang terdiri daripada orang Kayan, Kenyah dan Kelabit. Rekrut

tempatan ini dikenali sebagai Gerila Semut yang membantu dalam perancangan taktikal. Mereka juga mempunyai pengetahuan selok-belok bumi di Sarawak.

Seterusnya, **Pemberontakan Jesselton** di Sabah dikenali sebagai Double Tenth yang diketuai oleh Albert Kwok. Kumpulan ini dikenali sebagai gerila Kinabalu telah melancarkan serangan terhadap pejabat pentadbiran, balai polis dan kemudahan Tentera Diraja Jepun. Mereka juga turut membunuh tentera Jepun di Jesselton, Kota Belud, Menggatal dan Tuaran.

13. Huraikan kesan kegiatan anti-Jepun terhadap nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Kesan kegiatan anti-Jepun terhadap nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan ialah **perkembangan semangat Antipenjajah**. Hal ini dapat dibuktikan melalui slogan “Asia untuk Asia” dan konsep “Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya” yang menekankan kebebasan Asia dan menentukan kemajuan serta meningkatkan persaudaraan sejagat. Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah bekerjasama dengan Jepun bagi mendapatkan kemerdekaan.

Selain itu, **perjuangan menuntut kemerdekaan dalam kalangan orang Melayu**. Pihak Jepun telah membebaskan ahli Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang telah dipenjarakan oleh British. Namun begitu, KMM dibubarkan oleh British kerana pemimpin mereka menuntut kemerdekaan daripada Jepun. Oleh itu, KMM telah menukar taktik dan strategi baru dengan menyertai gerakan bawah tanah menentang Jepun iaitu Giyu Gun dan Giyu Tai. Pada masa yang sama mereka bekerjasama dengan pentadbiran tentera Jepun. Oleh itu, Dr. Burhanuddin al-Helmi Ibrahim Haji Yaakob, Onan Siraj dan bekas pemimpin KMM telah menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan direstui oleh Jepun untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia melalui semangat “Asia untuk Asia”. Namun begitu, perjuangan KRIS untuk menuntut kemerdekaan tidak berjaya kerana Jepun menyerah kalah.

Disamping itu, **muncul kesedaran politik di Sarawak dan Sabah** yang dikawal oleh persatuan ditaja oleh Jepun. Contohnya, Persatuan Cina digabungkan menjadi Kakeo Kokokai. Orang Melayu dan Iban telah diberikan jawatan dan kuasa yang lebih tinggi sebagai pegawai daerah. Keadaan ini memberikan kesedaran dan keyakinan kepada pegawai tempatan untuk menjalankan tugas penting dan berkerajaan sendiri. Manakala di Sabah, pendudukan Jepun memberikan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat tempatan di Sabah. Beberapa pertubuhan ditubuhkan seperti Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) dan Parti Kebangsaan Melayu Tawau.

14. Berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetahuan anda, terangkan impak positif pendudukan Jepun di negara kita

Impak positif pendudukan Jepun di negara kita ialah **pemimpin tempatan diberikan peluang dalam pentadbiran**. Hal ini kerana penduduk tempatan diberikan kenaikan pangkat berasaskan pendidikan dan pengalaman. Keadaan ini memberikan pengalaman untuk penduduk dalam pentadbiran kerajaan. Contohnya, penubuhan Institut Latihan Pemimpin Tempatan atau Koa Kurenjo yang matlamatnya menanamkan keyakinan pemimpin tempatan untuk mentadbir negara. Penubuhan Koa Kurenjo juga untuk membangkitkan semangat juang yang lebih kental dan menanamkan semangat bahawa kuasa Barat boleh dikalahkan.

Selain itu, **melahirkan sifat berdikari dalam kalangan rakyat**. Ini kerana keperitan hidup atau kekurangan makanan menjadikan penduduk tempatan lebih kreatif dalam menghasilkan ciptaan baharu berasaskan produk tempatan. Contoh menghasilkan tempe daripada bijih getah. Keadaan ini menyemai sifat membenci terhadap penjajah luar sekaligus menjadi pemangkin nasionalisme di Tanah Melayu. Rakyat negara ini juga mula sedar penjajah sama ada Barat atau Asia sikapnya tetap sama.

15. Jelaskan tindakan Bintang Tiga dalam mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu.

Tindakan Bintang Tiga dalam mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu ialah **mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu** dengan menguasai bandar, balai polis dan pejabat pentadbiran.

Selain itu, **menjalankan undang-undang sendiri**. Mereka telah menggunakan sebuah mahkamah yang dikendalikan oleh komunis dan menjatuhkan hukuman mati ke atas sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun.

Di samping itu, Bintang Tiga juga **melakukan kekejaman** dengan menyeksa dan membunuh anggota polis, askar, pegawai daerah dan pasukan sukarelawan Melayu. Mereka juga mengancam institusi politik atau kekeluargaan malahan mengganggu urusan agama Islam seperti surau dan masjid.

16. Bagaimanakah pemimpin Melayu melindungi orang tempatan daripada tindakan Bintang Tiga.

Pemimpin Melayu melindungi orang tempatan daripada tindakan Bintang Tiga ialah **orang Melayu bersatu menentang Bintang tiga** dengan membentuk Gerakan Fi-Sabillillah di mana kepimpinan ulama tempatan memberikan inspirasi kepada masyarakat Melayu untuk mempertahankan maruah bangsa . Contohnya, Kiyai Salleh mempelopori penentangan di Johor dengan menubuhkan pasukan Tentera Selempang Merah dan Tuan Haji Bakri Haji Mohd Saman menjadi Khalifah Parang Panjang di Sungai Manik , Perak.

Di samping itu, **mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga**. Dato Onn dilantik oleh Sultan Ibrahim untuk menamatkan kekacauan. Manakala pemimpin Melayu mengatur perundingan dengan ketua Bintang Tiga di Dewan Perniagaan Cina, Batu Pahat. Melalui rundingan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk menamatkan konflik.

17. Apakah yang akan terjadi sekiranya keharmonian kaum negara kita tidak terpelihara?

Perkara yang terjadi sekiranya keharmonian kaum negara tidak terpelihara ialah **mengancam keselamatan politik negara**. Hal ini demikian kerana sifat perkauman yang menonjol dan boleh mencetuskan konflik perkauman seperti peristiwa 13 Mei 1969. Keadaan ini akan menyebabkan rakyat tidak dapat menikmati keamanan dan menimbulkan suasana yang tegang. Oleh itu, pembangunan negara terbantut.

Seterusnya, **hak asasi rakyat tidak terjaga**. Hal ini kerana tidak mematuhi perlembagaan dan bersikap pentingkan diri sendiri. Keadaan ini akan menyebabkan kekayaan negara tidak dapat dikongsi bersama sekaligus kebajikan rakyat tidak terpelihara. Kesannya ialah wujud jurang yang besar dalam pendapatan dan menyebabkan rakyat terjerumus dalam kemiskinan. Natijahnya, negara tidak dapat mengecapi kemakmuran.

Selain itu, **menjejaskan keamanan negara**. Hal ini demikian kerana masyarakat yang tidak mematuhi undang-undang sehingga mengabaikan perpaduan yang terjalin sekian lama. Keadaan ini menyebabkan wujudnya masyarakat mementingkan diri sendiri dan mengabaikan semangat kejiwaan dalam masyarakat majmuk di negara kita. Kesannya ialah negara tidak mendapat kesejahteraan.

BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

1. Mengapakah British melaksanakan British Military Administration (BMA)?

British melaksanakan pentadbiran BMA untuk **memulihkan keamanan dan kestabilan** dengan membubarkan pasukan MPAJA. BMA mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada MPAJA semasa pendudukan Jepun dikembalikan.

Seterusnya, pentadbiran BMA dilaksanakan untuk **memulihkan kepercayaan rakyat**. Rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintahan Jepun. Bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar didapati. Sekiranya terdapat bekalan tersebut, harganya pula melambung tinggi. Wabak penyakit semakin merebak, terutama penyakit beri-beri yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan. Selain itu, kebuluran berlaku di kebanyakan tempat. Rakyat juga tidak mempunyai wang untuk membeli makanan, manakala kegiatan menyorok barang, amalan rasuah, peras ugut dan pasar gelap di Kuala Lumpur menjadi semakin tidak terkawal.

BMA juga berusaha untuk **memulihkan kerosakan infrastruktur** akibat bencana peperangan. British berharap pemulihan sosioekonomi akan memulihkan kepercayaan rakyat. BMA berusaha untuk memulihkan ladang getah, lombong bijih timah serta membaiki prasarana dan kemudahan kesihatan yang dimusnahkan oleh tentera Jepun.

2. Nyatakan halangan yang dihadapi oleh British dalam melaksanakan BMA di Tanah Melayu?

Halangan yang dihadapi oleh British dalam melaksanakan BMA di Tanah Melayu ialah BMA **gagal mengumpulkan semula senjata** yang diberikan British kepada MPAJA semasa pendudukan Jepun. BMA juga **gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum**.

BMA juga menghadapi **kesukaran untuk membawa masuk jentera, alat ganti, mesin dan teknologi yang menyebabkan sosioekonomi sukar dipulihkan**. Rakyat hampa dengan ketidakupayaan BMA menangani masalah yang dihadapi mereka

3. Apakah pengajaran/ iktibar yang diperoleh daripada pentadbiran BMA di Tanah Melayu? (KBAT)

Pengajaran atau iktibar yang diperoleh daripada pentadbiran BMA di Tanah Melayu ialah kita harus **menjaga kedaulatan negara** agar tidak diceroboh dan dikuasai oleh orang luar dengan menjaga keselamatan dan keamanan negara. Ini membolehkan kedaulatan negara kita dipertahankan.

Kita mestilah sentiasa **hidup bersatu padu** dengan mengamalkan sikap tolak ansur antara satu sama lain serta menghormati antara satu sama lain agar tidak tercetusnya pergaduhan antara satu sama lain. Kesannya, negara aman.

Selain itu, pemimpin mestilah **bijak mentadbir negara** supaya tidak mudah terpedaya dengan tipu helah musuh. Pemimpin perlu menyusun strategi jangka panjang dan jangka penduduk dalam memodenkan pentadbiran. Kesannya, politik negara menjadi stabil dan keamanan negara akan terpelihara.

4. Terangkan latar belakang pembentukan Malayan Union.

Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi **menggantikan BMA**. British berhasrat agar Malayan Union akan **melicinkan sistem pentadbiran**. Selain itu, MU diharapkan dapat **meningkatkan pelaburan ekonomi**. Seterusnya, MU juga bermatlamat untuk **mengukuhkan pertahanan** dan **mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja dalam meningkatkan ekonomi**.

Unit Perancang Tanah Melayu ditubuhkan pada Februari 1943. Unit ini yang diketuai oleh Mejar Jeneral Ralph Hone diberikan tugas untuk **merangka satu bentuk pentadbiran baharu** di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union. Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall membentangkan rancangan ini di Parlimen British pada 10 Oktober 1945.

Pada 25 April 1945, Persatuan Pelajar Melayu Britain **hantar memorandum** meminta supaya hak kewarganegaraan di Tanah Melayu tidak mengikut prinsip Jus Soli (syarat kewarganegaraan berdasarkan tempat lahir). Tan Cheng Lock dan Persatuan Cina Seberang Laut hantar memorandum kepada British berkaitan masa depan Tanah Melayu

Rancangan Malayan Union yang diisytiharkan dalam Warta Kerajaan dikenali sebagai Kertas Putih 6274. Dalam Kertas Putih tersebut, British akan **mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu** dan **menubuhkan sebuah pentadbiran berpusat atau kesatuan di bawah jajahan British**. Pada 1 April 1946, MU dilaksanakan di Tanah Melayu.

5. Nyatakan ciri-ciri Malayan Union.

Ciri-ciri Malayan Union ialah Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dan Negeri-negeri Selat (NNS) kecuali Singapura disatukan **menjadi satu unit pentadbiran**. Selain itu, Malayan Union **diketuai oleh Gabenor British** yang dilantik oleh Ratu England. Seterusnya, **Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan dibentuk** di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British. **Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja** yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Selain itu, **kewarganegaraan melalui prinsip jus soli** menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union. Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union. Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberi kewarganegaraan. Manakala, mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara, turut diberikan kewarganegaraan.

6. Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda mempertahankan maruah bangsa dan negara? (KBAT)

Sebagai generasi muda, cara saya mempertahankan maruah bangsa ialah **taat kepada pemimpin** supaya pentadbiran negara mendapat sokongan rakyat. Dengan itu, kuasa asing tidak mudah campur tangan dalam urusan pentadbiran negara kita. Contohnya, pemimpin yang disokong oleh rakyat dapat menjalankan pentadbiran secara lebih berkesan. Keadaan ini membolehkan kedaulatan negara dipertahankan.

Selain itu, saya akan **mematuhi undang-undang negara** dengan tidak melakukan kes jenayah seperti merompak. Ini akan menyebabkan kes jenayah dalam negara berkurangan dan rakyat dapat hidup dalam aman dan selamat. Kesannya imej negara di mata dunia dapat ditingkatkan.

Seterusnya, saya akan **memperkukuhkan lagi jati diri** dengan menyertai pasukan pertahanan negara. Saya akan berlatih untuk menjadi seorang tentera yang kuat untuk menjaga keselamatan negara. Saya akan dengan berani bertempur dengan musuh negara dalam mempertahankan kedaulatan negara supaya maruah bangsa dapat dipelihara. Kesannya negarakita tidak mudah dikuasai oleh kuasa asing.

Cara yang terakhir ialah saya akan **memperkukuh perpaduan** antara kaum dengan mengamalkan sikap tolak ansur serta hormat-menghormati. Saya tidak akan menyentuh isu sensitif seperti isu agama yang boleh membawa kepada perbalahan antara kaum. Dengan ini, rakyat dapat hidup sejahtera dan keharmonian kaum akan terpelihara.

7. Terangkan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946.

Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British kerana **masalah pewarisan takhta**. Ini kerana Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya sebagai raja. Vyner Brooke semakin **tua dan uzur**. Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke (anak Bertram Brooke) untuk menggantikannya.

Selain itu, **desakan kerajaan British** menyebabkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Pihak Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak. Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya, British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu. Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke tentang pendirian untuk menyerahkan Sarawak kepada British. Akhirnya, Vyner Brooke bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada British.

Seterusnya, **masalah kewangan** juga menyebabkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas teretusnya Perang Dunia Kedua. Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah juga terbiar. Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu dibaiki. Vyner Brooke tidak mampu untuk membangunkan semula negeri Sarawak.

8. Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak?

Penyerahan Sarawak kepada British telah mencetuskan dua reaksi yang berbeza, iaitu ada **golongan yang menentang** penyerahan Sarawak dan ada **golongan yang menyokong** penyerahan Sarawak.

Golongan yang **menentang penyerahan Sarawak dipimpin oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah**. Golongan ini menentang disebabkan oleh beberapa faktor seperti **tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941**. Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak. Menurut perlembagaan ini, penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri. Namun begitu, tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan ini. Beliau menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri seperti yang termaktub dalam perlembagaan ini.

Selain itu, tindakan **Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke juga mencetuskan penentangan**. Vyner Brooke telah membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke). Golongan menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah.

Seterusnya, **tindakan Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat** seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan juga menyebabkan penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British.

Selain golongan yang menentang, terdapat juga penduduk yang **menyokong penyerahan Sarawak**. Mereka **diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha dan Datu Amar Abang Haji Suleiman**. Mereka menyokong penyerahan Sarawak untuk **memajukan negeri dan penduduk tempatan serta memberikan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam**.

Selain itu, Ahli Majlis Negeri, **Datu Bandar Abang Haji Mustapha** menyatakan bahawa selepas perang, negeri Sarawak mengalami banyak kemusnahan. Penyerahan ini dapat **memajukan Sarawak dalam pelbagai aspek** seperti politik, perhubungan, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Sarawak.

Seterusnya, penduduk tempatan menyokong penyerahan Sarawak untuk **memajukan penduduk tempatan**. Golongan pro-penyerahan menubuhkan **Young Malay Association (YMA)** untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial. Pertubuhan ini juga membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan dalam pelbagai aspek. Kegiatan YMA menjurus dalam bidang pelajaran, agama dan sukan. Pertubuhan ini menubuhkan cawangannya di Sibul, Kalaka dan Miri.

Dalam pada itu, penduduk tempatan menyokong penyerahan Sarawak kerana British **memberikan peluang pekerjaan** dalam perkhidmatan awam kepada penduduk tempatan. Ramai golongan intelektual di Sarawak diberikan peluang untuk mengisi jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan seperti peguam, doktor dan jurutera. Dengan ini, British akan memberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Sarawak.

9. Sekiranya anda pemimpin pada waktu itu, bagaimanakah anda mempertahankan Sarawak daripada diserahkan kepada British? (KBAT)

Jika saya pemimpin pada waktu itu, cara saya untuk mempertahankan Sarawak daripada diserahkan kepada British dengan **melancarkan demonstrasi besar-besaran** secara aman dalam menentang penyerahan. Rakyat diseru untuk **bersatu** dalam menentang penyerahan Sarawak kepada British.

Selain itu, saya akan **menggunakan akhbar dan majalah** dalam **mengkritik rancangan penyerahan Sarawak**. Akhbar dan majalah juga digunakan untuk **menyeru semua pemimpin tempatan dan penduduk** bekerjasama dan bersepatat dalam menentang penyerahan Sarawak kepada British.

Seterusnya, saya akan **mengadakan perhimpunan perwakilan** yang mengumpulkan wakil pemimpin dari seluruh Sarawak untuk **mengadakan bantahan secara terbuka** kepada ahli Parlimen British. Rasa tidak puas hati yang ditunjukkan melalui perhimpunan dan perarakan diharapkan dapat membatalkan niat British mengambil alih pentadbiran Sarawak.

Cara terakhir saya ialah **menghantar bantahan melalui telegram** kepada Perdana Menteri British. Surat ini bertujuan menunjukkan rasa kecewa dan tidak puas hati penduduk Sarawak terhadap tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

10. Mengapakah British berminat untuk menjadikan Sabah sebagai tanah jajahannya ?

British berminat untuk menjadikan Sabah sebagai tanah jajahannya untuk **memenuhi kepentingan British**. Perdana Menteri Britain, Clement Attlee ketika itu sedang menyelesaikan soal pemberian kemerdekaan kepada Sri Lanka, India dan Burma. Sementara itu, Sabah merupakan sebuah negeri yang berpotensi menggantikan jajahan tersebut. Sabah berupaya untuk membekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British.

Selain itu, British berminat untuk menjadikan Sabah sebagai tanah jajahannya untuk **meneruskan dasar British dalam hubungan luar**. Semasa pemerintahan SBUB, Sabah menjadi negeri naungan British. British menguasai hubungan luar negeri dan pertahanan Sabah. Keadaan ini mendorong SBUB membuat keputusan untuk menyerahkan Sabah kepada British pada tahun 1946.

Sebab terakhir ialah **masalah kewangan Sabah** menyebabkan Sabah diserahkan kepada British. Sebelum meninggalkan Sabah, tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan. Kerosakan ini memerlukan kos yang besar dan tidak mampu ditanggung oleh SBUB bagi membangunkan Sabah. Pihak syarikat bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British kerana kekurangan dana.

11. Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat tentangan daripada penduduk tempatan ?

Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan di Sabah disebabkan **dasar British** telah menindas kegiatan berpersatuan penduduk Sabah yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang berbeza dari aspek bahasa, budaya, sistem kepercayaan, penempatan dan kegiatan ekonomi. Keadaan ini menyukarkan pemimpin Sabah untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan.

Walaupun begitu, terdapat juga persatuan yang ditubuhkan seperti Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS) dan Persatuan Kebangsaan Melayu di Sabah yang dipimpin oleh Tengku Noordin, Zakaria Gunn dan Abu Bakar K. Ahmad. Selain itu, terdapat juga Barisan Pemuda Sabah (BARIP) yang dipimpin oleh Mandur Mohammad Sharif, Imam Suhaili Yaakub Zulkifli Apong Abang Abdul Hadi.

Pada awalnya, organisasi ini ditubuhkan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan politik kaum bumiputera. Kemudiannya, pemimpin persatuan ini bergiat aktif membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat. British khawatir pengaruh pemimpin ini akan menggugat kedudukan mereka di Sabah. Bagi melumpuhkan gerakan nasionalisme ini, British bertindak secara halus menawarkan **jawatan kenaikan pangkat** kepada ahli persatuan ini. Selain itu, British turut **memindahkan ahli dan pemimpin** yang aktif dalam gerakan berpersatuan ke bandar lain. Kegiatan berpersatuan ini akhirnya menjadi lemah kerana mengalami **masalah kewangan dan kekurangan pemimpin** yang berkebolehan.

Selain itu, tindakan British **mengehadkan peluang dalam pentadbiran** menyebabkan penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan. Dasar British menghadkan peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam bidang pentadbiran menyebabkan penduduk Sabah kurang mempunyai pengalaman dalam sistem birokrasi Barat.

Seterusnya, rakyat tempatan Sabah tidak menentang penyerahan Sabah kepada British demi **kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan**. Penyerahan Sabah dianggap sebagai peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran, memajukan bidang perniagaan dan meluaskan jaringan perdagangan. Selain itu, penyerahan ini dapat membangunkan negeri Sabah selepas perang. Oleh sebab itu, kebanyakan penduduk enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British.

Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat sebarang bantahan daripada penduduk tempatan kerana mereka **tidak memahami tujuan penyerahan tersebut**. Hal ini disebabkan oleh dasar British yang **menindas kesedaran nasionalisme dalam kalangan anak watan**.

12. Nyatakan cara British menghalang peluasan pengaruh gerakan nasionalisme dalam kalangan pemimpin persatuan di Sabah.

Cara British mengekang peluasan pengaruh gerakan nasionalisme dalam kalangan pemimpin persatuan di Sabah ialah **menawarkan jawatan kenaikan pangkat** kepada ahli persatuan yang terlibat. Contohnya HM Salleh, ahli Barisan Pemuda Sabah (BARIP) telah ditawarkan bekerja dengan kerajaan.

Selain itu, British turut **memindahkan ahli dan pemimpin** yang aktif dalam gerakan berpersatuan ke bandar lain. Zakaria Gunn, pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) telah ditukarkan ke Jesselton.

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1. Nyatakan latar belakang penubuhan Jawatankuasa Kerja 1946.

Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada 25 Julai 1946. Matlamat penubuhan Jawatankuasa Kerja adalah untuk **membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948**. Jawatankuasa Kerja **memulakan tugasnya** pada awal bulan Ogos 1946 sehingga pertengahan bulan November 1946.

Ahli Jawatankuasa Kerja terdiri daripada **wakil Raja-raja Melayu** iaitu Raja Kamaralzaman Raja Ngah Mansur, Dato' Hamzah Abdullah, Haji Mohamad Sheriff Osman dan Dato'Nik Ahmad Kamil. Terdapat juga **wakil UMNO** iaitu Dato' Onn Jaafar, Dato' Abdul Rahman Mohd Yasin dan Haji Megat Yunus. **Pegawai kanan British** yang turut terlibat ialah A.T.Newbould. K.K.O'Connor. W.D.Godsall. Dr.W.Linehan. A.Williams

2. Nyatakan cadangan Jawatankuasa Kerja.

Terdapat lima perkara yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja iaitu **menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat**. Selain itu, **memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu**. Berikutnya ialah **menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain**. Cadangan lain ialah **menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri**. Cadangan terakhir ialah **mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat**.

3. Nyatakan matlamat perjuangan golongan nasionalis Melayu radikal.

Perjuangan nasionalis Melayu radikal bermatlamat untuk **membebaskan tanah air daripada penjajahan**. Selain itu adalah untuk **menyatukan seluruh Tanah Melayu**. Malah, golongan ini **enggan berkompromi dengan penjajah** untuk mencapai kemerdekaan. Mereka **memperjuangkan hak semua kaum** dalam sebuah negara dengan penekanan kepada kebebasan bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar seperti akhbar *Suara Rakyat* untuk **membuka minda rakyat** bagi menuntut kebebasan. Golongan nasionalis Melayu radikal juga memperjuangkan **pembelaan terhadap ketiadaadilan**.

4. Mengapakah gabungan PUTERA-AMCJA menolak penubuhan Jawatankuasa Kerja?

Gabungan PUTERA menolak Jawatankuasa Kerja kerana tindakan British **mengetepikan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)** dan tidak melibatkan semua pihak. Golongan nasionalis Melayu radikal membidas British kerana menjalankan **perundingan secara tertutup dengan UMNO**. Golongan bukan Melayu yang menubuhkan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) pula beranggapan penubuhan Jawatankuasa Kerja **tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman**. AMCJA membantah kerana Jawatankuasa Kerja **tidak mempunyai wakil bukan Melayu**. Mereka menganggap British **tunduk kepada tuntutan UMNO**.

5. Nyatakan perkara yang dicadangkan oleh PUTERA-AMCJA dalam Perlembagaan Rakyat.

Perkara yang dicadangkan oleh PUTERA adalah berkaitan **kedudukan Bahasa Melayu**. Selain itu berkaitan **pertahanan dan hal ehwal luar negeri**. Berikutnya berkaitan **syarat kewarganegaraan Tanah Melayu**. Perkara terakhir tentang **bendera dan lagu kebangsaan**.

Cadangan AMCJA pula meliputi perkara **penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura**. Cadangan membentuk **sebuah kerajaan pusat yang kuat**. Selain itu, kedudukan **Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan**. Perkara berkaitan **kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu**. Perkara berkaitan **Adat istiadat dan agama Islam**. Perkara terakhir ialah **syarat kewarganegaraan**.

6. Mengapakah British menolak Perlembagaan Rakyat.

British menolak Perlembagaan Rakyat kerana perlembagaan ini **dirangka oleh golongan yang menentang British** iaitu golongan nasionalis Melayu radikal (PUTERA) dan golongan bukan Melayu yang menubuhkan AMCJA. Golongan nasionalis Melayu radikal berani menentang British secara terbuka. Golongan ini membangkitkan perasaan anti-British dalam penulisan seperti dalam penulisan buku *Testament Politik API* karya Ahmad Boestamam menegaskan 'mereka' menentang penjajah British. AMCJA pula menuduh British tunduk kepada UMNO dan menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik. Hal ini kerana Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu. AMCJA mengaggap Perlembagaan Persekutuan bersifat perkauman dan mengukuhkan kuasa British. Oleh itu, British menolak Perlembagaan Rakyat kerana tindakan dan idea perjuangan PUTERA-AMCJA dianggap boleh mengancam kedudukan British dan keamanan di Tanah Melayu.

7. Jelaskan tindakan nasionalis Melayu radikal dan golongan bukan Melayu apabila British menolak Perlembagaan Rakyat.

Tindakan yang diambil oleh nasionalis Melayu radikal (PUTERA) dan golongan bukan Melayu (AMCJA) ialah **menganjurkan hartal** yang dilaksanakan di bandar-bandar utama di Tanah Melayu. Pada 20 September 1947, PUTERA-AMCJA telah meminta semua peniaga menutup kedai, kilang, sekolah, pejabat dan ladang serta memberhentikan semua kegiatan ekonomi. Malah ahli AMCJA telah **berhimpun** di Singapura sebagai tanda bantahan terhadap tindakan British yang menolak Perlembagaan Rakyat. Tindakan protes tanpa keganasan ini turut mendapat **sokongan** Dewan Perniagaan Cina.

8. Jelaskan sumbangan golongan Melayu radikal dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita.

Golongan Melayu radikal turut memberikan sumbangan dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita di mana perjuangan kemerdekaan telah dilancarkan sejak **penghujung tahun 1930-an** bagi membebaskan tanah air dari penjajahan. Mereka **enggan berkompromi** dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan. Mereka telah **menubuhkan beberapa persatuan Melayu** seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) bagi **melahirkan kesedaran politik** dalam kalangan orang Melayu. Parti PKMM berjaya **menubuhkan cawangannya** di Perak, Selangor Pahang sehingga jumlah keahlian PKMM melebihi 53 ribu orang.

Bagi membuka kesedaran rakyat tentang nasionalisme dan kebebasan dari penjajahan, terdapat nasionalis Melayu yang **menulis dan menerbitkan akhbar dan majalah** seperti Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam sehingga mereka ditangkap dan dipenjarakan oleh British kerana dianggap radikal dan anti-British. Tindakan nasionalis Melayu radikal telah **mencetuskan semangat kebangsaan** sehingga digelar tokoh politik nasional kerana **berjuang melangkaui jarak sempadan dan kenegerian**.

9. Terangkan usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Antara usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah dimulakan dengan **pertemuan dan rundingan Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union dengan Raja-raja Melayu pada 27 Mei 1946** untuk mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan kerajaan British berhubung isu Malayan Union

Pada **18 Julai 1946**, satu pertemuan antara British dengan Dato'Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu telah diadakan di King's House, Kuala Lumpur bagi mengemukakan cadangan balas berkaitan pembentukan persekutuan.

Seterusnya, pada **25 Julai 1946** rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British telah diadakan sebagai persediaan menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Kesannya Jawatankuasa Kerja ditubuhkan.

Jawatankuasa Kerja telah memulakan tugasnya untuk merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 pada awal Ogos 1946 sehingga pertengahan bulan November 1946. Pada **20 November 1946**, rangka Perjanjian Persekutuan telah dibentangkan dalam persidangan yang dihadiri oleh Raja-raja Melayu, wakil British dan UMNO di King's House, Kuala Lumpur.

Pada bulan **Julai 1947**, cadangan perlembagaan yang telah disemak oleh Jawatankuasa Kerja diumumkan kepada awam. Gabungan PUTERA-AMCJA menentang cadangan perlembagaan tersebut secara terbuka dengan melancarkan hartal pada 20 September 1947.

Pada **21 Januari 1948**, Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 di King's House, Kuala Lumpur. Pada **1 Februari 1948**, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasminya. Pada **15 Februari 1948**, persidangan Majlis Raja-Raja diadakan setelah Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

10. Jelaskan tuntutan Raja-raja Melayu dalam PTM 1948.

Tuntutan Raja-raja Melayu dalam PTM 1948 ialah penubuhan **persekutuan bertaraf naungan**, bukannya tanah jajahan. Selain itu, menuntut **perjanjian baharu menggantikan Malayan Union**. Menuntut jawatan **Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor**. Menuntut agar **raja kembali berkuasa dalam perundangan**. Tuntutan terakhir ialah **perkataan "Negeri-negeri Melayu"** perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.

11. Bincangkan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 disebabkan oleh **penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union**. Hal ini disebabkan oleh Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu. Ahli Parlimen British, Gammans menyatakan bahawa sekiranya British meneruskan rancangan melaksanakan Malayan Union keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu.

Faktor seterusnya **cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO**. Satu pertemuan antara Gabenor Jeneral dan Gabenor Malayan Union dengan Raja-raja Melayu telah diadakan di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946 berhubung dengan isu Malayan Union. Dalam pertemuan tersebut Raja-raja Melayu telah mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan bagi menggantikan Malayan Union. Malah, Sultan Perak telah menulis surat kepada Parlimen British bagi menyampaikan bantahan baginda terhadap tindakan British untuk melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu.

12. Apakah ciri-ciri sistem pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948?

Antara ciri-ciri sistem pentadbiran PTM 1948 ialah terbentuknya **sebuah Persekutuan gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat**. Singapura kekal sebagai **tanah jajahan** British yang berasingan. Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang **Pesuruhjaya Tinggi British** yang mempunyai kuasa eksekutif. **Kerajaan Persekutuan** bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama. **Majlis Mesyuarat Persekutuan** dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British. Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi **ahli rasmi dan ahli tidak rasmi**. Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi. Ahli **Majlis Perundangan Persekutuan** terdiri daripada pelbagai kaum.

13. Bagaimanakah penubuhan PTM 1948 berjaya mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu?

Melalui Perjanjian PTM 1948, kuasa dan kedaulatan baginda telah dikembalikan. Sebuah **Majlis Raja-Raja dibentuk** untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu. Majlis ini **dipengerusikan** oleh seorang daripada Raja-raja Melayu. Keanggotaannya terdiri daripada **sembilan orang Raja Melayu**. Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa **raja perlu dirujuk** terhadap perkara dalam kuasa kerajaan Persekutuan.

Selain itu, rang undang-undang yang diluluskan diperingkat Majlis Perundangan Persekutuan perlu mendapat **perkenan Raja-raja Melayu** melalui Majlis Raja-Raja. Bagi peringkat negeri, sultan bertanggungjawab **mengesahkan rang undang-undang** yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

14. Jelaskan maksud Rakyat Raja dan Rakyat British.

Rakyat Raja merujuk kepada orang Melayu dan orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan.

Manakala **Rakyat British** ialah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain.

15. Terangkan ciri-ciri kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Ciri-ciri kewarganegaraan PTM 1948 yang pertama ialah **kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang**. Melalui ciri kewarganegaraan ini, *jus soli* hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British. Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British. Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan.

Ciri kewarganegaraan kedua ialah **kewarganegaraan secara pendaftaran**. Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya. Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

16. Mengapakah orang Melayu menerima Perjanjian PTM 1948?

Orang Melayu menerima perjanjian PTM 1948 kerana ianya telah **mengembalikan kedaulatan dan kuasa politik Raja-raja Melayu**. Malah **kedudukan istimewa** orang Melayu kembali terpelihara. Malah, **syarat kewarganegaraan** telah diperketatkan dengan orang Melayu **diiktiraf** sebagai penduduk asal Tanah Melayu. Selain itu, Tanah Melayu bertaraf naungan bukan lagi berstatus tanah jajahan British.

17. Mengapakah syarat kewarganegaraan perlu diperketatkan dalam undang-undang negara? (KBAT)

Syarat kewarganegaraan perlu diperketatkan dalam undang-undang kerana ianya berkaitan dengan **isu keselamatan negara**. Hal ini demikian kerana kita tidak pasti **tujuan** sebenar seseorang memohon untuk menjadi warganegara Malaysia. Misalnya, negara mungkin akan berada dalam **kancah pencerobohan** oleh anggota militan yang menyusup masuk sebagai warganegara. Keadaan ini akan membuka peluang kepada kuasa asing untuk **campur tangan** dalam urusan menangani keganasan. Justeru, **kedaulatan negara** akan terancam.

Selain itu, kewarganegaraan haruslah dimiliki oleh rakyat yang mempunyai **hak dan benar-benar cinta akan negaranya**. Hal ini menunjukkan bahawa kita tidak boleh memberikan kewarganegaraan yang menjadi lambang negara kepada mereka yang hanya **berkepentingan** atau bekerja di negara ini. Pendek kata, kewarganegaraan itu tidak ada makna kepunyaan selain urusan ekonomi semata-mata. Keadaan ini akan **mengancam kepentingan rakyat asal**. Hak ini kerana akan berlaku **lambakan kemasukan warga asing** yang memohon status sebagai warganegara.

Malahan, syarat kewarganegaraan perlu diperketatkan bagi **menjamin kemajuan** sesebuah negara. Hal ini kerana warganegara yang sah sebagai penduduk asal atau bumiputera akan **berusaha untuk menonjolkan imej negara** dari segenap bidang. Contohnya dalam bidang politik, pemimpin yang masyhur dimata dunia ialah **Tun Dr Mahathir Muhammad**, bidang sukan Datuk Lee Chong Wee, sumbangan kemanusiaan Dr Jamilah Mahmood dan ramai lagi anak tempatan yang telah berjaya mengharumkan nama negara dimata dunia. Hal ini meletakkan negara kita **setanding** dengan barisan negara hebat lain di dunia.

18. Jelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. (KBAT)

Kepentingan pembentukan PTM 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia ialah **terbentuknya sebuah negara kekal berdaulat**. Perjanjian PTM 1948 telah **mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu** sebagai pemerintah di Tanah Melayu. Malah penubuhan Majlis Raja-Raja Melayu menguatkan lagi **peranan Raja-raja dalam sistem pentadbiran negara**. Raja perlu **dirujuk** terhadap perkara dalam kuasa kerajaan Persekutuan. Undang-undang yang diluluskan diperingkat Majlis Perundangan Persekutuan perlu mendapat **perkenan Raja-raja Melayu** melalui Majlis Raja-Raja. Bagi peringkat negeri, sultan bertanggungjawab **mengesahkan rang undang-undang** yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

Pembentukan PTM 1948 telah **membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama** antara kaum. Hal ini dapat dilihat apabila CLC ditubuhkan. Hal ini telah **memupuk persefahaman** antara pemimpin pelbagai kaum di Tanah Melayu. Malah kerjasama antara kaum dapat dilihat dalam **penubuhan parti Perikatan** sebagai sebuah parti politik yang sah dan diterima oleh rakyat pelbagai kaum. Malah, pembentukan PTM 1948 dianggap perintis kepada **pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957** yang sekali gus membawa kepada kemerdekaan negara.

Kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah mampu mewujudkan **negara yang aman**. Hal ini kerana **kedudukan istimewa orang Melayu** telah diiktiraf. Hal ini telah menjamin status quo orang Melayu sebagai **penduduk asal** Tanah Melayu. Malah, amalan tolak ansur antara kaum turut memelihara **kepentingan sah kaum lain**. Hal ini telah membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi **warganegara**. Hasilnya terbentuk sebuah negara yang harmoni

19. Jelaskan kebaikan sistem pemerintahan bercorak persekutuan yang diamalkan di negara kita. (KBAT)

Sistem pemerintahan bercorak persekutuan ialah gabungan beberapa buah negeri di bawah satu unit pentadbiran. Pentadbiran kerajaan Persekutuan dibahagikan kepada dua, iaitu kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kebaikannya ialah berlaku **pengasingan kuasa antara kerajaan pusat dengan negeri**. Contohnya **bidang kuasa kerajaan Persekutuan** meliputi skop kepentingan nasional seperti pertahanan, kewarganegaraan, kewangan, pelajaran dan sebagainya, manakala kuasa kerajaan Negeri antaranya Undang-undang Islam, tanah, kerajaan tempatan dan sebagainya. Pengasingan kuasa ini dapat mengelakkan berlakunya **perebutan kuasa** antara kerajaan pusat dengan negeri. Misalnya **Perkara 75** menyatakan, undang-undang negeri yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dengan sendirinya. Keadaan ini akan mewujudkan **pentadbiran negara yang lebih licin dan efisien**.

Selain itu, kebaikan sistem pemerintahan bercorak persekutuan antara lainnya ialah dapat mewujudkan **pemerintahan yang adil dan saksama**. Hal ini disebabkan sistem demokrasi yang diamalkan dalam pentadbiran negara kita. Contohnya kerusi di **Parlimen dan di Dewan Undangan Negeri diwakili oleh pelbagai kaum**. Keadaan ini menunjukkan sistem pemerintahan negara kita memberikan **hak yang sama rata** kepada setiap warganegaranya. Hal ini akan melahirkan rasa hormat negara luar terhadap negara kita sekali gus mampu **mengangkat kedudukan** negara kita sama hebat dengan negara maju yang lain. Malah sistem pemerintahan negara kita juga amat **unik dan menarik** kerana toleransi masyarakatnya.

Kebaikan sistem pemerintahan bercorak persekutuan juga antara lainnya mampu **meningkatkan ekonomi** negara. Hal ini disebabkan oleh keharmonian yang dikecapi negara telah **meyakinkan** pelabur, pelancong serta pelajar asing untuk datang berkunjung. Contohnya dalam sektor perindustrian, pembuatan, pelancongan, pendidikan. Keadaan ini telah membuka **peluang pekerjaan** kepada masyarakat tempatan yang secara tidak langsung mampu meningkatkan taraf hidup rakyat.

20. Huraikan peranan institusi beraja@ Raja Berpelembagaan dalam mengekalkan kedaulatan negara. (KBAT)

Peranan institusi beraja@ Raja Berpelembagaan dalam mengekalkan kedaulatan negara ialah menjadi **benteng penghalang penjajahan asing**. Hal ini kerana raja Melayu adalah **pemerintah tertinggi** negara yang mempunyai daulat. Contohnya **Perkara 32** Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong. Kedaulatan yang dimiliki oleh seseorang raja menyebabkan baginda **mempunyai hak mutlak** untuk mengawal rakyat dan wilayahnya. Kedudukan raja sebagai pemerintah tertinggi perlu **dirujuk** terhadap semua perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan melalui Majlis Raja-Raja Melayu. Malah, rang undang-undang yang digubal perlu mendapat **perkenan** Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja. Hal ini akan menyukarkan anasir luar untuk **campurtangan** dalam urusan pemerintahan negara.

Selain itu institusi beraja@Raja Berpelembagaan bertanggungjawab mengekalkan **keharmonian kaum** dinegara ini. Raja-raja Melayu **memayungi rakyat** yang pelbagai bangsa. Misalnya dalam **Perkara 153** memperuntukkan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah namun tidak mengabaikan kepentingan kaum-kaum lain. Perlembagaan yang dibentuk **menjaga kedudukan istimewa** orang Melayu sebagai penduduk asal dan kepentingan sah kaum lain, disamping membuka ruang kepada orang **bukan Melayu menjadi warganegara**. Keadaan ini telah berjaya memupuk persefahaman dan **tolak ansur** dalam kalangan rakyat yang pelbagai bangsa dan keturunan. Gabungan kuat antara rakyat dengan pemimpin yang dipayungi oleh Raja-raja Melayu mampu **mengekalkan keamanan** yang dikecapi negara.

BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DI TANAH MELAYU

1. Apakah yang anda faham tentang komunisme?

Komunisme ialah **ideologi yang berasaskan Karl Marx dan Fredrlich Eagels** dalam karya mereka **Communist Manifesto/Das Kapital**. Ideologi komunisme ialah suatu fahaman politik yang **menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara**.

2. Nyatakan cara penyebaran ideologi tersebut di dalam negara kita.

Ideologi komunisme disebar di dalam negara kita dengan **kemasukan pengaruh komunis dari China** melalui **cawangan Parti Komunis Kuomintang** di negara kita. Selain itu, ideologi komunisme disebar melalui **penubuhan Pertubuhan Main School** yang bergerak dalam kalangan orang Hailam. Selain itu, kemasukan **pengaruh komunis dari Indonesia melalui beberapa pemimpin komunis**. Pada tahun 1930-an **Parti komunis Tanah Melayu** ditubuhkan. Fahaman ini **menyusup masuk melalui kesatuan sekerja**. Ia juga telah **mempengaruhi parti politik**. Selain itu, ia juga **menyusup masuk melalui penerbitan akhbar dan penyebaran melalui sekolah Cina**.

3. Zaman pendudukan Jepun memberi peluang kepada Parti Komunis Malaya mengukuhkan kedudukannya.

Buktikan pernyataan tersebut.

Bukti zaman pendudukan Jepun memberi peluang kepada Parti Komunis Malaya (PKM) mengukuhkan kedudukannya ialah **PKM menjalinkan kerjasama dengan British dalam usaha memerangi Jepun dengan membentuk MPAJA/Bintang 3 sebagai unit gerila PKM**. Selain itu, **PKM menerima bantuan dan sokongan daripada British dalam bentuk senjata dan latihan serta bekalan logistik dan perubatan**. Semasa BMA, **PKM bergerak sebagai pertubuhan yang sah**. Di samping itu, **kekosongan politik yang berlaku telah membuka ruang kepada PKM untuk meluaskan pengaruh**. **Bintang 3 telah keluar dari hutan dan melakukan kekacauan**.

4. Petikan berikut menunjukkan usaha pemimpin Indonesia menyebarkan fahaman komunis di Tanah Melayu.

"Pemimpin komunis Indonesia seperti Alimin, Tan Melaka, Darsono dan lain-lain berusaha menyebarkan ideologi dan fahaman komunis dalam kalangan orang Melayu Islam supaya menyertai gerakan komunis di negeri-negeri Melayu.

Ho Hui Ling, "Gerakan Komunis dan PKM-Penelitian Terhadap usaha komunis Mempengaruhi orang Melayu 1920-1989"Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu jld 8,bil 1,2015.

Pada pendapat anda, mengapakah usaha tersebut tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu.(KBAT)

Pada pendapat saya, usaha tersebut tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana **Komunis menggunakan kekerasan dalam mencapai matlamat politik**. Selain itu, **gaya hidup orang Melayu sederhana dan masyarakat Melayu beragama Islam**. Di samping itu, **ideologi komunis tidak percaya kewujudan tuhan**. Selain itu, **Komunis telah melaksanakan undang-undang sendiri**. Hal ini dapat dilihat melalui **keganasan dan kekejaman yang dilakukan terhadap orang ramai**. Selain itu, **Komunis juga menjatuhkan hukuman mati ke atas orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun**. Di samping itu, tindakan mereka yang **menyiksa dan membunuh orang awam dan pasukan keselamatan** menyebabkan Komunis tidak mendapat sokongan dari orang Melayu

5. British telah memperkasakan pasukan keselamatan untuk membanteras kegiatan komunis. Bincangkan peranan mereka.

Antara peranan pasukan keselamatan untuk membanteras kegiatan komunis ialah **penubuhan Polis Cawangan Khas**. Tugas mereka adalah untuk **merisik bagi membolehkan pihak berkuasa mengetahui operasi PKM**. Selain itu, terdapat anggota pasukan yang **menyamar sebagai komunis untuk mendapatkan maklumat tentang PKM**. Selain itu, peranan pasukan keselamatan juga dapat dilihat melalui peranan **Special Constables**. Pasukan ini **ditubuhkan pada tahun 1948 ketika Rancangan Briggs**. Seramai **24 ribu orang di hantar untuk mengawal ladang dan lombong**. Selain itu, terdapat juga pasukan keselamatan yang dikenali sebagai **Polis Hutan**. Pasukan ini dikenali juga sebagai **Flying Squad**. Antara tugas mereka ialah **memburu komunis dengan membuat rondaan di pinggir hutan**.

6. Jelaskan kesan sosioekonomi yang wujud akibat pelaksanaan darurat tersebut.

Kesan sosioekonomi yang wujud akibat daripada darurat ialah **meningkatkan kos perbelanjaan untuk membanteras ancaman komunis**. Hal ini akan menyebabkan **penderitaan dan kesengsaraan rakyat**. Perkara ini disebabkan **ekonomi yang terjejas kerana kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran komunis**. Kesan sosial seterusnya ialah **merenggangkan hubungan antara kaum**. Hal ini kerana wujud **rancangan penempatan semula Kampung Baru** yang didominasi oleh kaum tertentu. Akhir sekali, darurat telah mengakibatkan **jumlah korban nyawa yang begitu banyak**.

7. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pengisytiharan darurat wajar dilaksanakan pada masa tersebut? (**KBAT**)

Berdasarkan pengetahuan sejarah saya, pengisytiharan darurat adalah **wajar dilaksanakan pada masa tersebut**. Hal ini adalah bagi **mengekan fahaman komunis daripada tersebar luas**. Selain itu, pengisytiharan darurat dapat **menghalang kekejaman komunis daripada terus berleluasa**. Perkara ini dapat **menjamin keselamatan penduduk**. Seterusnya, pengisytiharan darurat juga dapat **menghalang bantuan kepada pihak komunis**. Di samping itu, pengisytiharan darurat juga dapat **memulihkan ekonomi negara serta melindungi sumber dan aset negara**. Kesannya, **keamanan negara dapat dikembalikan**.

BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1. Jelaskan latar belakang idea negara merdeka yang dibawa oleh tokoh berikut:

- (a) Ibrahim Haji Yaakob
- (b) Dr. Burhanuddin al-Helmi
- (c) Dato' Onn Jaafar

(a) Ibrahim Haji Yaakob

Ibrahim Haji Yaakob memimpin **Kesatuan Melayu Muda (KMM)** memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep **Melayu Raya**. Idea ini merupakan **penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa** yang menjadi satu rumpun Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

(b) Dr. Burhanuddin al-Helmi

Dr. Burhanuddin al-Helmi memimpin **Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)** bersama **Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam**. Parti ini menetapkan **matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain** bagi membentuk perpaduan. PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep **Melayu Raya**. Melalui slogan "**Merdeka**", PKMM berhasrat **mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan**.

Selain itu, **idea negara Islam** telah diteruskan melalui penubuhan **Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)**. Dr. Burhanuddin al-Helmi selaku **Yang Dipertua PAS**, menegaskan bahawa PAS bercita-cita membina **satu negara dan satu bangsa yang teguh** dengan **bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi** yang tunggal. Kemerdekaan bagi PAS ialah Tanah Melayu merdeka dengan menjalankan hukum Islam.

(c) Dato' Onn Jaafar

Dato' Onn Jaafar memimpin **United Malays National Organisation (UMNO)** yang **berusaha menyatukan orang Melayu** untuk **mempertahankan hak bangsa Melayu** dan **kedudukan Raja-raja Melayu**. Dengan slogan "**Hidup Melayu**", UMNO berjuang menentang Malayan Union bagi memelihara status quo orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Pada tahun 1951, slogan UMNO diubah kepada "**Merdeka**" untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu melalui perundingan.

2. Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC)?

Tujuan penubuhan jawatankuasa Hubungan Antara Kaum adalah untuk **mengkaji hubungan kaum secara mendalam**. Selain itu, tujuan penubuhannya adalah untuk **membetulkan keadaan politik serta ekonomi yang adil** untuk semua komuniti. Seterusnya, **mewujudkan keadaan harmoni** dan muhibah dalam kalangan penduduk dalam negara ini.

3. Jelaskan isu yang perlu diselesaikan oleh CLC

Isu yang perlu diselesaikan oleh jawatankuasa tersebut yang pertama adalah isu **politik** untuk **persediaan ke arah berkerajaan sendiri**. Isu kedua, dalam **kedudukan istimewa orang Melayu** sebagai **penduduk asal** rantau Alam Melayu. Isu ketiga adalah **kedudukan ekonomi orang Melayu** yang **tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan**. Isu keempat adalah ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat **kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu**. Akhir sekali, isu dalam bidang **pendidikan** yang mempunyai **sistem persekolahan yang berbeza-beza mengikut kaum**, menggunakan buku teks, bahasa pengantar dan sukatan pelajaran yang berlainan.

4. Jelaskan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

Peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) dalam isu politik ialah **mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri** dilakukan dengan memberikan **pengalaman pilihan raya secara berperingkat** kepada penduduk Tanah Melayu. Selain itu, JHAK bersetuju agar **orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa** kerana **menunjukkan taat setia** yang tidak berbelah bahagi dan **mengiktiraf negara ini** sebagai satu-satunya tanah air mereka. Seterusnya, JHAK mencadangkan **penubuhan agensi** untuk **meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu**.

Dalam **isu kewarganegaraan kepada bukan Melayu** pula, JHAK telah **bersetuju bahawa isu ini penting** bagi **memupuk taat setia kepada Tanah Melayu** dan **kerjasama dalam kalangan penduduk**. Akhir sekali, JHAK **mencadangkan sistem pendidikan yang seragam** untuk **memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu**.

5. Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum penting dalam usaha mencapai perpaduan antara kaum. Berikan ulasan anda.

Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum **sangat penting** dalam **usaha mencapai perpaduan antara kaum**. Antaranya sebabnya, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum telah dapat **mengadakan pilihan raya pada peringkat majlis bandaran, majlis negeri dan juga Majlis Perundangan Persekutuan**.

Selain itu, **kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui** dan kepentingan sah kaum lain diiktiraf. Seterusnya, **kejayaan penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)** hasil tuntutan Dato' Onn Jaafar yang berpendapat bahawa **bantuan ekonomi dan kemajuan luar bandar orang Melayu** adalah perlu sebagai **tolak ansur terhadap persetujuan orang Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu** demi mengukuhkan perpaduan antara kaum. Justeru, **syarat kewarganegaraan dilonggarkan** untuk **memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu** dan **melahirkan semangat patriotik serta bertanggungjawab kepada negara**.

Kesan yang seterusnya, adalah **penubuhan jawatankuasa pendidikan** untuk **mengkaji sistem pendidikan** bagi **melahirkan pendidikan yang seragam** dan diterima oleh semua kaum sebagai usaha mencapai perpaduan antara kaum.

6. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu?

Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu bagi **menyediakan tanah jajahan British berkerajaan sendiri** secara beransur-ansur. Selain itu, **kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan**, menyebabkan **Dato' Onn Jaafar meminta British menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan** dalam usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Cadangan beliau itu **selari dengan dasar dekolonisasi** British membawa kepada pembentukan Sistem Ahli.

7. Jelaskan pembentukan Sistem Ahli.

Pada tahun 1951, **Sir Henry Gurney yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi British telah mengumumkan senarai anggota Sistem Ahli**. Sistem Ahli merupakan **sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu**. Beberapa orang anggota **Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberikan tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan**. Selain itu, **sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan**. Sistem Ahli **dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955**, iaitu **sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diadakan pada bulan Julai 1955**.

Seterusnya, **pembentukan Sistem Ahli mengekalkan tiga portfolio di bawah pentadbiran British terdiri daripada hal ehwal ekonomi, perindustrian dan perhubungan sosial dan perumahan dan kerja raya**. Pada tahun 1954 pula, berlaku **rombakan dalam Sistem Ahli di mana beberapa portfolio baharu diwujudkan dan dijabat oleh warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi anggota MPP**.

8. Namakan tokoh yang terlibat dalam Sistem Ahli.

Tokoh yang terlibat dalam Sistem Ahli pada awal pembentukan 1951, terdiri daripada **Dato' Onn Jaafar selaku ahli Hal Ehwal Dalam Negeri**. Ahli seterusnya, **E.E.C. Thuraisingham selaku ahli Pelajaran**. Seterusnya, **Lee Tiang Keng selaku Ahli Kesihatan**. **Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid berperanan sebagai ahli pertanian dan perhutanan**. Ahli berikutnya, **Dato' Mahmud Mat yang merupakan ahli tanah, lombong dan perhubungan**. Selain itu, bagi lantikan ahli pada tahun 1954, **Dato' Nik Ahmad Kamil, dilantik sebagai Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar**. Manakala, **H.S. Lee sebagai ahli pengangkutan**. Ahli hasil bumi juga dilantik pada tahun 1954, terdiri daripada **Dr. Ismail Abdul Rahman**.

9. Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

Ciri-ciri Sistem Ahli terdiri daripada **Ahli bertaraf "Menteri"** dan **bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan**. Ciri kedua, **Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja**. Ciri ketiga, **Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)**. Ciri seterusnya, **Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British**. Ciri terakhir, Sistem ahli merupakan **satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat**.

10. Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada pentadbiran Tanah Melayu?

Sistem Ahli penting kepada pentadbiran Tanah Melayu bagi **menyediakan asas melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri**.

Selain itu, sistem ini **memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan** menjelang kemerdekaan.

Seterusnya, sistem ini merupakan **proses memupuk perpaduan kaum** kerana **ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum**. Ini bagi **menentukan kemerdekaan yang diperoleh mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu**.

Sistem Ahli juga dapat **memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui kerajaan**. Hal ini **sesuai dengan dasar British yang memberikan tempoh peralihan pentadbiran** menjelang kemerdekaan negara kita.

11. Sistem Ahli telah meyakinkan British bahawa rakyat Tanah Melayu mampu mentadbir negara melalui kerjasama kaum. Bagaimanakah prinsip kerjasama kaum dapat diteruskan untuk kemajuan negara? (KBAT)

Prinsip kerjasama kaum dapat diteruskan untuk kemajuan negara dengan **menggalakkan persefahaman antara kaum**. Apabila kesefahaman kaum dapat ditingkatkan, maka hubungan antara kaum akan bertambah kukuh. Ini dapat dilihat dari hubungan antara pemimpin dan rakyat yang berlainan kaum dalam menyelesaikan isu politik yang dihadapi di kawasan masing-masing. Maka, kemajuan negara bakal dapat dicapai dengan adanya hubungan yang baik antara pemimpin dan rakyat. Selain itu, prinsip kerjasama dapat diteruskan dengan **menganjurkan aktiviti yang melibatkan semua kaum** di mana semua kaum sama-sama **menghormati perayaan dan agama pelbagai kaum** dalam negara kita. Sebagai contoh, penganjuran rumah terbuka bagi sambutan perayaan tertentu dapat dihadiri oleh pelbagai bangsa dapat meningkatkan perasan saling memahami budaya kaum lain. Malah dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan kaum. Ini dapat memastikan rakyat sama-sama berpadu tenaga dalam meningkatkan kemajuan negara kita. Seterusnya, dengan **menanamkan semangat patriotisme dalam diri bagi mengukuhkan jati diri setiap rakyat**. Ini dapat **menyemai sikap tolak ansur** dalam kalangan masyarakat.

Kerjasama kaum juga dapat dikukuhkan dengan **memperkasa sistem pendidikan kebangsaan** dalam negara kita dengan cara **mengukuhkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan** dalam pembelajaran.

Akhir sekali, prinsip kerjasama dapat diteruskan dengan **mencegah penyalahgunaan media sosial yang berbau perkauman** dan **pihak yang terlibat seharusnya perlu membendung gejala sosial dalam negara**.

12. Mengapakah terdapat kemunculan parti politik selepas perang dunia kedua?

Parti politik banyak ditubuhkan dan muncul selepas perang dunia kedua kerana **perkembangan nasionalisme, iaitu semangat ingin membebaskan diri dari cengkaman penjajah dan seterusnya mewujudkan negara yang merdeka dan berdaulat.** Selain itu, **kepelbagaian parti politik** ini telah **mewujudkan kerjasama antara parti** untuk **menguatkan perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air.**

13. Nyatakan perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) selepas perang dunia kedua.

Perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) selepas perang dunia kedua ingin **melahirkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu.** Selain itu, perjuangan mereka **menekankan perpaduan antara penduduk berbilang kaum.** Akhir sekali, PKMM ingin **mencapai kemerdekaan dan memperjuangkan konsep "Melayu Raya".**

14. Jelaskan perjuangan Angkatan Pemuda Insaf (API) yang diketuai oleh Ahmad Boestamam.

Perjuangan Angkatan Pemuda Insaf (API) yang diketuai oleh Ahmad Boestamam ingin menyatukan tenaga pemuda sebagai penggerak untuk membuat perubahan politik. Seterusnya, API menggunakan slogan "Merdeka dengan darah" untuk memperjuangkan kemerdekaan.

15. Mengapakah perjuangan parti bercorak kebangsaan lebih berkesan berbanding perjuangan secara individu? (KBAT)

Perjuangan parti bercorak kebangsaan lebih berkesan berbanding perjuangan secara individu kerana **bergerak secara berorganisasi dan mempunyai matlamat yang memperjuangkan kemerdekaan.**

Selain itu, perjuangan bercorak kebangsaan dapat **mengumpul lebih ramai ahli** bagi **mendapatkan sokongan yang padu serta dapat mencapai matlamat perjuangan.** Melalui parti bercorak kebangsaan, **kekuatan parti lebih kukuh** malahan **kesulitan dan masalah dapat diatasi** bersama.

Di samping **dapat berkongsi idea yang bernas, pemimpin parti dapat memantapkan strategi dalam meningkatkan perpaduan** dalam kalangan rakyat.

Akhir sekali, perjuangan parti bercorak kebangsaan dapat mencari **sumber kewangan daripada ahli untuk membiayai perjuangan** parti mereka.

16. Nyatakan kepentingan usaha-usaha mempertahankan kedaulatan negara .(KBAT)

Usaha-usaha mempertahankan kedaulatan negara adalah **penting untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam pentadbiran.** Apabila kedaulatan negara dipertahankan, **tiada campur tangan pihak luar** dalam menjalankan urusan pentadbiran. Oleh itu, **pentadbiran negara dapat dijalankan dengan sistematik** dan lancar.

Selain itu usaha ini penting bagi **meningkatkan ekonomi** dalam negara kita. Pelbagai usaha yang dijalankan **dapat memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat** di Malaysia. Pembangunan ekonomi melibatkan pertanian serta perindustrian

dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan rakyat.

Usaha mempertahankan kedaulatan negara mampu **meningkatkan kesejahteraan rakyat.** Ini kerana negara **dapat melahirkan generasi yang berkemahiran melalui pendidikan.** Oleh itu, rakyat **dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara.**

Akhir sekali, usaha ini penting dalam **menjalinkan hubungan diplomatik** dan persahabatan dengan negara lain. Kesannya, rakyat dapat menikmati pelbagai faedah dalam usaha mempertahankan kedaulatan. Seterusnya, usaha ini **mampu meningkatkan imej negara** serta **masyarakat antarabangsa mengakui peranan negara kita setaraf** dengan negara lain di dunia.

17. Perjuangan secara berorganisasi penting dalam usaha mencapai kemerdekaan. Buktikan. (KBAT)

Perjuangan secara berorganisasi amat penting dalam usaha mencapai kemerdekaan. Ini kerana perjuangan yang berorganisasi dapat **memupuk semangat muafakat dalam menyelesaikan masalah.** Setiap ahli dapat memberikan kerjasama dengan memberi idea dalam memastikan negara bersedia untuk berkerajaan sendiri. Dalam organisasi, **kerjasama sangat penting dalam memupuk kesefahaman** mencapai sesuatu perjuangan. Sebagai contoh, Jawatankuasa Hubungan antara kaum yang terdiri daripada pemimpin pelbagai bangsa dapat bersatu dalam usaha menyediakan negara ke arah kemerdekaan.

Selain itu, ia penting bagi **menyelesaikan masalah yang timbul dalam pertubuhan.** Perjuangan secara berorganisasi dapat **menjana idea melalui sesi rundingan** dan perbincangan bagi mengambil sesuatu keputusan. Justeru itu, **usaha mencapai kemerdekaan lebih cepat dapat dicapai** dengan adanya **pemimpin yang berkemahiran dalam sesuatu organisasi** serta **berpandangan jauh dalam mewujudkan politik** yang stabil dalam negara.

18. Permuafakatan menjadi satu aspek penting dalam menjamin keharmonian masyarakat. Bahaskan. (KBAT)

Saya **bersetuju** bahawa permuafakatan menjadi satu aspek penting dalam menjamin keharmonian masyarakat. Aspek ini adalah menjadi **satu kelebihan** bagi sesebuah negara yang mengamalkan konsep muafakat dalam masyarakat. Melalui muafakat, sesuatu **rundingan dapat mencapai keputusan yang rasional.** Keputusan yang dipersetujui banyak pihak ini mampu **memupuk kesefahaman** dalam masyarakat dan dapat mengelakkan sebarang kesilapan dalam membuat keputusan. Justeru itu, aspek permuafakatan dapat **melahirkan masyarakat yang harmoni** serta hidup dengan aman.

Aspek muafakat juga dapat menyemai **semangat bekerjasama** serta **bantu-membantu** dalam kalangan masyarakat. Masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan mudah jika semua saling membantu dan bersedia untuk saling bertolak ansur. Maka ini dapat **melahirkan warga yang prihatin** serta **menyumbang terhadap pembangunan negara.**

Seterusnya, permuafakatan menjadi aspek penting dalam menjamin keharmonian **dengan menjamin perpaduan dalam negara** kita yang terdiri daripada berbilang bangsa. Ini dapat memastikan semua rakyat dapat hidup bersama dalam suasana yang harmoni dengan memainkan peranan masing-masing demi menjaga kesejahteraan negara.

BAB 8 : PILIHAN RAYA

1. Jelaskan latar belakang pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

Pilihan raya merupakan **asas berkerajaan sendiri** dan **memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti** yang akan membentuk kerajaan.

Di negara kita, pilihan raya diadakan bermula dari **peringkat majlis perbandaran, diikuti peringkat negeri** dan seterusnya **Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955**.

2. Huraikan perkembangan awal pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

Perkembangan awal pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu ialah pilihan raya **Majlis Perbandaran George Town** pada tahun 1951. Pilihan raya ini bertujuan untuk memilih sembilan orang ahli Persuruhjaya Perbandaran.

Pilihan raya **Majlis Perbandaran Kuala Lumpur** diadakan pada tahun 1952 untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran KL. UMNO KL dan MCA Selangor bergabung membentuk Perikatan dalam pilihan raya ini. Perikatan menang 9 daripada 12 kerusi.

Pilihan raya **Majlis Bandaran Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban** juga diadakan pada tahun 1952. Dalam pilihan raya tersebut, UMNO_MCA mendapat kemenangan.

Pada tahun 1954, pilihan raya **peringkat negeri** telah diadakan. Dalam pilihan raya tersebut UMNO_MCA telah memenangi 226 daripada 268 kerusi. Hal ini membuktikan rakyat menerima kerjasama kaum dalam pilihan raya.

3. Bagaimanakah proses rundingan sebelum pilihan raya umum pertama dilaksanakan?

Proses rundingan sebelum pilihan raya umum pertama dilaksanakan ialah **Jawatankuasa Pilihan Raya** dibentuk bagi mengkaji hal ehwal pilihan raya.

Jawatankuasa Pilihan Raya **mengeluarkan 2 bentuk penyata susunan Majlis Perundangan Persekutuan.**, iaitu:

BENTUK A	BENTUK B
Seorang speaker	Seorang speaker
3 orang ahli yang dilantik	3 orang ahli yang dilantik
11 orang wakil negeri	11 orang wakil negeri
20 orang dilantik	20 orang dilantik
3 orang wakil golongan minoriti	3 orang wakil golongan minoriti
2 orang ahli rasmi	2 orang ahli rasmi
60 orang dipilih melalui pilihan raya	40 orang dipilih melalui pilihan raya
	8 orang lantikan P/jaya Tinggi British

Tunku Abdul Rahman dan parti Perikatan memilih bentuk A manakala JK Pilihan Raya memilih bentuk B.

Dato Abdul Razak menyertai Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan TH Tan di London untuk menentukan 1/5 bilangan ahli MPP dipilih melalui pilihan

raya. Tunku Abdul Rahman berjaya bertemu dengan ahli Parlimen British dari Parti Buruh, Parti Konservatif dan Parti Liberal.

Rundingan Tunku Abdul Rahman dengan Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan British untuk mendapatkan 1/5 ahli melalui pilihan raya telah gagal.

British dan Parti Perikatan **bersetuju 52 orang ahli MPP dipilih melalui pilihan raya.**

4. Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955.

Proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 ialah penubuhan **Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan** yang berjaya membentuk **52 kawasan** pilihan raya.

Proses seterusnya ialah rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan. Proses pilihan raya ini melibatkan **pendaftaran pengundi** mulai 18 Oktober di seluruh Tanah Melayu manakala di Terengganu bermula 29 Okt 1954.

Kempen pilihan raya ditetapkan selama 45 hari. Selepas tempoh tersebut **pengundi mula mengundi**. Setelah selesai **peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi** dan **proses pengiraan undi** dilakukan sebelum **pengumuman keputusan** pilihan raya tersebut.

Laporan Pilihan Raya MPP Tanah Melayu 1955, mengandungi maklumat tentang **urusan pemilihan** serta **penerangan berkaitan dengan peraturan dan tindakan** yang perlu diambil bagi menghadapi pilihan raya. Laporan ini menggariskan langkah bagi mentadbir perjalanan pilihan raya, pembahagian kawasan, pendaftaran calon dan pengundi serta nama-nama calon dan parti yang bertanding.

5. Apakah syarat-syarat untuk menjadi pengundi dan calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

Syarat untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya MPP 1955 ialah mesti menjadi **warga Persekutuan Tanah Melayu** yang **berumur 21 tahun ke atas**. Selain itu, **tinggal di PTM dari tarikh 17 Oktober 1954 atau 28 Oktober 1954** layak mohon sebagai pengundi.

Manakala untuk menjadi calon MPP pula ialah **warganegara PTM** yang **berumur 21 tahun ke atas**. Malah telah **tinggal di TM dalam tempoh 12 bulan** sebelum hari penamaan calon. Mereka mestilah **fasih bahasa Melayu dan bahasa Inggeris**.

6. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan pelaksanaan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

Kesan pelaksanaan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 adalah menempa **sejarah baru dalam sistem demokrasi** di negara kita. Dalam hal ini, **Parti Perikatan berjaya membentuk kerajaan**. Malah, **Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri PTM**. Hal ini membuktikan **amalan demokrasi diterima oleh rakyat** dengan menerima **kerjasama kaum**.

7. Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan di Tanah Melayu pada ketika itu.

Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan telah memberi kesan kepada Tanah Melayu apabila **Parti Perikatan menang besar** dalam Pilihan raya MPP 1955 telah **membentuk kerajaan Persekutuan** dan **Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri PTM**.

Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa. British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara.

Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan. Namun begitu, masih terdapat pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan. Susulan itu **Sistem Ahli dimansuhkan**

Keanggotaan MPP menyaksikan **perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi** di negara kita. Keadaan ini menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan, manakala ahlinya dipilih oleh rakyat

8. Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

Peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu adalah memainkan peranan **ke arah berkerajaan sendiri**.

Kabinet ini membincangkan **isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan**. Kabinet meminta **kuasa veto** (hak / kuasa penuh yang diberi kepada pihak tertentu kuasa pembatal) Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.

Peranan kabinet ini juga untuk **mengurangkan kuasa pentadbiran British** dan **menyambung sistem** yang diguna pakai dalam MPP yang **berasaskan Model Westminster** (sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain).

Kabinet pertama juga bertanggungjawab untuk **membincangkan soal kewangan** dan keperluan orang tempatan dalam **perkhidmatan awam**.

9. Jelaskan kepentingan pilihan raya sebagai lambang demokrasi.

Pilihan raya penting sebagai lambang demokrasi kerana **rakyat diberikan peluang untuk memilih pemimpin**. Hal ini membuktikan bahawa hak rakyat tidak disekat oleh pihak pemerintah. Mereka diberikan **kebebasan untuk menentukan kerajaan** yang memerintah. Sebagai contoh, rakyat Malaysia diberikan hak untuk mengundi setiap 5 tahun. Tegasnya, setiap rakyat dijamin hak mereka dalam sebuah negara demokrasi.

Melalui pilihanraya, **satu badan perwakilan rakyat akan dibentuk**. Badan ini akan menggambarkan hasrat dan menyuarakan kepentingan-kepentingan rakyat. Melalui pilihan raya dapat **diwujudkan satu kerajaan yang kuat dan stabil**. Sesuatu sistem pilihan raya yang berjaya ialah sistem yang memenuhi erti dan memahami fungsinya.

10. Pilihan raya merupakan proses memilih pemimpin yang berwibawa. Berikan pendapat anda.

Pilihan raya merupakan proses memilih pemimpin yang berwibawa kerana mereka **mempunyai segala kebolehan, keupayaan, kemahiran, ilmu, prinsip, disiplin dan mempunyai kecekapan**. Dengan kata lain, seorang pemimpin yang mampu bekerjasama dengan orang yang ditadbirnya serta melaksanakan tanggungjawab kepemimpinan cemerlang.

Selain itu, pemimpin yang berwibawa merupakan **pemimpin yang amanah**. Amanah adalah asas keperibadian yang mendapat kepercayaan pengikutnya. Mustahak bagi seorang pemimpin dipercayai atas kata-katanya yang seiring dengan perlakuannya. Rasuah, khianat, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan harta tidak harus terkait pada pemimpin tersebut.

Pemimpin yang berwibawa mestilah **mempunyai integriti, berakhlak, bersih yakni tidak terpalit dengan skandal, kontroversi mahupun konflik** tertentu. Hal ini kerana apabila beliau dipilih menjadi pemimpin nanti beliau akan dihormati semua pihak.

Pemimpin yang berwibawa perlu **mempunyai perancangan kemajuan masa depan dalam jangka masa panjang atau berwawasan serta bervisi**. Pemimpin yang hebat ialah pemimpin yang kreatif dan berfikiran terkehadapan kerana pembangunan fizikal dan spiritual bersifat dinamik dan berubah mengikut peredaran zaman serta perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.

11. Mengapakah perkongsian kuasa penting dalam kalangan masyarakat berbilang kaum?

Perkongsian kuasa penting dalam kalangan masyarakat berbilang kaum kerana perkongsian ini akan **melibatkan setiap ketua dan pemimpin daripada setiap kaum** untuk terlibat dalam pemerintahan.

Selain itu melalui perkongsian kuasa yang berlaku setiap kaum yang diwakili perlu dapat untuk **mencapai kata sepakat dan bertolak ansur** bagi mencapai keputusan yang dibuat iaitu tanpa mendiskriminasikan hak.

Di Malaysia, proses perkongsian kuasa ini telah berjaya **mencipta kestabilan kepada politik di negara ini**. Hal ini membabitkan interaksi antara pemimpin dan etnik yang diwakilinya. Pemimpin ini juga perlu memainkan peranan bagi menerangkan sebarang kekeliruan terhadap sebarang isu yang timbul. Melalui interaksi ini, keharmonian perhubungan di antara etnik dapat dijaga.

Proses perkongsian kuasa akan dapat **melahirkan sikap toleransi serta keprihatinan pemimpin**. Hal ini kerana Malaysia adalah salah satu negara yang berjaya menerapkan sistem perkongsian kuasa ini dengan jayanya. Sebagai buktinya, keharmonian hubungan antara kaum perlu sentiasa dijaga dan disuburkan, agar setiap lapisan rakyat dapat menjalani kehidupan mereka dengan aman dan damai.

BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

1. Apakah tujuan Rombongan Merdeka ke London ?

Rombongan Merdeka ke London untuk **mengadakan rundingan** dengan perwakilan British. Selain itu, rombongan ini bertujuan mendapatkan **taraf berkerajaan sendiri** untuk Persekutuan Tanah Melayu dengan serta-merta. Rombongan ini cuba mendapatkan **kemerdekaan penuh** Persekutuan Tanah Melayu pada tahun berikutnya. Seterusnya, Rombongan Kemerdekaan akan **membincangkan hal keselamatan, hubungan British-Tanah Melayu dan perlembagaan negara** yang akan merdeka.

2. Nyatakan wakil Raja-Raja Melayu dan wakil Parti Perikatan yang menyertai misi rundingan kemerdekaan ke London.

Wakil Raja-raja Melayu yang menyertai Rombongan Merdeka ke London ialah Menteri Besar Perak (Dato' Panglima Bukit Gantang) iaitu **Dato' Haji Wahab Abd Aziz**. Selain itu, rombongan ini disertai oleh Menteri Besar Selangor iaitu Encik **Abdul Aziz Abdul Majid**. Menteri Besar Johor iaitu **Dato' Mohamad Seth Mohammad Said** turut menyertai rombongan tersebut. Wakil raja-raja Melayu yang seterusnya ialah Menteri Besar Kelantan iaitu **Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood**.

Wakil Parti Perikatan pula terdiri daripada **Tunku Abdul Rahman**. **Dato' Abdul Razak Hussein** turut mewakili Parti Perikatan dalam rombongan tersebut. Turut menyertai rombongan tersebut ialah **H.S. Lee**. **Dr. Ismail Abdul Rahman** juga menyertai rombongan tersebut sebagai wakil Parti Perikatan.

3. Ceritakan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.

Rombongan Merdeka ke London **diketuai** oleh Tunku Abdul Rahman. Tunku berangkat dari **Kuala Lumpur ke Singapura** dengan menaiki kapal terbang. Rombongan berlepas dari Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura pada 1 Januari 1956 dengan **menaiki kapal laut** M.V.Asia. Sebanyak **10 ribu orang** menghantar rombongan ke London di Tanjung Pagar, Singapura. Pada jam 5.00 petang, rombongan kemerdekaan bertolak ke **Karachi, Pakistan**. Ahli rombongan menggunakan **masa pelayaran** untuk berbincang, mendapatkan persetujuan dan menyusun strategi bersama apabila berunding dengan British. Rombongan singgah di Karachi, Pakistan dan menaiki **kapal terbang ke London**. Rombongan **tiba di London** pada 14 Januari 1956.

4. Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut dan bukannya kapal terbang?

Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut dan bukannya kapal terbang kerana dapat menggunakan masa pelayaran untuk **berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu**. Selain itu, ia bertujuan mendapatkan **persetujuan kedua-dua pihak**. Masa perjalanan yang lama membolehkan Tunku **menyusun strategi** bersama-sama untuk berunding dengan British. Seterusnya, perbincangan antara Tunku dengan wakil Raja-raja Melayu menunjukkan **kesepakatan/permuafakan** antara Raja-raja dan pemimpin.

5. Jelaskan usaha-usaha rundingan kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan **perlunya misi ke London** untuk **membincangkan hal** keselamatan, hubungan British-Tanah Melayu dan perlembagaan negara yang akan merdeka. Wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan **mendapat sokongan semua kaum** tanpa mengira ideologi politik. Antara **pihak yang memberi sokongan** terhadap rundingan ini ialah E.E.C Thuraisingam (wakil orang Ceylon), Ahmad Boestamam (Ketua Parti Rakyat), pemimpin Parti Negara, wakil Parti Buruh dan wakil kaum Serani. **Ahmad Boestamam** menyeru agar rakyat menyokong usaha rombongan ke London.

Wakil Raja-raja Melayu yang ke London ialah Menteri Besar Perak, Dato' Panglima Bukit Gantang iaitu Dato' Haji Wahab Abd Aziz, Menteri Besar Selangor, Encik Abdul Aziz Abdul Majid, Menteri Besar Johor, Dato' Mohd Seth Mohammad Said dan Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

Wakil Parti Perikatan ke London ialah Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein, H.S. Lee dan Dr. Ismail Abdul Rahman

Rombongan Kemerdekaan Ke London **diketuai Tunku** Abdul Rahman. Tunku **merancang perjalanan** rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut. Masa pelayaran digunakan untuk **berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu** supaya kedua pihak **dapat menyusun strategi bersama-sama** apabila berbincang dengan kerajaan British

Tunku Abdul Rahman berangkat dari **Kuala Lumpur ke Singapura** dengan menaiki kapal terbang. Pada 1 Januari 1956, pukul 5.00 petang, rombongan kemerdekaan **menaiki kapal laut**, M.V.Asia berlepas dari Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura dengan membawa semangat merdeka.

Sebanyak **10 ribu orang** yang dianggarkan menghantar rombongan kemerdekaan ke London di Tanjung Pagar, Singapura. Rombongan ini **singgah di Kerachi**, Pakistan. Kemudian mereka **menaiki kapal terbang** menuju ke London. Rombongan ini **tiba di London** pada 14 Januari 1956

Rundingan di London berlangsung dari 18 Januari – 6 Februari 1956 . **Pihak yang terlibat** ialah wakil Raja-raja Melayu, wakil Parti Perikatan dan wakil kerajaan British. Rundingan bertempat **di Lancaster House**, London. Rundingan kemerdekaan menghasilkan satu **laporan setebal 20 halaman**.

Misi rombongan dari PTM ini berjaya mendapat persetujuan British untuk **memberikan kemerdekaan** kepada Tanah Melayu melalui satu Perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956. **Penetapan tarikh Kemerdekaan** PTM pada 31 Ogos 1957 ditentukan Tunku dan beberapa pemimpin lain selepas meminta pandangan daripada Sheikh Abdullah

Fahim, ulama besar dari Kepala Batas, Pulau Pinang.

Dalam rundingan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk **membentuk Suruhanjaya Perlembagaan** yang berperanan merangka perlembagaan negara. Perkara yang dirundingkan dan disepakati di London oleh British ialah **ahli Majlis Eksekutif**, selain Ketua Setiausaha dan Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri. Kerajaan PTM harus **memberikan ganti rugi** kepada pegawai British yang diberhentikan. **Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama** diadakan antara PTM dengan British. **British dan Komanwel** akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada PTM

Perkara yang dirundingkan dan disepakati di London oleh perwakilan Tanah Melayu ialah **menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan** dan digantikan dengan Menteri Kewangan. Perwakilan PTM menuntut agar **Menteri Hal Ehwal Ekonomi** hendaklah dalam kalangan rakyat PTM. Mereka juga menginginkan **Menteri Pertahanan** daripada rakyat PTM menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang pegawai British. Selain itu, perwakilan PTM menuntut **tarikh kemerdekaan** tidak lewat dari 31 Ogos 1957. Perwakilan PTM turut berunding tentang isu **Suruhanjaya Perlembagaan, kewangan, keselamatan dalam negeri dan perkhidmatan awam**.

6. Jelaskan perkara yang dirundingkan dan disepakati di London antara pihak British dengan perwakilan Tanah Melayu.

Perkara yang dirundingkan dan disepakati di London oleh perwakilan Tanah Melayu ialah **menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan** dan digantikan dengan Menteri Kewangan. Perwakilan PTM menuntut agar **Menteri Hal Ehwal Ekonomi** hendaklah dalam kalangan rakyat PTM. Mereka juga menginginkan **Menteri Pertahanan** daripada rakyat PTM menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang pegawai British. Selain itu, perwakilan PTM menuntut **tarikh kemerdekaan** tidak lewat dari 31 Ogos 1957. Perwakilan PTM turut berunding tentang isu **Suruhanjaya Perlembagaan, kewangan, keselamatan dalam negeri dan perkhidmatan awam**.

Perkara yang dirundingkan dan disepakati di London oleh British ialah **ahli Majlis Eksekutif**, selain Ketua Setiausaha dan Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri. Kerajaan PTM harus **memberikan ganti rugi** kepada pegawai British yang diberhentikan. **Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama** diadakan antara PTM dengan British. **British dan Komanwel** akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada PTM.

7. Ceritakan peristiwa sambutan bersejarah kepulangan rombongan kemerdekaan dari London.

Rombongan Kemerdekaan tiba di **Lapangan Terbang Batu Berendam**, Melaka pada 20 Februari 1956. Rombongan **diarak hingga ke Padang Banda Hilir**, Melaka. Lebih kurang **100 ribu orang** datang dengan menaiki bas, lori, dan berjalan kaki dari seluruh negara. Mereka berkumpul untuk **mendengar ucapan pengumuman** tarikh kemerdekaan. **Tunku Abdul Rahman** memaklumkan bahawa melalui Perjanjian Kemerdekaan, negara kita akan diberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Rakyat yang membanjiri Padang Banda Hilir **melaungkan "Merdeka"** dengan gemuruh. **Ghaffar Baba** mengetuai perhimpunan di Padang Banda Hilir. **Leong Yew Koh** berucap di Padang Banda Hilir

8. Perisytiharan tarikh kemerdekaan sangat penting kepada negara kita. Jelaskan. (K B A T)

Perisytiharan tarikh kemerdekaan sangat penting kepada negara kita sebagai **bukti negara mencapai kemerdekaan**. Ia melambangkan titik permulaan bagi kemerdekaan dan kedaulatan negara. Ini bermaksud negara kita bebas daripada belunggu penjajah. Dengan itu, negara kita bebas untuk menjalankan urusan dalaman dan luaran tanpa campur tangan asing.

Perisytiharan tarikh kemerdekaan adalah peristiwa penting dalam **hubungan antarabangsa**. Ia menandakan pengiktirafan oleh negara-negara lain terhadap kedaulatan dan legitimasi negara yang merdeka. Ia membuka pintu untuk menjalankan hubungan diplomatik, kerjasama ekonomi, dan keahlian dalam pertubuhan antarabangsa.

Perisytiharan tarikh kemerdekaan turut membantu dalam **pembentukan identiti nasional negara**. Ia mewakili kesatuan, semangat, dan kebanggaan dalam diri rakyat terhadap negara mereka. Tarikh kemerdekaan menjadi simbol yang mengingatkan rakyat akan sejarah, perjuangan, dan kejayaan negara.

Perisytiharan tarikh kemerdekaan memainkan peranan penting dalam memperkuatkan **semangat kebangsaan** dan rasa bersatu dalam kalangan rakyat negara kita. Ia menggalakkan rasa cinta akan tanah air, pemupukan semangat patriotisme, dan menyatukan rakyat di sebalik satu identiti bersama.

kesimpulannya, perisytiharan tarikh kemerdekaan adalah suatu peristiwa penting yang menandakan kemerdekaan, kedaulatan, dan kebebasan sebuah negara. Ia mencerminkan semangat kebangsaan, memperkukuhkan identiti negara, dan membuka pintu untuk hubungan antarabangsa. Ia juga mewakili aspirasi demokrasi dan hak asasi manusia.

9. Apakah ciri-ciri kepemimpinan yang dapat dicontohi daripada pemimpin Rombongan Kemerdekaan ?(K B A T)

Terdapat beberapa ciri kepemimpinan yang dapat kita contohi daripada pemimpin Rombongan Kemerdekaan seperti **sikap tegas dan berani**. Pemimpin Rombongan Kemerdekaan menunjukkan ketegasan dan keberanian dalam menentang penjajah dan mengejar kemerdekaan. Mereka bersedia menghadapi risiko dan kesukaran demi mencapai matlamat yang lebih besar.

Selain itu, pemimpin Rombongan Kemerdekaan menunjukkan **kebijaksanaan dan keadilan** dalam pengambilan keputusan. Mereka mampu mempertimbangkan kepentingan rakyat secara menyeluruh dan adil. Mereka memiliki kebijaksanaan dalam menghadapi isu-isu yang kompleks dan memastikan keadilan dalam segala tindakan dan keputusan.

Seterusnya, pemimpin Rombongan Kemerdekaan memiliki **visi dan misi** yang jelas untuk negara merdeka. Mereka dapat merancang dan merumuskan matlamat jangka panjang yang dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada rakyat. Jelasnya, mereka mampu merancang dan mengkomunikasikan visi yang membangkitkan semangat dan mendorong ke arah masa depan yang lebih baik.

Sebagai kesimpulannya, pemimpin Rombongan Kemerdekaan memiliki banyak ciri positif yang dapat kita contohi. Dengan mengaplikasikan ciri-ciri ini, pemimpin masa kini dapat menginspirasi dan membawa perubahan positif bagi masyarakat dan negara.

10. Bagaimanakah kita dapat menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan negara kita?(K B A T)

Kita dapat menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan negara kita dengan **menerbitkan karya-karya / bahan bercetak** tentang perjuangan dan sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan sebagai satu bentuk penghargaan. Buku, artikel, atau bahan bercetak yang lain yang menggambarkan peranan dan sumbangan mereka dapat menjadi sumber pengetahuan bagi orang lain selain memastikan supaya warisan mereka terus hidup segar dalam lipatan sejarah.

Melalui **sistem pendidikan**, kita dapat mengajarkan sejarah kemerdekaan dan memperkenalkan tokoh-tokoh kemerdekaan kepada generasi muda. Ini termasuk mengajar tentang perjuangan mereka, nilai-nilai yang mereka amalkan, dan sumbangan mereka terhadap negara. Pendidikan ini harus memberi penekanan pada pentingnya menghormati dan menghargai warisan mereka.

Salah satu cara terbaik untuk menghargai tokoh-tokoh kemerdekaan adalah dengan **menerapkan dan mempraktikkan nilai-nilai** yang mereka amalkan. Ini termasuk nilai-nilai seperti keadilan, kebijaksanaan, patriotisme, dan semangat bekerja keras. Dengan mengadoptasi nilai-nilai ini dalam kehidupan sehari-hari, kita dapat menjaga warisan mereka terus hidup segar.

Membangunkan **monumen atau tugu penghormatan** khusus untuk mengenang tokoh-tokoh kemerdekaan dapat menjadi cara nyata untuk menghargai sumbangan mereka. Monumen ini dapat menjadi tempat yang dihormati dan dikunjungi oleh masyarakat, serta menjadi simbol penghargaan terhadap jasa mereka.

Tuntasnya, menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan adalah tanggung jawab kita sebagai warga negara. Dengan mengingat dan menghormati mereka, kita juga meneruskan semangat dan cita-cita yang mereka perjuangkan.

11. Rundingan kemerdekaan yang dijalankan oleh pemimpin negara kita adalah unik. Jelaskan pernyataan tersebut. (K B A T)

Rundingan kemerdekaan yang dijalankan oleh pemimpin negara kita adalah unik kerana rundingan kemerdekaan **melibatkan perwakilan dari berbagai kelompok etnik**, termasuk Melayu, Cina, dan India, serta berbagai kelompok etnik minoriti lainnya. Sebagai sebuah negara yang memiliki keanekaragaman etnik dan kebudayaan yang berbeza menuntut pemimpin negara untuk memastikan kepentingan dan aspirasi semua kelompok etnik diwakili dalam perundingan. Di samping itu, pemimpin negara perlu menjaga dan melindungi hak-hak semua kaum setelah merdeka.

Rundingan kemerdekaan Malaysia melibatkan **perjanjian khusus** antara pihak-pihak yang terlibat. Perjanjian ini disebut Perjanjian London 1957, yang ditandatangani antara pihak kerajaan Inggris dan pihak-pihak perwakilan Malaysia, termasuk para pemimpin dari Parti Perikatan (sekarang dikenal sebagai Barisan Nasional) dan Gerakan Nasionalis Melayu Bersatu (UMNO).

Rundingan kemerdekaan juga melibatkan **penyelesaian isu-isu sensitif**, seperti hak-hak istimewa Melayu dan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan secara damai dan bertoleransi. Proses ini mengharuskan perundingan yang cermat dan penyeimbangan kepentingan berbagai pihak untuk mencapai kesepakatan yang diterima oleh semua.

Rundingan kemerdekaan turut melibatkan penyusunan sistem pemerintahan yang baru. Malaysia mengadopsi sistem parlimen dengan Raja Berperlembagaan yang mirip dengan sistem negara Britain, tetapi juga mengintegrasikan elemen-elemen dari sistem pemerintahan tradisional Melayu.

Jelasnya, cara rundingan kemerdekaan Malaysia dianggap unik karena melibatkan beberapa aspek yang berbeza dari kebanyakan negara-negara yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama. Keadaan ini menjadikan cara negara Malaysia memperoleh kemerdekaan dianggap unik dan istimewa.

12. Terangkan kepentingan menghormati keputusan pemimpin negara. (K B A T)

Menghormati keputusan pemimpin negara adalah penting untuk menjaga **kestabilan politik** dalam sebuah negara. Apabila rakyat menghormati keputusan pemimpin negara, mereka memberikan kuasa dan sokongan yang diperlukan untuk mengekalkan kestabilan institusi kerajaan. Ini penting agar negara dapat memberi tumpuan kepada pembangunan dan mencapai matlamat nasional tanpa gangguan yang berlebihan.

Menghormati keputusan pemimpin negara juga penting untuk menjaga **ketenteraman sosial**. Jika rakyat tidak menghormati keputusan yang diambil oleh pemimpin negara, ia boleh menyebabkan rusuhan sosial, ketidakstabilan, malahan berlakunya anarki. Dengan menghormati keputusan pemimpin negara, rakyat menunjukkan sikap berdisiplin dan mengelakkan potensi konflik yang merugikan masyarakat secara keseluruhannya.

Menghormati keputusan pemimpin negara membantu keberkesanan **pelaksanaan dasar-dasar kerajaan**. Apabila rakyat menyokong dan menghormati keputusan tersebut, mereka lebih cenderung untuk bekerjasama dalam melaksanakan dasar-dasar tersebut. Ini dapat mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh pemimpin negara dan mengoptimalkan hasil yang diinginkan.

Menghormati keputusan pemimpin negara merupakan sebahagian daripada **prinsip asas demokrasi**. Dalam sistem demokrasi, pemimpin negara dipilih melalui pilihan raya atau proses demokratik yang lain. Apabila rakyat menghormati keputusan tersebut, mereka secara tidak langsung menyokong prinsip-prinsip asas demokrasi seperti pemerintahan berdasarkan kehendak rakyat. Ini membantu mengukuhkan asas demokrasi dalam sebuah negara.

Generalisasinya, kepentingan menghormati keputusan pemimpin negara adalah sangat penting dalam konteks kestabilan dan kemajuan sebuah negara. Kerjasama antara pemimpin dan rakyat mampu memacu kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

13. Bagaimanakah permuafakatan dapat membawa kepada kestabilan negara ?
(K B A T)

Permuafakatan memainkan peranan penting dalam menjaga **keharmonian dan kestabilan sosial** dalam masyarakat. Dengan adanya permuafakatan, rakyat akan saling menghormati dan memahami perbezaan antara satu sama lain. Selain itu, ia dapat mengurangkan konflik dan meningkatkan rasa keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Permuafakatan juga merupakan aspek yang sangat penting dalam memastikan **kestabilan negara**. Ini kerana permuafakatan menyatupadukan rakyat dari pelbagai latar belakang, etnik, agama, dan budaya untuk bekerjasama demi kepentingan bersama.

Permuafakatan turut menyumbang kepada **pembangunan ekonomi** negara. Dengan adanya permuafakatan antara komuniti-komuniti yang berbeza, peluang kerjasama dan perdagangan dapat ditingkatkan. Ini membolehkan negara memanfaatkan kepelbagaian sumber yang sedia ada dan keahlian yang ada dalam masyarakat demi membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Permuafakatan politik pula membantu memastikan **kestabilan negara dan kerajaan**. Apabila pemimpin politik dan parti-parti politik bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan, keputusan-keputusan politik yang diambil akan mencerminkan kehendak dan kepentingan bersama rakyat. Ini membantu menghindari ketegangan politik yang boleh membahayakan kestabilan negara.

Secara keseluruhannya, permuafakatan adalah kunci kepada kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, adalah penting bagi semua pihak untuk bekerjasama dan mengutamakan permuafakatan demi kebaikan bersama dan kestabilan negara.

14. Mengapakah sikap keterbukaan penting untuk kemajuan negara ?

Sikap keterbukaan memungkinan negara untuk **mempelajari dan mengadaptasi inovasi** dari negara-negara lain. Dalam era globalisasi ini, pertukaran pengetahuan dan teknologi sangat penting untuk memacu kemajuan ekonomi dan sosial. Dengan sikap keterbukaan, negara dapat mempelajari sesuatu yang baik dari negara lain, mengadaptasi teknologi terkini, dan mengembangkan daya saing. Contohnya, negara-negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan telah berhasil memanfaatkan sikap keterbukaan untuk memajukan industri mereka dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Sikap keterbukaan dapat merangsang **pertumbuhan ekonomi** negara. Dengan menggalakkan perdagangan bebas dan pelaburan asing, negara dapat meningkatkan akses kepada pasaran global dan menarik modal asing untuk membiayai pembangunan. Keterbukaan juga mencipta persaingan yang sihat di dalam negara, mendorong inovasi, peningkatan produktiviti, dan penciptaan peluang pekerjaan. Contohnya, negara seperti Singapura telah berjaya menjadi pusat kewangan dan perdagangan global dengan mengamalkan sikap keterbukaan yang tinggi.

Selain itu, sikap keterbukaan memainkan peranan penting dalam **memperkuh demokrasi dan kebebasan bersuara**. Dalam negara yang bersikap terbuka, rakyat dapat melibatkan diri dalam proses membuat keputusan, menyuarakan pendapat mereka, dan melibatkan diri dalam pengambilan keputusan politik. Ini membina kepercayaan, kestabilan politik, dan menggalakkan inovasi sosial. Negara yang memperjuangkan sikap keterbukaan juga memberikan ruang kepada kebebasan bersuara, yang pada akhirnya dapat mendorong kepelbagaian dan pemeraksanaan individu dan kumpulan dalam masyarakat.

Seterusnya, sikap keterbukaan **memupuk hubungan diplomatik** yang baik antara negara-negara. Melalui pertukaran budaya, pendidikan, dan hubungan antara rakyat, negara dapat mengurangkan konflik dan meningkatkan persefahaman antara negara-negara. Sikap keterbukaan juga membolehkan negara berkolaborasi dengan negara lain dalam menyelesaikan isu global seperti perubahan iklim, kemiskinan, dan penyakit berjangkit.

Ringkasnya, sikap keterbukaan memainkan peranan yang penting dalam kemajuan negara. Ia membolehkan negara mempelajari dari pengalaman negara lain, merangsang pertumbuhan ekonomi, memperkuat demokrasi, dan memupuk hubungan diplomatik yang baik. Oleh itu, penting bagi negara-negara untuk mempraktikkan sikap keterbukaan dalam segala aspek kehidupan untuk mencapai kemajuan yang berkekalan.

15. Apakah yang anda faham tentang Suruhanjaya Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1957?

Suruhanjaya Persekutuan Tanah Melayu (PTM) merupakan **sebuah badan bebas**. Ia **ditubuhkan pada** 8 Mac 1956. Suruhanjaya ini dibentuk berdasarkan **persetujuan di London dan persetujuan Raja-Raja Melayu**. Suruhanjaya ini **memulakan tugas** pada akhir bulan Jun 1956. Suruhanjaya ini dikenali juga sebagai **Suruhanjaya Reid**. Ia ditubuhkan untuk **membincangkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka**. Selain itu, ia bertujuan **menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka**. Suruhanjaya ini juga bertanggungjawab **merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu** yang merdeka.

16. Mengapakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan? / Apakah tugas/ peranan/fungsi Suruhanjaya PTM 1957 ?

Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan untuk **membincangkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka**. Selain itu, ia berperanan **menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu** yang merdeka. Seterusnya, suruhanjaya ini berperanan **merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu** yang merdeka. Di samping itu, suruhanjaya ini bertanggungjawab **memeriksa aturan Perlembagaan** yang wujud di seluruh Tanah Melayu. **Mengkaji isu-isu dalam merangka perlembagaan** juga merupakan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga **menerima memorandum daripada pelbagai pihak**. Ia juga **menerbitkan cadangan perlembagaan**. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu perlu **menghantar cadangan perlembagaan ke Parlimen British** untuk diteliti. Cadangan perlembagaan juga perlu dihantar kepada **Majlis Mesyuarat dan Majlis Perundangan Persekutuan** untuk disahkan.

Dalam merangka perlembagaan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu perlu **mengambil kira kedudukan dan martabat Raja England dan Raja-raja Melayu**. Ia juga bertanggungjawab **memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan** sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel. Perlembagaan yang digubal perlu **berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan**. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu perlu **mewujudkan kerajaan pusat yang kuat** dengan **kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu**. Ia perlu **melindungi kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan** di negeri masing-masing. Suruhanjaya ini juga **mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di Pertuan Besar** (kemudiannya dikenal sebagai Yang di – Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu perlu **mengadakan satu bentuk kewarganegaraan** bagi Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan yang baru harus **menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain**.

17. Jelaskan terma rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menjalankan tugasnya/ Apakah perkara yang dijadikan panduan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menggubal Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka?

Antara terma rujukan Suruhanjaya Perlembagaan PTM dalam merangka perlembagaan merdeka ialah **memeriksa aturan perlembagaan yang wujud** di Tanah Melayu. Selain itu, ia perlu **mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-Raja Melayu**. Suruhanjaya juga perlu **memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan** sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel. Perlembagaan merdeka adalah berasaskan **Demokrasi Berparlimen**. Sebuah **kerajaan pusat yang kuat** juga perlu diwujudkan.

Di samping itu, Suruhanjaya Perlembagaan juga perlu **membentuk Kerajaan Negeri** yang mempunyai kuasa autonomi tertentu. Suruhanjaya turut perlu melindungi **kedudukan Raja-raja Melayu** sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing.

Terma lain yang menjadi rujukan Suruhanjaya Perlembagaan PTM dalam merangka perlembagaan merdeka ialah **mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara**, iaitu Yang di-Pertuan Besar (Yang di-Pertuan Agong) untuk PTM. Selain itu, Suruhanjaya juga perlu mengadakan satu **bentuk kewarganegaraan** bagi Persekutuan Tanah Melayu. Akhirnya, menjaga **kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain** juga perlu dipathi oleh Suruhanjaya Perlembagaan.

18. Jelaskan gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada peringkat awalnya, Suruhanjaya Perlembagaan PTM **meminta cadangan** daripada semua penduduk yang berminat secara bertulis atau lisan. Suruhanjaya ini **menerima memorandum bertulis** daripada pelbagai pihak untuk diteliti. Suruhanjaya Perlembagaan juga perlu meneliti **kedudukan perlembagaan** bagi negeri dalam Persekutuan.

Seterusnya, Suruhanjaya Perlembagaan **menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri. Mesyuarat** turut dianjurkan. Suruhanjaya Perlembagaan turut **melakukan lawatan** ke negeri Melayu serta Negeri-negeri Selat. **Persidangan** bagi membincangkan pelbagai isu turut diadakan.

Suruhanjaya Perlembagaan telah mengadakan sebanyak 118 **perjumpaan** dari bulan Jun hingga bulan Oktober 1956. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan turut **berunding** dengan pelbagai pihak. Pelbagai pihak diminta menyuarakan idea dan pandangan bagi membentuk sebuah negara merdeka dan sejahtera.

Suruhanjaya Perlembagaan telah **mengkaji cadangan** yang diterima. Suruhanjaya Perlembagaan telah **membuat laporan** tentang cadangan yang diterima. Suruhanjaya Perlembagaan turut membuat cadangan dalam **membentuk perlembagaan** bagi sebuah negara merdeka.

19. Senaraikan ahli Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Ried.

Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diketuai **Lord Reid** (Hakim British). Anggota lain ialah **Sir Ivor Jennings** (England). **Sir William McKell** (Bekas Gabenor Jeneral Australia) turut menyertai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, terdapat **Tuan B. Malik** (Hakim Mahkamah Tinggi India). Akhirnya, **Tuan Abdul Hamid** (Pakistan) turut menjadi anggota dalam Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

20. Wajarkah Suruhanjaya Reid turut dianggotai oleh rakyat dari Persekutuan Tanah Melayu? Beri penjelasan anda. (K B A T)

Suruhanjaya Reid **wajar** dianggotai rakyat PTM kerana Tanah Melayu telah **mempunyai cendekiawan** yang mempunyai ilmu dalam bidang undang-undang. Keadaan ini menjadikan mereka sebagai wakil yang lebih baik. Dengan melibatkan rakyat tempatan dalam Suruhanjaya Reid, badan tersebut akan mempunyai kepelbagaian pandangan dan pemahaman yang lebih baik mengenai keperluan dan kebimbangan masyarakat setempat. Ini membolehkan mereka membuat keputusan yang lebih baik yang menggambarkan kepelbagaian pendapat di seluruh negara.

Memiliki wakil tempatan dalam Suruhanjaya Reid dapat meningkatkan **kredibiliti dan kepercayaan** rakyat terhadap badan tersebut. Rakyat akan lebih cenderung menerima dan mempercayai keputusan Suruhanjaya jika mereka melihat wakil dari komuniti mereka sendiri yang terlibat dalam proses tersebut.

Rakyat tempatan juga memiliki **pengetahuan yang mendalam** mengenai isu-isu tempatan, seperti keperluan sosial, budaya, geografi, dan politik setempat. Rakyat Tanah Melayu lebih mengetahui keadaan sosiopolitik di Tanah Melayu. Keahlian mereka dalam Suruhanjaya Reid dapat memberikan maklumat penting dan pandangan yang lebih baik mengenai aspek-aspek ini. Dengan itu, mereka dapat memastikan perlembagaan yang lebih memenuhi kehendak penduduk Tanah Melayu digubal.

Melibatkan rakyat tempatan dalam Suruhanjaya Reid dapat meningkatkan **pengawasan awam** terhadap proses penggubalan perlembagaan PTM yang akan merdeka. Mereka dapat bertindak sebagai wakil masyarakat untuk memantau dan memastikan keadilan dan integriti dalam merangka perlembagaan baru. Ini dapat membantu mengurangkan kewujudan rasa curiga dan kontroversi berkaitan perlembagaan.

Jelasnya, Suruhanjaya Reid harus dianggotai oleh wakil dari PTM untuk memastikan perlembagaan yang bakal dihasilkan dapat diterima oleh seluruh penduduk PTM dengan hati yang terbuka.

Suruhanjaya Reid **tidak wajar** dianggotai rakyat PTM kerana Suruhanjaya Reid merupakan sebuah suruhanjaya yang **bebas dan neutral**. Penggubalan perlembagaan memerlukan sebuah badan bebas yang tidak berpihak kepada mana-mana bangsa di Tanah Melayu. Ini adalah elemen penting dalam menjaga integriti dan keadilan proses penggubalan perlembagaan negara yang bakal merdeka. Dalam memasukkan wakil tempatan dalam menganggotai Suruhanjaya Reid boleh mencetuskan konflik kepentingan atau bias. Ini boleh mewujudkan keraguan objektiviti dan integriti badan tersebut.

Suruhanjaya Reid yang terdiri daripada **ahli yang profesional** dan berpengalaman dalam bidang undang-undang dapat memberikan pengetahuan yang khusus dan kecekapan dalam menjalankan tugas mereka. Penggunaan perlembagaan merdeka memerlukan kepakaran dari mereka yang pernah terlibat dalam perundangan negara Komanwel. Pelibatan rakyat tempatan yang mungkin tidak mempunyai latar belakang yang sama dalam hal ini boleh membawa kepada ketidaktahuan atau kekurangan pemahaman mengenai aspek-aspek perundangan.

Sebagai ahli Suruhanjaya Reid, individu terlibat mungkin mempunyai akses kepada **maklumat sulit** yang melibatkan data-data penting negara. Dalam situasi di mana anggota Suruhanjaya adalah rakyat tempatan, terdapat risiko yang lebih besar bahawa maklumat tersebut mungkin disalahgunakan atau dibocorkan.

Tuntasnya, Suruhanjaya Reid tidak wajar disertai oleh wakil tempatan untuk menjaga statusnya sebagai sebuah suruhanjaya yang bebas. Dengan ini, segala butiran yang termaktub dalam perlembagaan merdeka akan menjadi objektif dan memastikan kepentingan semua kaum tidak diabaikan dalam perlembagaan

21. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menerima banyak memorandum daripada pelbagai pihak. Jelaskan.

Suruhanjaya Perlembagaan telah menerima **sebanyak 131 memorandum** bertulis. Memorandum datang daripada **Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan**. Memorandum tersebut berkaitan dengan corak pentadbiran, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa dan pendidikan

Memorandum daripada Raja-Raja Melayu mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai **seorang Ketua Negara** yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong (YDPA). **YDPA harus dipilih oleh Raja-raja Melayu** berdasarkan kekananan. **Tempoh jawatan YDPA** ialah 5 tahun. YDPA boleh meletak jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Raja-raja Melayu **melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain**.

Sementara itu, **memorandum daripada parti politik dan pihak awam** berkaitan **Soal Kewarganegaraan** dan **Bahasa dan Pendidikan**. **Dalam soal kewarganegaraan, Parti Perikatan** menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan "Testament Amanah Politik Perikatan". Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu Jus Soli dalam Parti Perikatan. Beberapa pihak dalam **UMNO** menolak pemberian kewarganegaraan jus soli. Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan kewarganegaraan. **Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya** pula menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran. **Masyarakat India** pula menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti. Sedangkan **masyarakat Serani** mahu hak mereka dipertahankan.

Dalam isu **Bahasa dan Pendidikan**, memorandum **MCA** menuntut supaya semua sekolah daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular perlu diteruskan. Memorandum MCA turut mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil.

22. Jelaskan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Pada peringkat awalnya, Suruhanjaya Perlembagaan **menerima memorandum** daripada Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan. Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima. Memorandum berkaitan dengan corak pentadbiran, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa dan pendidikan.

Memorandum daripada Raja-Raja Melayu mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai **seorang Ketua Negara** yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong (YDPA). **YDPA harus dipilih oleh Raja-raja Melayu** berdasarkan kekananan. **Tempoh jawatan YDPA** ialah 5 tahun. YDPA boleh meletak jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Raja-raja Melayu **melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain**.

Sementara itu, **memorandum daripada parti politik dan pihak awam** berkaitan **Soal Kewarganegaraan** dan **Bahasa dan Pendidikan**. **Dalam soal kewarganegaraan, Parti Perikatan** menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan "Testament Amanah Politik Perikatan". Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu Jus Soli dalam Parti Perikatan. Beberapa pihak dalam **UMNO** menolak pemberian kewarganegaraan jus soli. Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan kewarganegaraan. **Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya** pula menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran. **Masyarakat India** pula menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti. Sedangkan **masyarakat Serani** mahu hak mereka dipertahankan.

Dalam isu **Bahasa dan Pendidikan**, memorandum **MCA** menuntut supaya semua sekolah daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular perlu diteruskan. Memorandum MCA turut mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil.

Seterusnya, Suruhanjaya Perlembagaan PTM mengeluarkan **draf perlembagaan** yang mengandungi perkara seperti meneruskan sistem **kerajaan Persekutuan** dengan negeri mempunyai kuasa tertentu. Selain itu, sistem **kewarganegaraan** berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu. Daraf perlembagaan ini juga melindungi **kedudukan istimewa** orang Melayu. Raja-raja Melayu diterima dengan konsep **Raja Berperlembagaan**. Draf perlembagaan mencadangkan seorang **Yang di-Pertuan Agong** dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu. Sebuah **parlimen** dengan dua Majlis Mesyuarat iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk juga dicadangkan oleh draf tersebut.

Draf Perlembagaan PTM mendapat pelbagai reaksi daripada parti politik. Terdapat ahli **UMNO** yang tidak setuju dengan konsep **jus soli** kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat. UMNO inginkan **agama Islam** mestilah diakui sebagai agama rasmi dan **Bahasa Melayu** dijadikan bahasa rasmi. Dato Onn Jaafar dari **Parti Negara** menolak syarat **kewarganegaraan yang longgar**. Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat **mengadakan kongres** pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan. **PAS mengkritik soal kewarganegaraan** yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu. PAS mahu **kedudukan agama Islam** menjadi asas pemerintahan negara. PAS juga menuntut **bahasa Melayu** dijadikan bahasa rasmi. Sebahagian pertubuhan **masyarakat Cina** ingin menjadikan **bahasa Mandarin** sebagai bahasa kebangsaan. **MIC** mahu syarat **kewarganegaraan** dan **penggunaan bahasa Tamil** diberikan perhatian.

Seterusnya, pada 9 Mei 1957, Tunku, Dato' Abdul Razak Hussein, Ong Yoke Lin, V.T Sambanthan sekali lagi ke London untuk **berbincang dengan kerajaan British** tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad. Beberapa **perubahan dan pindaan** dibuat pada draf perlembagaan. Hasil pindaan seterusnya **dipersembah untuk diperkenan** dan dibincangkan dalam Majlis Raja-Raja.

Pada 10 Julai hingga 11 Julai 1957 pula, **draf perlembagaan** dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentang dan dibahaskan.

Draf Perlembagaan PTM akhirnya diluluskan oleh **Parlimen British** di London.

23. Jelaskan reaksi masyarakat/parti politik terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah.

Draf Perlembagaan PTM mendapat pelbagai reaksi daripada parti politik. Terdapat ahli **UMNO** yang tidak setuju dengan konsep **jus soli** kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat. UMNO inginkan **agama Islam** mestilah diakui sebagai agama rasmi dan **Bahasa Melayu** dijadikan bahasa rasmi. Dato Onn Jaafar dari **Parti Negara** menolak syarat **kewarganegaraan yang longgar**. Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat **mengadakan kongres** pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan. **PAS mengkritik soal kewarganegaraan** yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu. PAS mahu **kedudukan agama Islam** menjadi asas pemerintahan negara. PAS juga menuntut **bahasa Melayu** dijadikan bahasa rasmi. Sebahagian pertubuhan **masyarakat Cina** ingin menjadikan **bahasa Mandarin** sebagai bahasa kebangsaan.

24. Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 antaranya ialah tentang pengamalan **Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen**. Dalam Perlembagaan PTM 1957, termaktub tentang pelantikan seorang raja sebagai Yang di-Pertuan Agong **setiap lima tahun** sekali.

Dalam soal **kewarganegaraan**, setiap orang yang **dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka** akan menjadi warganegara. Kewarganegaraan diberikan melalui **tiga cara** iaitu penguatkuasaan undang-undang (Perkara 14), memohon didaftarkan sebagai rakyat (Perkara 15) dan naturalisasi atau memohon untuk menukar kewarganegaraan (Perkara 19).

Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan Kepentingan Sah Kaum juga termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Perjanjian Persekutuan menjaga **kedudukan istimewa orang Melayu**. Semua rakyat **mempunyai hak dan kewajiban yang sama**. **Rakyat keturunan Melayu** diberikan beberapa keutamaan dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu. Manakala **hak untuk masyarakat lain** tetap dipelihara dan dilindungi.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 mengiktiraf **agama Islam** sebagai agama Persekutuan. Walau bagaimanapun, **agama lain** boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara ini.

Perjanjian Persekutuan juga **mengiktiraf bahasa Melayu** sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu dijadikan **bahasa pengantar dan bahasa komunikasi**.

25. Bincangkan kepentingan perlembagaan kepada sesebuah negara ?(K B A T)

Perlembagaan penting kepada sesebuah negara kerana perlembagaan membantu menjaga **kestabilan dan keamanan** dalam negara. Ia menetapkan peraturan dan prosedur yang diperlukan untuk melaksanakan kerajaan dan menguruskan negara. Dengan adanya perlembagaan yang kukuh, negara dapat mengelakkan kekacauan politik, krisis institusi, dan ketidakpastian dalam pentadbiran negara.

Seterusnya, perlembagaan penting dalam **melindungi hak asasi manusia** yang meliputi hak kebebasan bersuara, kebebasan beragama, hak atas keadilan, hak kesaksamaan, dan banyak lagi. Ia menyediakan dasar untuk melindungi warganegara daripada penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan dan menjaga keadilan dalam sistem perundangan.

Perlembagaan memastikan **kedaulatan undang-undang** dalam negara terpelihara. Ini bermaksud bahawa semua pihak, termasuk pemimpin kerajaan, tertakluk kepada undang-undang yang sama. Prinsip ini penting dalam menjamin keadilan, ketertiban awam, dan perlindungan hak-hak warganegara.

Selain itu, perlembagaan menetapkan **pembahagian kuasa** antara tiga cabang pemerintahan iaitu badan eksekutif, badan legislatif, dan badan kehakiman. Ia mewujudkan sistem checks and balances (semak dan imbang) untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana cabang kerajaan. Dengan pembahagian kuasa yang jelas, perlembagaan membantu menjaga kestabilan politik dan menggalakkan pengambilan keputusan yang bijak.

Perlembagaan juga penting dalam melindungi hak **golongan minoriti**. Perlembagaan seringkali mengandungi peruntukan khas untuk melindungi hak-hak minoriti dalam masyarakat. Ini termasuk hak-hak etnik, agama, gender, dan sosioekonomi. Dengan adanya perlembagaan yang menyediakan perlindungan bagi semua rakyat, ia membantu mencipta masyarakat yang inklusif dan harmoni.

Secara keseluruhannya, perlembagaan adalah asas yang penting bagi setiap negara. Tanpa perlembagaan yang kukuh, negara mungkin mengalami ketidakstabilan politik, pelanggaran hak asasi manusia, dan kekacauan pentadbiran.

26. Bagaimanakah warga Malaysia menjunjung keluhuran perlembagaan negara?
(K B A T)

Warga Malaysia menjunjung keluhuran perlembagaan negara dengan mempunyai **kesedaran dan pengetahuan** tentang isi kandungan perlembagaan negara. Mereka juga perlu memahami secara mendalam mengenai hak-hak dan tanggungjawab yang termaktub di dalamnya. Pendidikan mengenai perlembagaan perlu diberikan di sekolah-sekolah dan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran warganegara terhadap pentingnya perlembagaan sebagai asas kehidupan berdemokrasi.

Warga Malaysia juga perlu **mematuhi undang-undang** yang ditetapkan oleh perlembagaan. Ini termasuk menghormati hak asasi manusia, mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan, dan tidak melakukan tindakan yang melanggar undang-undang. Kepatuhan kepada undang-undang akan mewujudkan penghormatan terhadap perlembagaan negara.

Warga Malaysia juga perlu aktif **terlibat dalam proses demokrasi**, seperti mengundi dalam pilihan raya, mengambil bahagian dalam perbincangan awam, dan menyuarakan pandangan mengenai isu-isu penting. Melalui penglibatan ini, warga Malaysia dapat menyumbang kepada pembentukan dasar dan keputusan yang bertepatan dengan nilai-nilai perlembagaan.

Seterusnya, warga Malaysia perlu **mempertahankan hak-hak dan kebebasan** yang dijamin oleh perlembagaan negara. Ini termasuk hak kebebasan bersuara, hak untuk berhimpun secara aman, hak atas keadilan, dan hak-hak lain yang termaktub di dalam perlembagaan. Warga perlu mengambil pendekatan yang bertanggungjawab untuk memastikan hak-hak ini tidak disalahgunakan atau dirampas oleh pihak lain.

Tuntasnya, setiap warganegara perlu menjunjung keluhuran perlembagaan negara untuk memastikan kestabilan, keadilan, dan kebebasan dalam negara Malaysia.

27. Menghuraikan kepentingan menjunjung keluhuran perlembagaan. (K B A T)

Salah satu kepentingan menjunjung keluhuran perlembagaan adalah **menjaga kestabilan politik**. Perlembagaan menetapkan kerangka kerja dan kuasa bagi pihak berkuasa. Perlembagaan berfungsi sebagai landasan hukum yang memastikan pengaturan yang jelas tentang pembahagian kuasa, tugas, dan tanggung jawab di antara institusi pentadbiran negara. Dengan mematuhi perlembagaan, kita dapat memastikan bahawa kuasa dijalankan dengan adil dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ini akan mencegah penyalahgunaan kuasa dan konflik politik yang boleh mengancam kestabilan negara.

Selain itu, menjunjung keluhuran perlembagaan juga penting dalam **melindungi hak asasi manusia**. Perlembagaan menjamin hak-hak dasar setiap individu, seperti hak kebebasan bersuara, hak kebebasan beragama, dan hak kebebasan dari perlakuan yang tidak adil. Dengan menghormati perlembagaan, negara kita dapat memastikan setiap warganegara diperlakukan dengan adil dan saksama, tanpa mengira latar belakang mereka.

Menjunjung keluhuran perlembagaan juga memastikan **keseimbangan kuasa antara institusi-institusi pentadbiran negara**. Perlembagaan menetapkan pembahagian kuasa antara badan eksekutif, legislatif, dan kehakiman. Dengan mematuhi perlembagaan, institusi-institusi ini dapat menjalankan tanggungjawab dan fungsi mereka secara bebas tanpa campur tangan yang tidak sewajarnya. Ia juga menghindari pemusatan kuasa yang berlebihan pada sesuatu badan atau individu. Ini penting untuk mencegah penyalahgunaan kuasa dan menjaga keseimbangan dalam sistem pemerintahan serta memastikan tindakan kerajaan diawasi dan ditadbir dengan sewajarnya.

Menjaga keluhuran perlembagaan bermakna **memegang prinsip kedaulatan undang-undang**, di mana semua individu, termasuk pemimpin politik dan penguasa, akan tunduk pada hukum yang sama. Ini mencegah penyalahgunaan kuasa dan memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam sistem perundangan negara.

Selain itu, menjunjung keluhuran perlembagaan juga **mencerminkan prinsip demokrasi**. Perlembagaan menyediakan kerangka kerja yang membolehkan warganegara untuk menyuarakan pendapat mereka melalui pilihan raya dan mekanisme demokratik lain. Dengan mematuhi perlembagaan, kita menyokong prinsip-prinsip demokrasi dan memberikan peluang kepada semua warganegara untuk turut serta dalam proses membuat keputusan negara.

Secara keseluruhannya, menjunjung keluhuran perlembagaan adalah penting bagi memastikan negara kita berfungsi dengan adil, berkesan, dan demokratik. Melalui pematuhan terhadap perlembagaan, kita dapat membina negara yang lebih baik untuk semua warganegara.

28. Sebagai generasi muda, mengapakah anda perlu menghormati perlembagaan negara? (K B A T)

Kita perlu menghormati perlembagaan negara kerana perlembagaan merupakan **asas dan pewarisan nilai-nilai** fundamental yang membentuk identiti negara. Menghormati perlembagaan bererti kita menghormati sejarah, budaya, dan warisan yang diterima dari generasi sebelumnya. Ini membantu memelihara kesatuan dan mewariskan nilai-nilai positif kepada generasi yang akan mendatang.

Perlembagaan perlu dihormati sebagai **landasan hukum** yang memastikan kestabilan dan kesejahteraan negara. Dengan menghormati perlembagaan, generasi muda dapat menyumbang kepada kestabilan politik, sosial, dan ekonomi negara. Ini memberikan landasan yang kukuh untuk pembangunan yang berlanjutan dan kesejahteraan bagi seluruh masyarakat.

Menghormati perlembagaan juga bererti **menghormati prinsip demokrasi** yang melibatkan pelibatan yang aktif dalam proses politik dan pengambilan keputusan. Sebagai generasi muda, menghormati perlembagaan bererti kita berperanan serta terlibat dalam pilihan raya, tidak berbicara secara terbuka tentang isu-isu penting, dan melibatkan diri dalam gerakan sosial yang membela hak-hak asasi manusia dan keadilan.

Seterusnya, dengan menghormati perlembagaan, generasi muda dapat memastikan **perlindungan hak-hak dasar** seperti kebebasan berbicara, kebebasan beragama, hak kesamarataan, dan hak atas keadilan. Menghormati perlembagaan adalah langkah untuk membangun masyarakat yang adil, dan saksama.

Ringkasnya, menghormati perlembagaan negara adalah tanggung jawab generasi muda untuk membangun negara yang kuat, adil, dan berdaya maju. Dengan menghormati perlembagaan negara, generasi muda dapat memberikan sumbangan yang bermakna bagi perkembangan dan kemajuan negara mereka.

BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

1. Terangkan pengertian kemerdekaan

Merdeka bererti **bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing**. Merdeka juga bererti bebas **menentukan pemerintahan dan hala tuju negara**. Kemerdekaan yang diperjuangkan merupakan **rentetan perjuangan yang panjang**.

Menurut Kamus Dewan, kemerdekaan ialah **bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan**. Negara yang merdeka juga bermakna negara yang **berdaulat dan mempunyai kuasa tertinggi**.

2. Jelaskan persediaan yang dilakukan bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

Persediaan yang dilakukan bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara adalah melalui **penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan**. Selain itu, di **setiap negeri juga turut diatur upacara sambutan kemerdekaan**. Selanjutnya, tumpuan utama adalah di Padang Kelab Selangor dan Stadium Merdeka.

Di samping itu, Tunku Abdul Rahman berucap supaya **seluruh rakyat meraikan Hari Kemerdekaan dengan meriah** supaya kekal dalam sejarah negara. Akhir sekali, Dato' Abdul Razak Hussein pula **melalui Radio Malaya memaklumkan kepada rakyat** tentang atur cara kemerdekaan terutamanya pada tarikh 31 Ogos 1957.

3. Huraikan peranan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Persediaan Fizikal untuk menyambut kemerdekaan negara

Peranan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Persediaan Fizikal untuk menyambut kemerdekaan negara ialah **pembinaan prasarana fizikal antaranya pembinaan sebuah stadium untuk kemerdekaan dan istana untuk Yang di-Pertuan Agong**. Selain itu, cadangan oleh Tunku Abdul Rahman agar sebuah **lagu rasmi kebangsaan dicipta dan diperdengarkan semasa upacara Pengisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957**. Untuk itu, telah ditubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan yang telah **memilih lagu Negaraku sebagai lagu kebangsaan negara**. Lagu Negaraku ini adalah berasal dari lagu Terang Bulan, lagu negeri Perak yang mana liriknya ditulis oleh Saiful Bahari.

Turut tidak dikesampingkan ialah **penggunaan bendera kebangsaan yang mana menggunakan bendera Persekutuan Tanah Melayu sedia ada**. Bendera ini adalah rekaan oleh Mohamed Hamzah, seorang kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor

Akhir sekali, **lambang-lambang negara** turut diperkenalkan seperti **Jata Negara yang telah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957 dan Bunga Raya yang telah dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan**.

4. Huraikan peranan Jawatankuasa Sambutan sebelum menjelangnya detik Pemasyhuran Kemerdeaan negara

Peranan Jawatankuasa Sambutan sebelum menjelangnya detik Pemasyhuran Kemerdeaan negara adalah untuk **memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri**. Contohnya **bangunan di sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu** serta **75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu ditempah khas darikilang kain di Jepun dan dibawa dengan kapal laut**.

Selain itu, **menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas** ilham Tunku Abdul Rahman iaitu sejenis pakaian dari Kedah yang dipanggil "muskat". **Pakaian ini diubah suai lengkap dengan seluar satin hitam dan bersongket, bersamping dan tengkolok**.

Selanjutnya, kerajaan menganjurkan **kursus khas berkaitan dengan protokol yang diikuti seramai 300 orang pegawai kerajaan selama tiga hari**. Tujuannya adalah lantaran mereka ini akan menjadi pegawai penerangan dan pegawai pengiring tetamu serta jemputan luar negara.

Akhir sekali, **semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal** untuk memberikan peluang menyambut kemerdekaan.

5. Perincikan sambutan detik malam sebelum pemasyhuran kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.

Sambutan detik pemasyhuran kemerdekaan negara **dimulakan pada jam 10.00 malam di mana wakil Parti Perikatan dari Persekutuan tanah Melayu dan Singapura bderpakaian baju Melayu hitam diketuai oleh Sardon Jubir mengambil tempat**. Diteruskan pada jam 10.30 malam sebanyak **300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat mengambil tempat di tengah padang menghadap Jalan Raja (menara jam) yang mana diketuai oleh Ismail Botak**.

Selanjutnya, pada jam **11.58 malam, semua lampu dan di padang dan di sekelilingnya dipadamkan sehingga seluruh kawasan menjadi gelap gelita**. Kemuncaknya pada jam **12.00 tengah malam lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi dan diikuti laungan "Merdeka" oleh orang ramai disusuli Tunku Abdul Rahman dibawa ke hadapan pentas menghadap ketiga-tiga tiang bendera**.

Seterusnya, **bendera Union Jack diturunkan dengan diiringi lagu God Save The Queen sebagai tanda tamatnya pendudukan British di Tanah Melayu**. Selesai upacara ini, **bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan diiringi lagu Negaraku yang diperdengarkan kali pertama kepada umum serta sorakan "Merdeka" dilaungkan sebanyak tujuh kali**. Jam 12.10 tengah malam, Tunku Abdul Rahman memeriksa perbarisan perwakilan negeri serta beliau dikalungkan rantai emas bertulis Bapa Kemerdekaan Tanah Air oleh Sardon Jubir. **Seterusnya pada jam 12.25 tengah malam, Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan dengan penuh semangat dan majlis diakhiri pada jam 12.55 tengah malam dengan bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati**.

6. Jelaskan sambutan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka.

Sambutan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka bermula jam 8.15 pagi apabila Tunku Abdul Rahman tiba di perkarangan stadium dan disusuli ketibaan Raja-raja Melayu. Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri serta Duke dan Duchess of Gloucester. Duke of Gloucester mewakili kerajaan British telah memberikan ucapan dan menyerahkan Surat Perlembagaan Serahan Kuasa kepada Tunku Abdul Rahman. Beliau membaca Pemasyhuran Kemerdekaan bagi mengisytiharkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kedaulatan. Seterusnya, sorakan "Merdeka" dilaungkan tujuh kali disusuli laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari sebagai tanda syukur terhadap kemerdekaan negara. Diteruskan majlis dengan menaikkan bendera kebangsaan diiringi lagu Negaraku dan tembakan 101 das tembakan dilepaskan.

Seterusnya, pada jam 11.00 pagi diadakan upacara Mengangkat Sumpah Yang di-Pertuan Agong dilakukan di Istana Negara disusuli pelantikan jawatan Perdana Menteri, Ahli Jemaah Menteri, Hakim Besar serta Gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Selanjutnya pada jam 1.30 tengah hari, majlis jamuan di Residen diadakan sebagai tanda selamat jalan kepada bekas Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray.

Akhir sekali, pada jam 5.25 petang, Sir Donald MacGillivray dan isteri berlepas dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur ke England. Beliau diberikan penghormatan dengan permaidani merah dan barisan kehormat oleh Batalion Keempat Askar Melayu.

7. Bagaimanakah kemerdekaan Tanah Melayu memberi kesan politik?

Kemerdekaan Tanah Melayu memberi kesan dari aspek politik kerana pengaruhnya dari aspek peringkat negara dan antarabangsa. Dari aspek dalam negara, pengamalan sistem Raja Berpelembagaan adalah antara bukti pentingnya yang mana Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Utama Negara dengan kuasa-kuasa tertentu.

Selain itu, pengenalan Demokrasi Berparlimen sebagai satu cara untuk rakyat memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya. Rakyat diberi hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan masa depan negara. Pentadbiran negara juga turut melalui perubahan di mana Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri pertama Persekutuan Tanah Melayu. Beberapa jawatan dikekalkan sebagai ahli kabinet. Ini melambangkan kebebasan negara menjalankan dasar pentadbirannya sendiri

Seterusnya, tidak boleh dinafikan cabaran sebagai kerajaan persekutuan di mana para pegawai tempatan menggantikan para pegawai Eropah. Penggantian ini melibatkan beberapa bidang seperti pendidikan tinggi, keselamatan dan pertahanan.

Di peringkat antarabangsa, dasar luar yang diperkenalkan adalah melalui Kementerian Luar. Kumpulan pertama pegawai dihantar ke Britain bagi mendapatkan latihan. Beberapa tokoh dihantar bagi menggubal usaha menentukan

dasar luar negara kita. **Hubungan luar negara kita turut dijalinan dengan negara seperti Indonesia, India, Australia, New Zealand, Mesir dan Jepun.**

Seterusnya, negara kita juga **menganggotai Komanwel sebagai sebuah pertubuhan untuk merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli.** Melalui Komanwel ini juga menjadi ruang untuk negara kita **mempamerkan komitmen terhadap isu yang dihadapi oleh negara anggota.** Aspek pertahanan negara juga tidaklah boleh dikesampingkan. **Kerjasama pertahanan dengan Britain, Ausralia dan New Zealand sebelum merdeka adalah bagi tujuan perlindungan terhadap negara kita.** Semasa baru merdeka, pertahanan negara kita yang masih belum kuat menyebabkan kita perlukan bantuan Britain dan menandatangani perjanjian pertahanan yang dipanggil Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) pada tahun 1957.

Selanjutnya, **negara kita juga menggunakan Pound Sterling dalam urusan perdagangan antarabangsa.** Negara kita sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi hasil daripada getah dan bijih timah memperkuat kedudukan mata wang Pound Sterling selain turut **memperkukuh kedudukan ekonomi ahli-ahlinya**

Selain itu, dengan tercapainya kemerdekaan ini, secara tidak langsung kita telah **diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai ahlinya.** **Bendera negara kita dikibarkan pada 15 Oktober 1957 dalam satu upacara rasmi di ibu pejabat PBB di New York.** Dengan pengiktirafan ini, negara kita turut menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia.

Akhir sekali, negara kita turut terlibat dalam **misi pasukan pengaman PBB di Congo.** Melalui penglibatan ini, ianya **melambangkan kepercayaan dan pengiktirafan tertinggi PBB kepada sebuah negara baharu untuk bersama-sama terlibat dalam pengurusan konflik antarabangsa.**

8. Huraikan kepentingan kemerdekaan negara dalam aspek ekonomi dan sosial.

Kepentingan kemerdekaan negara dari aspek ekonomi ialah wujudnya **Rancangan Malaya Pertama pada tahun 1956 - 1960.** Ianya bertujuan untuk **meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan tumpuan kepada sektor luar bandar.** Melaluinya juga kerajaan **mempelbagaikan keluaran pertanian supaya tidak hanya bergantung pada pengeluaran getah selain untuk menambah peluang pekerjaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan.**

Seterusnya, penubuhan **Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA** pada tahun 1956 bertujuan **memajukan tanah baharu secara besar-besaran bagi pertanian dan penempatan semula masyarakat.** Fokusnya adalah dengan memindahkan penduduk di kawasan luar bandar ke rancangan tanah FELDA untuk menanam getah atau kelapa sawit. **Kemudahan perumahan dan kemudahan asas lain turut disediakan.**

Selanjutnya **penubuhan institusi kewangan tempatan seperti Malay National Bank atau Bank Kebangsaan Melayu oleh Maarof Zakaria.** Penubuhan **Bank Negara** pula pada tahun 1959 menyusul sebagai satu usaha menggalakkan kestabilan kewangan dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk ekonomi negara. Turut dilihat berimpak dari aspek ekonomi adalah **pembangunan luar bandar.** Ianya dapat dilihat melalui penubuhan **Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1959.** Kementerian ini berfokus untuk membangunkan infrastruktur, sosial dan ekonomi luar bandar. Di peringkat negeri dan daerah pula ditubuhkan **Majlis Pembangunan Luar Bandar bagi**

merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek pembangunan selain keutamaan kerajaan dalam penyediaan kemudahan asas untuk penduduk luar bandar.

Dari aspek sosial, beberapa bidang utama menerima kesan hasil kemerdekaan negara yang dikecapi. Antaranya dari **bidang pendidikan di mana pengenalan Penyata Rahman Talib bagi mengkaji semula Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Melalui Penyata Rahman Talib ini, penekanan diberikan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.**

Selain itu, **penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan pada tahun 1956 bagi memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu.** Selanjutnya **penubuhan Jabatan Penerangan bertujuan menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan di luar negara turut digerakkan.** Jabatan ini turut berfungsi sebagai lidah rasmi kerajaan dalam memberikan maklumat kepada rakyat berkaitan dasar dan falsafah negara menjelang kemerdekaan dan tahun-tahun awal kemerdekaan negara.

Bidang kesihatan tidak dikesampingkan oleh kerajaan di mana pusat kesihatan dan hospital ditubuhkan untuk meningkatkan sosioekonomi penduduk di luar bandar. Fungsi Kementerian Kesihatan cukup penting dalam pemulihan isu sosial serta pembangunan masyarakat demi kesejahteraan negara. Akhir sekali, **penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur kepada rakyat turut diberi perhatian oleh kerajaan.** Fokus utama adalah **penyediaan air bersih dan bekalan elektrik sebagai usaha meningkatkan taraf hidup di samping merapatkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar.**

9. Sejauh manakah prinsip kedaulatan dapat dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu setelah diisytiharkan kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957?

Prinsip kedaulatan dapat dikaitkan dengan kemerdekaan yang telah berjaya dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu **melalui ciri-ciri kedaulatan yang terkandung di dalamnya seperti wilayah pengaruh, kerajaan, kedaulatan undang-undang, lambang kebangsaan dan rakyat.** Dari aspek wilayah pengaruh misalnya, sempadan yang terbentuk merujuk kepada pembentukan sebuah wilayah yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, Persekutuan tanah Melayu ini juga **mempunyai kerajaannya sendiri yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbir negara.** Kerajaan yang dibentuk adalah hasil proses demokrasi melalui pilihan raya secara undian.

Seterusnya **kedaulatan undang-undang yang menjadikan kerajaan dan rakyat keseluruhannya tertakluk di bawah undang-undang.** Ianya penting bagi menjamin keamanan negara dan kesejahteraan dipelihara. Perlembagaan Persekutuan 1957 adalah bukti yang menjadi asas kedaulatan sebuah negara merdeka. Lebih dari itu, **lambang kebesaran negara seperti Jata Negara, lagu Negaraku, bendera kebangsaan dan bunga kebangsaan menjadi simbol perpaduan dan jati diri rakyat.** Lambang-lambang ini mempunyai pengertian yang tinggi berdasarkan sosiobudaya dan sejarah negara. Penghormatan yang tinggi perlu diberikan terhadap simbol rasmi negara ini.

Akhir sekali, sebagai **rakyat yang mana diberikan hak asasi dan membolehkan seseorang individu menikmati kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.** Rakyat mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap negara dan negara juga mempunyai hak terhadap rakyat. **Pentingnya menggunakan hak dengan bijak bagi mengekalkan keharmonian dan kemakmuran negara.**

TINGKATAN 5

BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

1. Jelaskan maksud kedaulatan?

Kedaulatan ialah **kekuasaan tertinggi** dan **kewibawaan sesebuah negara** yang bebas serta **mempunyai hak** untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara. Selain itu, **bebas daripada kongkongan** kuasa luar. Seterusnya dapat **menentukan sendiri nasib rakyat dan hala tuju negara**.

2. Terangkan jenis-jenis kedaulatan yang diamalkan oleh sesebuah negara?

Antara jenis-jenis kedaulatan, pertama ialah **Kedaulatan Tradisional**. Ini merujuk sistem **pemerintahan berkuasa mutlak** yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara. Kedaulatan terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja. Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi. Selain itu, kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat.

Jenis kedaulatan yang kedua ialah **Kedaulatan Moden**. Kedaulatan ini dikaitkan dengan **hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan**. Kedaulatan dikaitkan dengan nasionalisme yang menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara bangsa masing-masing.

Kedaulatan ketiga ialah **Kedaulatan Undang-undang**. Kedaulatan ini merujuk kepada **kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi**. Ini menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat serta menjadikan negara aman dan makmur. Kedaulatan undang-undang menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara.

Keempat ialah **Kedaulatan Antarabangsa**. Ini merujuk **pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabul oleh negara lain.

3. Jelaskan ciri-ciri negara berdaulat.

Ciri-ciri negara berdaulat yang pertama ialah **mempunyai pemerintahan**. Pemerintahan diwujudkan bagi menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Malaysia mengamalkan sistem **Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen**. Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Utama Negara. Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri.

Kedua, **mempunyai sempadan**. Sempadan merupakan **garis pemisah antara negeri atau negara**. Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara-negara jiran. Sempadan Malaysia **diakui oleh masyarakat antarabangsa**. Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi.

Ketiga, **mempunyai perundangan**. Sistem perundangan menjadi **asas kepada peraturan negara** dan penting untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat. Perundangan negara kita **berpandukan Perlembagaan Persekutuan**.

Keempat, **mempunyai rakyat**. Rakyat merupakan **penduduk sesebuah negara yang terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah**. Rakyat terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam. Mereka disatukan melalui satu bahasa, kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.

Kelima, **wilayah pengaruh**. Iaitu kawasan yang mempunyai sempadan. Selain itu, mempunyai **lambang kebangsaan** seperti Jata Negara, lagu kebangsaan, bendera kebangsaan yang merupakan identiti dan simbol perpaduan.

4. Pada pandangan anda, apakah kepentingan mewujudkan negara berdaulat?(KBAT)

Antara kepentingan mewujudkan negara berdaulat ialah **memastikan keberkesanan pentadbiran**. Kedaulatan memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan luar. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui pengagihan kuasa mewujudkan keberkesanan pentadbiran berasaskan Perlembagaan Persekutuan.

Kepentingan kedua ialah bagi **mewujudkan kemakmuran ekonomi**. Selepas merdeka, pelbagai usaha dilakukan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum di Malaysia. Pembangunan meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan melalui dasar pembangunan ekonomi negara.

Kepentingan ketiga ialah dari segi **kesejahteraan sosial**. Kedaulatan membolehkan negara melaksanakan dasar sosial bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Generasi yang berilmu dapat dilahirkan melalui pendidikan. Seterusnya mereka dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara.

Kepentingan keempat kedaulatan dapat **mewujudkan kecemerlangan hubungan luar negara**. Hubungan ini dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara. Hubungan diplomatik dan persahabatan dapat dijalinan. Kerjasama dalam pelbagai bidang juga dapat diwujudkan. Kesannya, Malaysia menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara selain meningkatkan imej negara.

5. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, cadangkan langkah-langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara.(KBAT)

Antara langkah mempertahankan kedaulatan negara ialah pertama, dengan **mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi**. Pemerintah perlu melaksanakan pentadbiran dengan cekap dan melakukan pelbagai program bagi memajukan ekonomi negara. Pemerintah perlu mengelakkan amalan rasuah, memastikan agihan kekayaan negara secara adil dan melaksanakan undang-undang negara mengikut perlembagaan. Rakyat pula memberikan kerjasama untuk menjayakan program yang dilaksanakan pemerintah. Selain itu, rakyat perlu memberikan kesetiaan kepada raja dan negara, memupuk kerjasama antara kaum dan mematuhi undang-undang negara.

Kedua, **mengekalkan perpaduan kaum**. Pemerintah dan rakyat perlu berusaha untuk mengekalkan perpaduan kaum. Ini kerana perpaduan sangat penting untuk mengekalkan kedaulatan negara. Pemerintah perlu melaksanakan kempen dan program ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Rakyat pula perlu memahami dan menghormati agama dan budaya pelbagai kaum. Selain itu, rakyat perlu menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara bagi

menjamin perpaduan kaum.

Ketiga, **memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.** Patriotisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap negara serta sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang-undang, warisan dan budaya. Patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan, kestabilan dan kemajuan negara. Semangat ini penting untuk melahirkan pemimpin dan rakyat yang taat setia dan sanggup berkorban. Antara yang boleh dilaksanakan ialah dengan menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan. Selain itu, rakyat pula wajib menghormati lambang negara seperti Jalur Gemilang dan Jata Negara.

Keempat, **dengan mengukuhkan pertahanan negara.** Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh. Pertahanan negara penting untuk mengekalkan kedaulatan negara. Pemerintah boleh menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara. Selain itu, memodenkan aset ketenteraan bagi memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersedia menghadapi ancaman luar. Rakyat pula perlu sentiasa peka dengan isu keselamatan negara dan sentiasa bersedia berkorban untuk negara.

6. Bincangkan iktibar / pengajaran yang boleh diambil daripada isu kedaulatan negara.(KBAT)

Antara iktibar atau pengajaran yang boleh diambil daripada isu ini **ialah kita perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap pihak luar.** Sejarah membuktikan pihak luar sentiasa cuba untuk mencampuri urusan dalaman negara. Sebagai contoh, tindakan pembesar tempatan zaman dulu meminta bantuan British dalam pertelagahan dengan pembesar lain akhirnya telah menyebabkan kita kehilangan kedaulatan negara. Satu persatu wilayah dalam negara dikuasai oleh mereka melalui perjanjian-perjanjian yang menguntungkan mereka. Tuntasnya, kita jangan terlalu mempercayai kuasa luar terutamanya dalam menguruskan hal ehwal dalaman negara kita.

Kedua, rakyat Malaysia perlu **bersatu dan memantapkan perpaduan** kerana apabila penduduk pelbagai kaum bersatu maka kedaulatan negara akan lebih terjamin. Perpaduan yang mantap akan menjadi benteng kukuh yang dapat menangkis segala anasir luar yang cuba menganggu keharmonian negara. Semua kaum sama ada Melayu, China, India dan etnik-etnik lain yang ada di negara ini perlu bersatu dan mengenyepikan kepentingan kaum masing-masing demi memastikan kedaulatan negara tidak diancam. Jelaasnya, perpaduan rakyat merupakan benteng paling teguh dalam menjamin kebebasan dan kedaulatan negara.

Ketiga, **sistem pertahanan negara perlu diperkukuh** bagi menjamin kedaulatan negara. Kekuatan ketenteraan negara akan menimbulkan kegerunan kepada pihak asing yang ingin menggugat kedaulatan negara. Bidang ketenteraan perlu dibekalkan dengan persenjataan yang canggih dan terkini. Contohnya, jet tempur tanpa pemandu dan kapal-kapal perang. Keupayaan yang tinggi sangat perlu bagi membolehkan tentera kita mengawal dan memastikan Kawasan sempadan negara sentiasa dalam keadaan selamat. Kemahiran anggota tentera perlu dipertingkatkan sesuai dengan cabaran masa kini. Ini membolehkan mereka sentiasa bersedia menghadapi apa jua keadaan.

BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Huraikan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan.

Ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan ialah **kesultanan atau pemerintahan beraja**. Sejak berabad-abad, negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja. Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing. Setelah negara mencapai kemerdekaan, pemerintahan beraja diteruskan dengan konsep Demokrasi Berparlimen. Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan melalui perlembagaan kuasa pemerintahan sebagai pemerintah tertinggi. Kuasa Yang di-Pertuan Agong termasuklah kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Baginda juga mempunyai kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.

Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri. Pada baginda, terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri. Raja mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah serta pelantikan jawatan utama negeri. Raja dikenali sebagai tonggak kehormatan dan keadilan yang membolehkan baginda mengurniakan anugerah, penghormatan dan bintang kehormat kepada individu yang terpilih.

Seterusnya, **agama Islam**. Pada zaman British, raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan hal dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam. Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Selain itu, **bahasa Melayu**. Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan. Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* dan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu. Kini bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Di samping itu, **kedudukan orang Melayu dan bumiputera**. Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua peribumi. Selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

2. Terangkan ciri moden Perlembagaan Persekutuan.

Ciri moden Perlembagaan Persekutuan ialah **Kerajaan Persekutuan**. Antara perkara utama yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan termasuklah mewujudkan satu sistem Kerajaan Persekutuan. Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu. Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi.

Selain itu, **sistem Demokrasi Berparlimen**. Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum tahun 1955. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan. Bagi menentukan pilihan raya dapat dijalankan dengan adil, maka ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya. Badan ini bertanggungjawab sepenuhnya menjalankan pilihan raya. Pilihan raya persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan. Pilihan raya negeri pula memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri.

Seterusnya, **kewarganegaraan**. Kewarganegaraan persekutuan diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum itu, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara. Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan terdapat juga penduduk yang mendapat kerakyatan British sekiranya dilahirkan di Melaka dan Pulau Pinang. Kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya.

3. Huraikan pindaan Perlembagaan Persekutuan tahun 1963.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan tahun 1963 dilakukan selepas **pembentukan Malaysia**. Terdapat tiga perkara utama yang dipinda ialah **struktur Mahkamah Atasan**. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan. Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan iaitu Mahkamah Persekutuan. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Kedua, **pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo**. Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan pada masa yang sama diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo. Mahkamah Tinggi Borneo ini berperanan untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah. Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dengan berpusat di Kuching, Sarawak. Menjelang tahun 1994, nama jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

Ketiga, **jawatan Yang di-Pertua Negeri** dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam menjalankan tugasnya, Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

4. Jelaskan pindaan Perlembagaan Persekutuan tahun 1965.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan tahun 1965 dibuat apabila **Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan yang dinamakan pindaan Singapura di Parlimen** pada 7 Ogos 1965. Parlimen meluluskan usul ini yang membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia. Semua perkara berkaitan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia seperti imigresen, kewangan, hubungan luar negara dan pertahanan.

5. Jelaskan kepentingan perlembagaan kepada negara. (KBAT)

Perlembagaan penting kepada negara kerana **menjamin kestabilan politik negara**. Hal ini kerana perlembagaan menjadi panduan yang menjelaskan kuasa dalam setiap perkara. Misalnya, Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik Perdana Menteri yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat. Tegasnya, pentadbiran negara dapat berjalan dengan lancar.

Seterusnya, **menjamin kebebasan dan hak asasi rakyat**. Hal ini bagi memastikan rakyat menikmati hidup dengan sebaiknya. Misalnya, perlembagaan menjamin hak rakyat menerima pendidikan. Kesannya, taraf hidup rakyat akan meningkat.

6. Mengapakah perlembagaan perlu dipinda. (KBAT)

Perlembagaan perlu dipinda supaya **sesuai dengan keadaan semasa negara**. Hal ini bagi mengelakkan pertikaian antara kaum. Sebagai contoh perlembagaan dipinda untuk mengawal penyebaran berita palsu. Kesannya, kestabilan negara dapat dipertahankan.

Seterusnya, **dapat memperkukuh keselamatan negara**. Hal ini kerana, pindaan perlembagaan akan menambah baik pertahanan negara. Misalnya, pindaan perlembagaan dibuat untuk memperkukuh bidang kuasa Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kesannya, kedaulatan negara dapat dipelihara.

BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

1. Nyatakan ciri pemerintahan beraja Kesultanan Melayu Melaka.

Raja ialah pemerintah **berkuasa mutlak**. Contohnya, raja berkuasa dalam hal **pentadbiran** dan **perundangan**. Pemerintahan pula berdasarkan **Hukum Kanun Melaka** dan **Undang-Undang Laut Melaka**.

Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diperkukuh dengan **konsep Islam**. Konsep ini menjadikan raja sebagai **ketua agama Islam**. Secara tradisinya, Raja-raja Melayu dianggap sebagai **ketua kerajaan** dan **ketua agama**.

Baginda bertanggungjawab **mempertahankan adat dan struktur masyarakat** dalam kerajaan Melayu. Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada **kedaulatan Raja-raja Melayu**.

2. Nyatakan peranan Raja-Raja Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) sebelum Perang Dunia Kedua.

Di NNMB, British hanya mengambil alih pentadbiran pada **peringkat pembesar negeri**. Raja-raja Melayu **kekal sebagai pemerintah berdaulat**, walaupun dikehendaki **menerima nasihat daripada Residen**.

Bagi NNMTB, kedudukan raja **lebih kukuh**. Pentadbiran negeri dilaksanakan oleh **pembesar yang dilantik oleh raja** walaupun British menempatkan **Penasihat British**.

Penggubalan **Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895** dan **Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911** menyerlahkan ciri pemerintahan Raja Berperlembagaan dalam Kesultanan Johor dan Terengganu. Penggubalan undang-undang ini **untuk menghalang peluasan pengaruh British** dan **mengekalikan kedaulatan negeri**.

Kesimpulannya, Raja-raja Melayu sebagai **ketua negeri** yang mengesahkan undang-undang membuktikan **kedaulatan raja** dalam pentadbiran. Negeri Melayu juga hanya menjadi **negeri naungan British**.

3. Bandingkan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam Malayan Union 1946 dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Sewaktu pentadbiran Malayan Union 1946, Raja-raja Melayu **kehilangan kuasa sebagai pemerintah negeri** kerana diambilalih oleh Raja England. Manakala, Persekutuan Tanah Melayu 1948 (PTM 1948) **kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan**.

Raja-raja Melayu menjadi **ahli Majlis Sultan-Sultan** sewaktu Malayan Union. Sementara PTM 1948, Raja-raja Melayu **mengurus sepenuhnya Majlis Raja-raja**.

Fungsi Majlis Sultan-Sultan ialah membincangkan **undang-undang berkaitan agama Islam**. Berbeza dengan PTM 1948, Raja-raja Melayu **menggubal Undang-Undang Tubuh Negeri**.

4. Mengapakah sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen perlu dipertahankan? (KBAT)

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen perlu dipertahankan kerana Sistem Raja Berperlembagaan merupakan **warisan zaman Kesultanan Melayu Melaka**. Rakyat menumpukan **taat setia kepada raja**. Hal ini bertepatan dengan **prinsip kedua Rukun Negara** iaitu 'kesetiaan kepada raja dan negara'. Kesannya, **kestabilan negara** dapat dikekalkan.

Selain itu, sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen telah **dinyatakan dalam Perlembagaan Malaysia**. Raja merupakan **ketua negara** dan **lambang kedaulatan negara**. Raja turut menjadi **lambang perpaduan** dan **pelindung kepada semua rakyat** tanpa mengira bangsa dan agama. Contohnya, **Yang di-Pertuan Agong (YDPA) bertanggungjawab menjaga hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta melindungi kedudukan agama Islam**. Namun, pada masa yang sama **YDPA bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain** di Malaysia. Hasilnya, **meningkatkan imej negara** di mata dunia.

Demokrasi Berparlimen melahirkan **taat setia rakyat kepada pemimpin** yang dipilih. Hal ini kerana **rakyat terlibat dalam sistem pemerintahan** negara iaitu rakyat berpeluang **memilih pemimpin terbaik melalui pilihan raya**. Sistem ini juga **mewujudkan perkongsian kuasa** dalam kalangan pelbagai kaum. Terbuktilah, **pelibatan rakyat dalam politik negara mampu membawa negara ke arah kemajuan**.

Seterusnya, sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen telah **diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan** pada tahun 1957. Malaysia **mengamalkan konsep pengasingan kuasa**. Justeru itu, **kerajaan yang adil** dapat diwujudkan.

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

5. Jelaskan maksud Durbar dan keahlian Durbar.

Durbar bermaksud **perjumpaan atau persidangan umum** yang diadakan oleh **Raja Melayu dengan British**.

Keahlian Durbar ialah **Pesuruhjaya Tinggi British** sebagai pengerusi. **Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang** sebagai ahli. Selain itu, Durbar turut dianggotai oleh **Residen British** dan **Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**.

6. Huraikan bidang kuasa Majlis Raja-Raja berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Bidang kuasa Majlis Raja-Raja berdasarkan Perlembagaan Persekutuan ialah memilih **Yang di-Pertuan Agong** dan **Timbalan Yang di-Pertuan Agong**. **Bersetuju atau tidak bersetuju** sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Seterusnya, memberikan nasihat berkaitan dengan **pelantikan jawatan tertentu**. **Contohnya, pelantikan** Ketua Hakim Negara, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya.

Selain itu, menjadi **rujukan dalam perubahan dasar** berhubung dengan **kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain**. Majlis Raja-Raja juga menjadi **Lembaga Pengampunan** bagi kes-kes tertentu.

Majlis Raja-Raja turut **memperkenankan perubahan persempadanan negeri** setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan dan **memperkenankan pindaan perlembagaan** bagi perkara-perkara tertentu.

7. Jelaskan tentang Mohor Besar Raja-Raja.

Mohor Besar Raja-Raja merupakan lambang **kekuasaan dan kedaulatan** Raja-raja Melayu. Mohor ini disimpan oleh **Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja** yang juga merupakan **Setiausaha Majlis Raja-Raja**.

Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Raja-Raja disertakan **dengan cap Mohor Besar** diikuti dengan **tandatangan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja**.

Permukaan Mohor Besar Raja-Raja mengandungi **jata kerajaan sembilan Negeri Melayu** serta tertulis perkataan "**Mohor Besar Raja-Raja Negeri Melayu**" **dalam tulisan Jawi**. Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 31 Ogos 1948 bersetuju menerima corak pada Mohor Besar Raja-Raja yang digunakan sehingga hari ini.

8. Sejauhmanakah kebijaksanaan Raja-raja Melayu semasa pendudukan British dan Jepun telah membantu mengekalkan institusi beraja hingga kini? (KBAT)

Kebijaksanaan Raja-raja Melayu semasa pendudukan British dan Jepun telah membantu mengekalkan institusi beraja hingga kini kerana menggunakan **kaedah diplomasi**. Buktinya, Raja-raja Melayu NNMB **kekal sebagai pemerintah berdaulat walaupun menerima Residen**. Bagi **NNMTB**, kedudukan raja **lebih kukuh kerana** pentadbiran negeri dilaksanakan oleh **pembesar yang dilantik oleh raja** walaupun terdapat **Penasihat British**.

Penggubalan **Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895** dan **Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911** juga telah **untuk menghalang**

peluasan pengaruh British dan mengekalkan kedaulatan negeri Johor dan Terengganu.

Selain itu, perjanjian antara Raja-raja Melayu dengan British **tidak memindahkan kedaulatan negeri Melayu kepada British.** Sebaliknya, negeri Melayu hanya menjadi negeri naungan British.

Sewaktu zaman pendudukan **Jepun** pula, Raja-raja Melayu telah **mendapat pengiktirafan** kerana dikekalkan sebagai **ketua dalam hal ehwal agama Islam.** Raja-raja Melayu turut **memperoleh pendapatan** seperti sebelum Perang Dunia Kedua.

Kebijaksanaan Raja-raja Melayu juga terbukti apabila **bekerjasama dengan rakyat** untuk **menentang penubuhan Malayan Union** yang menghakis kuasa Raja-raja Melayu. Akhirnya, penubuhan **Persekutuan Tanah Melayu 1948** telah **mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu hingga kini.**

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

9. Nyatakan cara pemilihan Yang di-Pertuan Agong.

Cara pemilihan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) ialah dipilih dalam kalangan **raja yang memerintah di sembilan buah negeri** iaitu **Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.**

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong **dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja.** Hal ini dibuat menurut **kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.** YDPA **dilantik secara bergilir-gilir bagi tempoh lima tahun.**

10. Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam bidang **eksekutif** ialah **bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.** YDPA bertanggungjawab melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang mendapat kepercayaan terbesar sebagai **Perdana Menteri.** Baginda dengan nasihat Perdana Menteri pula akan **melantik Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri** daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

YDPA juga melantik **Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara.** Baginda turut melantik **Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.**

YDPA merupakan **pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.** Baginda **dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera** yang bertanggungjawab bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera serta perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera.

Selain itu, baginda juga **melantik diplomat Malaysia** ke luar negara. Baginda turut **menerima menghadap diplomat asing** sebelum mereka mula

menjalankan tugas di Malaysia.

YDPA turut berkuasa dalam **perundangan**. YDPA **memperkenankan Rang Undang-Undang** yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. YDPA juga **berkuasa memanggil Parlimen untuk bersidang**. Baginda juga **berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen**.

Seterusnya, YDPA merupakan **Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri dan negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan** iaitu **Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah**. YDPA bertanggungjawab **menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah**. Baginda juga bertanggungjawab **melindungi kepentingan sah kaum lain** di Malaysia.

YDPA boleh membuat **pengisytiharan darurat**. Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda yakin wujudnya keadaan yang **mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara**.

Dalam bidang **kehakiman**, YDPA berkuasa **melantik hakim Mahkamah Atasan** atas nasihat Perdana Menteri. Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada **Ketua Hakim Negara, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi**.

YDPA juga memiliki **kuasa pengampunan**. Di **Wilayah Persekutuan**, seseorang yang sudah dihukum atas kes jenayah boleh memohon keampunan daripada YDPA. Baginda akan **bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan**. Baginda turut **berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera**.

11. Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, mengapakah kita perlu mentaati Yang di-Pertuan Agong. (KBAT)

Rakyat Malaysia **perlu mentaati** Yang di-Pertuan Agong kerana baginda merupakan **ketua negara** Malaysia. Hal ini kerana peranan YDPA yang bertanggungjawab **menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah serta melindungi kepentingan sah kaum lain** membuktikan **keadilan** yang ditonjolkan dalam sistem pemerintahan negara kita. Kenyataan ini termaktub dalam **Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan 1957**. Kesannya, pentadbiran yang adil memacu **keamanan negara dan kesejahteraan rakyat**.

12. Sebagai rakyat Malaysia yang mendukung prinsip kedua Rukun Negara iaitu 'Kesetiaan kepada Raja dan Negara', cadangkan langkah-langkah untuk menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. (KBAT)

Langkah untuk menzahirkan taat setia kepada YDPA ialah dengan **mengukuhkan perpaduan antara kaum**. Hal ini kerana YDPA merupakan **ketua utama negara** yang bertanggungjawab memelihara hak istimewa orang Melayu dan menjaga kepentingan sah kaum-kaum lain. YDPA juga bertindak sebagai **pelindung yang adil kepada semua rakyat** tanpa mengira perbezaan agama, kaum dan warna

kulit. Kesimpulannya, sifat taat setia rakyat terhadap institusi beraja akan **meningkatkan imej negara** di mata dunia.

Selain itu, langkah untuk menzahirkan taat setia boleh dilakukan dengan **mematuhi peraturan dan undang-undang negara**. Penghayatan ini akan **mengekan perilaku yang tidak elok** rakyat terhadap institusi beraja. Contohnya, **menghina YDPA secara terbuka di media sosial**. Kesannya, Malaysia membuktikan bahawa **sistem raja berperlembagaan seiring** dengan sistem pentadbiran demokrasi yang diamalkan.

13. Penghinaan terhadap institusi beraja tidak sewajarnya berlaku dalam sebuah negara yang menjunjung prinsip Rukun Negara iaitu 'Kesetiaan kepada Raja dan Negara'. Bagaimanakah isu penghinaan tersebut dapat diatasi? (KBAT)

Isu penghinaan terhadap institusi beraja dapat diatasi dengan cara **mematuhi undang-undang dan peraturan negara**. Rakyat perlu **berfikir secara rasional** sebelum melakukan tindakan yang akan merosakkan nama baik negara dan diri mereka sendiri. Hal ini kerana mereka boleh **dikenakan tindakan tegas** atas perbuatan menghina tersebut. Contohnya, **hukuman penjara dan denda** jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

Selain itu, isu ini dapat diatasi dengan **kerajaan menguatkuasakan undang-undang** sedia ada. Penguatkuasaan diperkukuh melalui **Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia**. Contohnya, **melucutkan kewarganegaraan** kepada pesalah yang menghina institusi beraja. Kesannya, rakyat **tidak akan sewenang-wenangnya menyalahgunaan hak kebebasan bersuara**.

Isu ini juga dapat diatasi dengan cara rakyat **menzahirkan kesetiaan** kepada raja dan negara. Rakyat juga perlu bertindak bijak dengan tidak meremehkan institusi beraja di negara kita. Contohnya dengan tidak mengaibkan raja.

Pihak istana juga boleh lebih mendekati rakyat. Hal ini dilakukan dengan YDPA atau sultan-sultan turun padang **meninjau permasalahan rakyat** atau **menganjurkan program bersama rakyat**. Contohnya, keluarga diraja turut serta **melawat pusat pemindahan banjir** untuk memberikan sokongan kepada rakyat yang terkena bencana tersebut. Justeru itu, rakyat akan **lebih menghormati dan menjunjung tinggi** institusi beraja.

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

14. Jelaskan apa yang anda faham tentang kebebasan asasi (hak asasi) berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan asasi atau hak asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang **di sisi undang-undang**. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak asasi. **Hak berkaitan kebebasan diri** menyatakan **tiada seorang pun boleh diambil nyawanya** atau dilucutkan kebebasan dirinya **kecuali mengikut undang-undang**.

Kebebasan beragama pula menyatakan **Islam ialah agama Persekutuan**. Namun, **penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing**.

Manakala, bagi **kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan**, Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan.

Hak terhadap pendidikan iaitu **tiada diskriminasi terhadap warganegara** atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir **kecuali tertakluk pada undang-undang** yang digubal oleh Parlimen Malaysia. Sekatan tersebut **bertujuan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam** terjamin dalam masyarakat yang demokratik.

15. Mengapakah rakyat perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi? (KBAT)

Rakyat perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi untuk **mengekalkan amalan demokrasi** di negara kita. Hal ini bagi memastikan **pentadbiran negara berjalan lancar**.

Selain itu, untuk memilih **kerajaan yang berwibawa** dan **wakil rakyat yang berkebolehan**. Kerajaan yang cekap mampu **menjamin pemerintahan yang adil**. Hal ini akan **meningkatkan ekonomi negara** dan **menaikkan taraf hidup rakyat**. Dengan ini **kebajikan rakyat** terjamin. Contohnya, kerajaan menyalurkan **bantuan kepada rakyat miskin tegar** untuk kelangsungan hidup.

Seterusnya, tindakan bijak rakyat dalam proses pengundian juga dapat **mengatasi amalan rasuah** yang berleluasa. Hal ini kerana kerajaan pemerintah **telus dalam melaksanakan pentadbiran**. Kesimpulannya, kebijaksanaan rakyat melaksanakan amalan demokrasi **menjamin kesejahteraan negara**.

16. Kebebasan asasi di negara kita tidak bersifat mutlak. Berikan ulasan anda. (KBAT)

Kebebasan asasi tidak bersifat mutlak kerana **dikawal oleh undang-undang Parlimen**. Hal ini bagi **menjamin keselamatan negara**. Rakyat tidak boleh **mempromosikan elemen keganasan** atas nama hak asasi. Sesiapa yang terlibat **boleh dikenakan tindakan tegas**. Contohnya, ditahan di bawa **Akta Hasutan**. Kesannya, **ketenteraman awam akan terpelihara**.

Selain itu, kebebasan asasi juga melarang rakyat, pertubuhan atau parti politik daripada **membangkitkan perkara-perkara sensitif**. Hal ini **kerana perbuatan ini bertentangan dengan nilai budaya masyarakat** Malaysia. Contohnya, larangan **mempersendakan isu berkaitan agama dan kaum** lain. Justeru itu, **perpaduan masyarakat dapat dieratkan**.

17. Apakah yang anda faham berkaitan Parlimen?

Parlimen ialah **badan perundangan tertinggi** di Malaysia. Parlimen terdiri daripada **tiga komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara**. Parlimen merupakan **lambang demokrasi** dan mencerminkan **aspirasi rakyat** melalui perwakilan yang dipilih.

Selain itu, Parlimen berkuasa **menggubal undang-undang**. Parlimen juga boleh **membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan**, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.

18. Jelaskan fungsi badan perundangan.

Badan perundangan diperingkat Persekutuan **berfungsi menggubal undang-undang**. Badan perundangan pada **peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen**. Badan perundangan pada **peringkat Kerajaan Negeri pula ialah Dewan Undangan Negeri (DUN)**.

Parlimen ialah **badan perundangan tertinggi** di Malaysia. Parlimen terdiri daripada **tiga komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara**. Parlimen merupakan **lambang demokrasi** dan mencerminkan **aspirasi rakyat** melalui perwakilan yang dipilih.

Selain itu, Parlimen berkuasa **menggubal undang-undang**. Parlimen juga boleh **membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu**.

Terdapat DUN di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ketiga-tiga wilayah tersebut **hanya mempunyai ahli Parlimen**. DUN berfungsi untuk **menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing**.

19. Jelaskan fungsi badan eksekutif.

Badan eksekutif ialah badan pemerintah yang **melaksanakan kuasa eksekutif** mengikut Perlembagaan Persekutuan. Badan eksekutif peringkat **Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri**. Manakala badan eksekutif peringkat **Kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**.

Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri seperti Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan. Tugas utama Jemaah Menteri **menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan**. **Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri**, memimpin kerajaan dan **menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan**. **Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan** yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Anggota Jemaah Menteri berpegang pada **prinsip tanggungjawab bersama** secara kolektif kepada Parlimen. Setiap menteri **mesti mempertahankan keputusan** yang dibuat oleh Jemaah Menteri. Sekiranya seseorang menteri **tidak bersetuju** dengan dasar kerajaan, beliau **hendaklah meletakkan jawatan** sebagai ahli Jemaah Menteri.

20. Jelaskan fungsi badan kehakiman.

Badan kehakiman ialah badan yang **bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang** serta **mempertahankan Perlembagaan Persekutuan**. Badan kehakiman **diketuai oleh Ketua Hakim Negara**.

Kuasa badan kehakiman **dilaksanakan oleh mahkamah**. **Hakim** dilantik untuk memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan di negara kita. Hakim mestilah **bebas daripada pengaruh politik** bagi memastikan badan kehakiman sebagai **institusi keadilan**. Hal ini dapat **menjamin integriti** badan kehakiman

sebagai badan yang bertanggungjawab **menjamin keadilan sosial demi kesejahteraan rakyat.**

Peranan badan kehakiman adalah untuk **mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat.** Badan kehakiman juga **menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.**

Fungsi badan kehakiman **bergantung pada status mahkamah** yang terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas. Selain itu, terdapat **mahkamah pada peringkat negeri,** iaitu Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah.

21. Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, bagaimanakah anda menghormati badan perundangan? (KBAT)

Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, saya menghormati badan perundangan dengan cara **mematuhi undang-undang negara.** Hal ini kerana undang-undang dibentuk bagi **menjaga keamanan negara.** Contohnya, tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kesimpulannya, undang-undang dapat membentuk **disiplin diri rakyat.**

Selain itu, saya juga tidak akan terlibat dengan sebarang **demonstrasi jalanan.** Sebarang ketidakpuasan hati akan saya salurkan dengan cara yang betul dan menggunakan **pendekatan musyawarah.**

Saya juga menumpahkan **taat setia kepada raja** yang berperanan sebagai tonggak negara. Hal ini bertepatan dengan matlamat **prinsip Rukun Negara** iaitu 'Kesetiaan kepada Raja dan Negara'.

Saya juga akan **bertoleransi antara kaum** kerana Malaysia merupakan sebuah **negara yang berbilang kaum.**

Seterusnya, saya juga akan **mendaftarkan diri sebagai pengundi.** Hal ini kerana rakyat boleh menggunakan pilih raya untuk mengekalkan atau menukar kerajaan pemerintah dengan **cara yang sah.**

22. Amalan pengasingan kuasa membahagikan sistem pemerintahan negara kita kepada badan perundangan (legislatif), badan eksekutif (pelaksana) dan badan kehakiman (judisiari).

Sejauhmanakah pengasingan kuasa ini dapat mewujudkan pemerintahan yang sistematik di negara kita? (KBAT)

Pengasingan kuasa dalam pemerintahan negara penting untuk **mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama.** Pengasingan kuasa dapat **membentuk konsep semak dan imbang** dalam pemerintahan supaya kuasa pemerintahan **tidak dimonopoli oleh seseorang atau sesebuah institusi.** Hal ini kerana setiap badan mempunyai **peranan dan tugas masing-masing.** Contohnya, pengasingan kuasa antara **badan perundangan dengan badan kehakiman.**

Selain itu, pengasingan kuasa juga dapat mewujudkan **sifat toleransi** sekaligus **menjamin keharmonian negara.** Hal ini dapat **mengelakkan daripada timbulnya**

rasa tidak puas hati terhadap sesuatu tindakan atau keputusan yang diambil. Kesimpulannya, pemerintahan yang sistematik menyumbang kepada **kemajuan negara**.

Seterusnya, pengasingan kuasa dapat menghindari **penyalahgunaan kuasa politik dalam sistem kehakiman**. Hal ini kerana sistem kehakiman **harus beroperasi secara bebas dan tidak terpengaruh oleh tekanan politik**. Kebebasan kehakiman ini membolehkan hakim menjalankan tugas mereka dengan adil dan tanpa campur tangan mana-mana pihak. Sebagai contoh, **Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia** menegaskan bahawa kuasa kehakiman terletak pada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, dan mahkamah-mahkamah yang ditubuhkan di bawah perlembagaan. Jelaslah bahawa kuasa kehakiman berada di bawah bidang kuasa mereka sendiri dan **tidak boleh diganggu gugat oleh pihak lain**.

Akhir sekali, pengasingan kuasa dapat menjamin **kemajuan ekonomi negara**. Hal ini kerana kuasa eksekutif merangkumi **melibatkan dasar kerajaan** melalui jemaah Menteri. Setiap **kementerian** bertanggungjawab melaksanakan dasar kerajaan. Contohnya, **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri** yang bertanggungjawab menyelia kegiatan perdagangan yang dijalankan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa dan dasar-dasar perindustrian negara.

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

23. Jelaskan keunikan gabungan unsur tradisional dan moden dalam sistem pentadbiran negara kita.

Keunikan gabungan unsur tradisional dan moden dalam sistem pentadbiran negara kita ialah unsur tradisional terletak pada **kedudukan raja** sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu. Unsur moden pula ialah **Demokrasi Berparlimen** berdasarkan **model Westminster England**.

Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan kaedah terbaik untuk **mengimbangi amalan demokrasi** dalam persekitaran sosiopolitik di negara kita **yang mempunyai kepelbagaian** bangsa, agama dan budaya.

24. Bagaimanakah mekanisme semak dan imbang berlaku dalam pentadbiran negara kita?

Mekanisme semak dan imbang berlaku dalam pentadbiran negara kita melalui pengamalan sistem **Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen**. Pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana **raja berkecuali** dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara. **Kuasa pengimbang** yang ada pada raja mampu **meredakan konflik** yang berlaku dalam demokrasi. Contohnya, **pertikaian parti politik** yang pelbagai ideologi dan perselisihan antara kaum.

Mekanisme semak dan imbang juga berlaku melalui **pengasingan kuasa** iaitu **badan perundangan, eksekutif dan kehakiman**. Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif. Badan kehakiman pula menyelesaikan konflik dan kekeliruan yang timbul.

25. Kombinasi sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen membentuk pentadbiran yang unik di negara kita. Beri ulasan anda (KBAT).

Kombinasi sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen membentuk pentadbiran yang unik kerana pemerintahan yang dijalankan berteraskan **gabungan unsur tradisional dan moden**. Hal ini menjadikan pentadbiran lebih kukuh kerana kedua-duanya **saling melengkapi**. Gabungan ini **mengimbangi amalan demokrasi** dalam masyarakat berbilang kaum.

Selain itu, sistem ini juga mewujudkan **mekanisme semak dan imbang** dalam pemerintahan. **Kuasa Raja** mampu meredakan krisis yang berlaku dalam pemerintahan demokrasi. Contohnya, YDPA bertitah agar parti-parti politik **bergabung bagi membentuk kerajaan** pemerintah selepas Pilihan Raya Umum ke-15 demi kepentingan rakyat jelata.

Seterusnya, kerjasama politik berdasarkan **prinsip toleransi** membentuk perkongsian kuasa dalam pemerintahan. Hal ini terbukti membawa **kestabilan dan perpaduan kaum** di negara kita. Contohnya, **kerajaan Persekutuan** pada hari ini merupakan gabungan parti pelbagai kaum merangkumi iaitu UMNO, DAP, Gabungan Parti Sarawak dan Gabungan Rakyat Sabah. Kesannya, **rakyat menerima baik** Kerajaan Perpaduan dan **meletakkan kepercayaan kepada pemimpin** untuk menerajui negara.

TINGKATAN 5

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

1. Jelaskan konsep persekutuan.

Persekutuan merujuk kepada **penyatuan beberapa buah negeri** di bawah satu pentadbiran yang membentuk sebuah **negara bersekutu**. Persekutuan mengandungi **Kerajaan Persekutuan** atau Kerajaan Pusat dan **Kerajaan Negeri**. Ada **pembahagian kuasa** dalam sistem pentadbiran sesebuah negara persekutuan. Ia adalah gabungan antara negeri yang berdaulat dalam suatu ikatan yang longgar. Pembentukan sistem persekutuan di Malaysia berlaku secara berperingkat dan ia bermula pada tahun 1896 hingga 1963.

2. Terangkan pembentukan sistem Persekutuan di negara kita.

Pembentukan sistem Persekutuan di Malaysia bermula dengan pembentukan **persekutuan 1896** apabila empat negeri yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang digabungkan. Gabungan ini tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Segala keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral.

Seterusnya British berusaha menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu untuk membentuk kesatuan. Usaha ini dinamai **Kesatuan Malaya 1946/Malayan Union**. Kesatuan di bawah Malayan Union adalah pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British. Ia dilaksanakan dalam tempoh terhad kerana mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

Usaha pembentukan persekutuan ini menjadi lebih ketara apabila **Persekutuan Tanah Melayu 1948** dibentuk bagi menggantikan Malayan Union. Ia adalah gabungan 9 negeri Melayu dan dua NNS. Ia menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Seorang Pesuruhjaya Tinggi British dilantik menjadi ketua Persekutuan dan Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.

Pembentukan **Persekutuan Tanah Melayu 1957** pada 31 Ogos 1957 menjadikan negara kita sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan dan konsep persekutuan diperkukuh dengan wujudnya sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Persekutuan Malaysia mengalami perubahan apabila sebuah persekutuan yang dinamakan Malaysia wujud pada 16 September 1963. Persekutuan terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura serta Sarawak dan Sabah. Persekutuan Malaysia ini mengalami perubahan apabila **Singapura keluar** daripada persekutuan Malaysia.

3. Jelaskan ciri-ciri pentadbiran Kerajaan Tempatan.

Ciri-ciri Kerajaan Tempatan adalah ia merupakan **kerajaan peringkat ketiga**. Ia diberi kuasa untuk **mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan** atau daerah kecil yang diwartakan. Ia juga lebih dikenal sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** yang berada **di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri**.

Selain itu, ia merupakan **perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat** yang berperanan **memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat**. Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan oleh **Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]**. Ia **merangkumi semua jenis Kerajaan Tempatan** seperti Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran.

4. Terangkan sumbangan Kerajaan Tempatan terhadap penduduk setempat.

Sumbangan Kerajaan Tempatan terhadap penduduk setempat adalah **menyediakan perkhidmatan pembersihan**. Hal pengutipan sampah di taman-taman perumahan dan pembersihan longkang sentiasa dilakukan secara berjadual.

Ia juga berperanan **mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja** kepada golongan penjaja. Contohnya menyediakan tapak-tapak berniaga.

Selain itu, ia juga berperanan **membangunkan perumahan awam** dengan menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan. Taman-taman rekreasi di dijaga dengan baik seperti menyediakan pondok-pondok dan taman permainan.

Kerajaan Tempatan juga memberi sumbangan dalam **menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat** dengan menyediakan perkhidmatan kecemasan seperti bantuan peralatan dan tenaga ketika berlaku sesuatu bencana seperti banjir dan tanah runtuh.

Sumbangan lain adalah **menyediakan kemudahan awam** di kawasan-kawasan tertentu seperti laluan pejalan kaki di kawasan awam, tandas-tandas awam dan tempat parking kenderaan.

5. Nyatakan tiga peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia.

1. Kerajaan Persekutuan
2. Kerajaan Negeri
3. Kerajaan Tempatan

6. Berdasarkan pengetahuan am dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan di negara kita. (KBAT)

Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan ialah **hal ehwal luar negeri**. Urusan ini diterahui oleh Kementerian Luar. Ia berkaitan urusan hubungan luar negara kita dengan negara-negara luar. Kita mempunyai pegawai khas di setiap negara iaitu Duta.

Selain itu, hal **pertahanan**. Kita mempunyai Kementerian Pertahanan yang diketuai oleh Menteri Pertahanan. Fungsinya adalah menjaga kemanan negara sama ada di darat, laut dan udara daripada ancaman musuh luar. Contoh pasukan yang terlibat menjaga pertahanan negara ialah tentera darat, TLDM dan TUDM.

Keselamatan dalam negeri juga di bawah kuasa Kerajaan Pusat. Ia berada di bawah Kementerian Dalam Negeri yang diketua oleh Menteri Dalam Negeri. Pasukan utamanya ialah Polis Diraja Malaysia(PDRM) yang sentiasa menjaga keselamatan dalam negara. Terdapat unit-unit khas seperti risikan, jenayah dan penyalahgunaan dadah untuk memastikan negara kita sentiasa dalam keadaan aman. Mereka membuat siasatan dan melaporkan siasatan ke pejabat peguam negara.

Seterusnya, pentadbiran **keadilan**. Di negara kita urusan keadilan berada di bawah Menteri Undang-undang yang berada di bawah Menteri Jabatan Perdana Menteri. Peguam Negara dan Ketua Hakim Negara merupakan antara jawatan tertinggi dalam sistem keadilan di negara kita. Terdapat mahkamah untuk membicarakan kes-kes sivil dan jenayah seperti Mahkamah Seasyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Mahkamah tertinggi ialah Mahkamah Persekutuan.

Selain itu, bidang **pelajaran** juga berada di bawah Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Pendiidkan yang diketuai oleh Menteri Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian ini menyelaraskan hal-hal sistem pendidikan negara di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Hal-hal sukatan pelajaran, pentaksiran dan hala tuju pendidikan negara diselaraskan untuk kepentingan negara yang

bertunjangkan Falsafah pendidikan Kebangsaan.

Perubatan dan kesihatan juga di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Ia berada di bawah Kementerian Kesihatan. Menteri Kesihatan bertanggungjawab terhadap urusan kesihatan yang mencakupi hal hospital, perubatan, kes-kes penyakit, vaksin dan seumpamanya.

Hal **kewarganegaraan** juga berada di bawah Kerajaan Persekutuan. Selain itu, urusan **perhubungan dan pengangkutan**. Kedua-duanya berada di bawah Kerajaan Persekutuan untuk memudahkan pentadbirannya.

7. Jelaskan bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Bidang kuasa Kerajaan Negeri ialah **undang-undang Islam**. Selain itu, berkuasa dalam hal **tanah**. Kerajaan Negeri juga berkuasa dalam bidang **pertanian dan perhutanan**. Selain itu, dalam hal **hari kelepasan negeri**.

8. Jelaskan Senarai Bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Perkara yang terdapat dalam Senarai Bersama ialah **kebajikan awam** dan **biasiswa**. Selain itu, dalam hal **perlindungan haiwan liar** dan taman negara. Hal ini untuk memastikan habitat haiwan liar dilindungi. Selain itu, ia berkuasa dalam hal **perancangan bandar dan luar bandar**. Hal ini supaya pembangunan bandar dan luar bandar berlaku secara terancang dan memberi kesan baik kepada kemajuan negara. **Kesihatan awam, kebersihan dan Pencegahan penyakit** juga berada di bawah Senarai Bersama. Senarai Bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga melibatkan aspek **kebudayaan dan sukan** serta **perumahan**

9. Jelaskan fungsi Kerajaan Tempatan.

Fungsi Kerajaan Tempatan adalah mengeluarkan **lesen dan kawalan penjaja**. Selain itu membangunkan **perumahan awam** dan menyediakan **kemudahan sukan dan kebudayaan**. Kerajaan Tempatan juga berfungsi menyediakan **pasukan bantuan dan penyelamat** dan menyediakan **perkhidmatan pembersihan**. Selain itu, **menyediakan perkhidmatan kecemasan** ketika berlaku sesuatu bencana dalam negara. Fungsi seterusnya adalah **menyenggara jalan raya**. Ia penting untuk menjaga keselamatan pengguna jalan raya. Seterusnya **menyenggara sistem saliran** supaya sistem saliran sentiasa baik bagi mengelakkan ia tersumbat yang boleh menyebabkan banjir kilat. Fungsi seterusnya adalah **mengindahkan kawasan** supaya imej negara sentiasa terjaga. Fungsi seterusnya adalah menyedia **kemudahan awam** seperti tandas awam.

Jelaskan kepentingan pembahagian kuasa dalam sistem persekutuan. (KBAT)

Tujuan pembahagian kuasa dalam sistem persekutuan adalah untuk **melicinkan perjalanan sistem Persekutuan**. Melalui pembahagian kuasa, setiap kerajaan tahu peranan masing-masing dan boleh fokus terhadap tanggungjawab tersebut. Hal ini boleh mengelakkan pertembungan kuasa.

Selain itu untuk **mengelakkan permasalahan antara kedua-dua kerajaan**. Pembahagian kuasa yang jelas akan mengelakkan pembolotan kuasa dan dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul. Kuasa lebih besar diberi pada peringkat Persekutuan supaya wujud Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara. Kerajaan Tempatan tiada kuasa khusus kerana diletakkan di bawah Kerajaan Negeri.

11. Huraikan bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah **Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi**. Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang memberi bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan. Pada awal merdeka, tertumpu pada pembukaan tanah baru dan pembangunan In-situ. FELDA ditubuhkan pada 1956 untuk mengurus pelaksanaan rancangan pembangunan tanah baharu. Kejayaan FELDA mendorong penubuhan Federal Land Consolidation Rehabilitation Authority (FELCRA) dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada 1966 untuk membangunkan tanah kerajaan negeri yang terbiar.

Kerajaan Persekutuan membuka kawasan lebih luas untuk membangunkan wilayah baru. Agensi pembangunan yang ditubuhkan ialah KEDA, KEJORA, KETENGAH, PERDA, KESEDAR, DARA, SALCRA dan LKTS.

Selain itu, Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka Panjang selepas tahun 2005. Ia berlandaskan projek pembangunan yang bertumpu kepada pembangunan di negeri / wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah. Antara contoh rancangan pembangunan koridor wilayah ialah Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (Iskandar Malaysia), Wilayah Koridor Ekonomi Utara dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Keduanya adalah **kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara**. Antaranya ialah **Pengurusan Taman Negara**. Pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Antara usaha untuk mengukuh pengurusan ialah diwujudkan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972(Akta 76), kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua PERHILITAN di Semenanjung Malaysia dan pengurusan taman negara Sarawak di bawah Perbadanan Perhutanan Sarawak serta pengurusan taman negara Sabah di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah.

Seterusnya ialah **Pengurusan Taman Laut**. Sejak 1994, 42 buah pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor Sabah dan Labuan diwartakan sebagai taman laut. Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut. Kerajaan Negeri pula berkuasa terhadap pembangunan pulau. Pada 2007, Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan manakala pada 2018, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia.

Kerjasama ketiga adalah **kerjasama Penyediaan Perumahan Rakyat** . Perumahan Awal Kemerdekaan adalah dalam bentuk menyediakan perumahan kos rendah terutamanya di kawasan bandar. Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada 1964 untuk menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah. Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah. Perumahan seterusnya untuk **Mengatasi Masalah Kemiskinan**. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri membantu rakyat berpendapatan rendah sebagai langkah menghapuskan kemiskinan. Pada 1997, Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk membina perumahan awam di seluruh negara. Kerajaan Negeri pula tubuhkan agensi pembangunan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah. Selain itu, memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR).

Seterusnya ialah program **Perumahan Mampu Milik**. Majlis Perumahan Negara ditubuhkan pada 2014 bagi merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menubuhkan pelbagai agensi serta memperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah. Antara program perumahan peringkat Persekutuan ialah Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) dan Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Antara contoh program peringkat negeri ialah Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik Johor.

Bentuk kerjasama keempat adalah **kerjasama menjamin keselamatan dan kedaulatan negara**. Bagi **Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak**, Tun Abdul Razak Hussein (Pengerusi Majlis Keselamatan Negara) isytihar Bahagian ke 3 sebagai Rajang Area Security Command (RASCUM) / Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972 kerana wujudnya ancaman komunis. Ketua Menteri Sarawak sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCUM yang bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCUM.

Bagi **Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah** Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah telah ditubuhkan ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kg Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12.2.2013. Misi ESSCOM adalah meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.

12. Terangkan faktor-faktor yang memperkukuh sistem persekutuan.

Faktor-faktor yang memperkukuh sistem Persekutuan ialah **Keluhuran Perlembagaan Mengukuhkan Persekutuan**. Hal ini kerana Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi. Undang-undang digubal oleh Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan menjadi rujukan utama apabila berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri. Perkara 75 Perlembagaan menyebut bahawa undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.

Faktor seterusnya adalah **Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri**. Penyelarasan berlaku dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Ia membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan. Penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Majlis Negara mencakupi Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dibuat melalui majlis yang ditubuhkan seperti Majlis Keselamatan Negara, Majlis Air Negara dan Majlis Perumahan Negara.

13. Pada pendapat anda, apakah kebaikan penubuhan sebuah negara persekutuan?(KBAT)

Kebaikannya adalah **kekayaan negara boleh dikongsi secara adil**. Setiap negeri mempunyai keistimewaan dan kekurangan. Melalui sistem persekutuan, negeri yang kaya boleh membantu negeri yang miskin. Contohnya negeri Selangor dan Pulau Pinang boleh membantu negeri yang kurang pendapatan seperti Kedah dan Perlis.

Selain itu, **pembangunan negara dapat dilaksanakan secara sistematik**. Hal ini kerana akan wujud kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri. Pengagihan kuasa antara kerajaan ini akan memantapkan pentadbiran. Hal-hal pembangunan negara dapat diselaraskan dengan baik dan terancang berdasarkan kewangan dan keperluan negara.

Kewujudan negara persekutuan juga **menjadikan negara lebih besar** kesan daripada gabungan beberapa buah negeri. Secara tidak langsung akan menambah bilangan penduduk. Hal ini membantu mengatasi masalah tenaga kerja. Hal ini juga boleh menjadikan pasaran ekonomi semakin meluas.

14. Jelaskan kepentingan memperkukuh sistem persekutuan negara kita. (KBAT)

Kepentingan memperkukuh sistem persekutuan negara kita adalah supaya wujud sebuah **pentadbiran yang sistematik**. Hal ini akan menjadikan pentadbiran di negara kita berjalan dengan lancar.

Selain itu, sistem Persekutuan akan membawa kepada **keamanan negara**. Hal ini kerana wujud kerjasama yang mantap antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh, di dalam bidang pertahanan negara. Kesannya negara berada di dalam keadaan selamat dan masyarakat hidup sejahtera

Segala rancangan ekonomi dapat dilaksanakan di setiap negeri dan dapat **meningkatkan taraf hidup masyarakat** di setiap negeri. Contohnya jurang perbezaan akan terhapus dalam fungsi ekonomi mengikut negeri dan kaum. Kesannya agihan ekonomi dapat dilaksanakan secara adil. Hal ini secara tidak langsung akan mengukuhkan perpaduan kaum.

15. Terangkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri selepas merdeka.

Kerjasama wujud melalui **penyediaan perumahan kos rendah**. Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga yang rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah

Selain itu melalui **pembinaan rumah untuk rakyat berpendapatan rendah**. Ini sebagai langkah menghapuskan kemiskinan

Seterusnya adalah **melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR)** dengan membina perumahan awam di seluruh negara.

Kerajaan juga **menubuhkan agensi pembangunan negeri** bagi membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah. Contohnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak membuat projek perumahan untuk golongan ini.

Selain itu, pengenalan **Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)** melalui peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan

Seterusnya, **Penubuhan Majlis Perumahan Negara** pada tahun 2014. Ia merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik.

Kerajaan juga memperkenalkan **program untuk golongan pertengahan memiliki rumah** seperti Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mesra Rakyat, Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik Johor (Johor).

16. Jelaskan sumbangan Kerajaan Negeri dalam usaha penyediaan perumahan rakyat di negara kita.

Kerajaan Negeri membantu penyediaan perumahan rakyat dengan **menyediakan tanah**. Tanah dijual pada harga yang rendah kepada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan juga **menubuhkan agensi pembangunan negeri** seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak.

Selain itu, kerajaan Negeri juga **membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah** dan memperkenalkan **program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)**.

Kerajaan Selangor dan Johor membantu program **membina perumahan mampu milik bagi golongan pertengahan** melalui program Rumah Selangorku (Selangor) dan Rumah Mampu Milik Johor (Johor).

17. Nyatakan program yang dijalankan untuk menyediakan rumah bagi golongan pertengahan di negara kita.

Program yang dijalankan untuk menyediakan rumah bagi golongan pertengahan di negara kita ialah program **Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA)**. Selain itu, program **Rumah Mesra Rakyat, Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik Johor (Johor)**. Program ini menawarkan harga rumah yang mampu dibeli oleh golongan rakyat berpendapatan sederhana.

18. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam rancangan Pembangunan Koridor Wilayah?

Negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung tidak terlibat dalam rancangan Pembangunan Koridor Wilayah kerana negeri-negeri di **kawasan tersebut lebih maju dari segi pembangunan ekonomi**. Banyak **mempunyai kemudahan infrastruktur dan kemudahan pelaburan**.

Selain itu ia **sudah menjadi pusat pentadbiran / bandar** dan menjadi pusat pengumpulan bahan mentah.

Tambahan pula kawasan tersebut telah mempunyai **kemudahan institusi kewangan dan menjadi tumpuan buruh asing/ tenaga kerja**. Hal ini kerana perubahan pesat dari segi sektor perindustrian dan perdagangan. Hal ini kesan berlaku pelaburan yang pesat.

Selain itu, **terdapat pelabuhan utama** kesan kemajuan yang dibuat oleh British kerana kekayaan bahan mentah seperti bijih timah dan minyak.

Tambahan pula kawasan ini **menjadi hub pendidikan** dan lebih awal menerima kesan kepentingan perdagangan British. Sebab itu **muncul bandar-bandar baru** seperti Kuala Lumpur dan Seremban. Hal ini menyebabkan kawasan ini mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

19. Mengapakah penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting dalam sebuah sistem Persekutuan?
Beri penjelasan anda.

Penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting supaya **pentadbiran negara dapat dijalankan secara lancar**. Ia dapat mengelakkan berlakunya pembolotan kuasa.

Selain itu, ia boleh **meningkatkan kesepakatan pentadbiran** antara kerajaan dan dapat mewujudkan keseimbangan kuasa. Ia juga boleh meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan yang seterusnya dapat mengekalkan kesejahteraan negara

Tambahan pula, ia dapat **mengelakkan campur tangan kuasa luar** bagi mengekalkan kedaulatan negara dan meningkatkan imej negara. Hal ini seterusnya boleh menarik kemasukan pelabur luar yang secara tidak langsung akan membantu meningkatkan ekonomi negara

Di samping itu, penyelarasan antara kerajaan juga dapat **memelihara keharmonian hubungan** Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Setiap masalah antara kerajaan dapat diatasi dengan baik. Hal ini bagi memastikan kebajikan rakyat terpelihara

20. Mengapakah Kerajaan Negeri perlu mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan dalam menjamin kelicinan pentadbiran negara? (KBAT)

Kerajaan Negeri perlu mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan untuk **menjamin operasi pentadbiran dan sistematik**. Ia dapat mengelakkan kerajaan Negeri melakukan pentadbiran yang sama supaya dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan, lebih licin dan efisien.

Keputusan perancangan pembangunan yang tepat akan tercapai jika Kerajaan Negeri akur keputusan musyawarah antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Hal ini dapat menjamin kestabilan hubungan antara kerajaan dan mewujudkan sikap saling hormat-menghormati antara pemimpin peringkat negara dan DUN.

Selain itu, ia memberi manfaat kepada **kesejahteraan negara**. Pembangunan negara akan berjalan lancar tanpa masalah berkaitan pertindihan kuasa.

Tambahan pula, ia boleh **meningkatkan kerjasama antara kerajaan**. Hal ini membantu kemajuan dalam pelbagai bidang. Ia juga menjadikan hubungan pemimpin Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri sentiasa baik dan harmoni. Hal ini penting untuk menjamin kekuatan, kekuasaan dan kestabilan negara.

Selain itu, ia dapat **memudahkan pemimpin semua peringkat menjalankan tanggungjawab** yang menyumbang kepada kemakmuran negara

1. Jelaskan konsep gagasan Malaysia.

Gagasan Malaysia ialah konsep yang **menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan** British di Asia Tenggara.

Selain itu, **golongan nasionalis** Melayu pernah mencadangkan konsep **Melayu Raya** bagi mendapatkan kemerdekaan Alam Melayu tetapi **gagal**.

Pegawai-pegawai British juga pernah mengemukakan idea **penyatuan tanah jajahan Britis** di bawah satu sistem pentadbiran dan ekonomi bagi **memudahkan pentadbiran**.

Akhirnya, **Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj** mencadangkan **penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei** untuk merdeka dalam satu sistem persekutuan.

2. Jelaskan faktor-faktor pembentukan Malaysia

Malaysia dibentuk kerana **faktor keselamatan**. Ancaman **komunis di Singapura** telah **menggugat keselamatan** Persekutuan Tanah Melayu. Selain Singapura, **Sarawak** juga diancam komunis melalui gerakan **Clandestine Communist Organization (CCO)**. Oleh itu, pembentukan Malaysia dapat memberikan **kuasa kepada Kerajaan Persekutuan bagi membendung** ancaman komunis tersebut.

Selain itu, Malaysia dibentuk untuk **mengimbangkan komposisi** penduduk. **Penggabungan dengan Singapura sahaja akan mewujudkan ketidakseimbangan** komposisi penduduk antara orang Melayu dengan orang Cina. Oleh itu, **penyertaan Sarawak, Sabah dan Brunei** akan menyeimbangkan komposisi antara kaum.

Pembentukan Malaysia juga akan **mempercepatkan kemerdekaan** wilayah Borneo, khususnya **Sarawak dan Sabah**. Hal yang demikian ini, selaras dengan **dasar dekolonisasi British**.

Akhirnya, pembentukan Malaysia juga diharap akan membantu **mempercepatkan pembangunan di wilayah-wilayah** yang terlibat serta dapat **meningkatkan taraf hidup peribumi** dalam pelbagai aspek.

3. Bagaimanakah reaksi masyarakat di Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei tentang pembentukan Malaysia?

Reaksi masyarakat di Persekutuan Tanah Melayu tentang pembentukan Malaysia ialah mereka **menyambut baik** cadangan tersebut. **Parti-parti politik yang ada, menyokong** cadangan tersebut walaupun ada **perbezaan pendapat** dalam melaksanakannya.

Masyarakat **Sarawak** ada yang **menyokong** cadangan pembentukan Malaysia. Antara parti politik yang menyokong ialah **BARJASA, PANAS, PESAKA dan SCA**. Selain itu, ada juga parti politik yang **menentang** seperti **SUPP dan SNAP**. Dalam pada itu, ada parti yang **mengubah pendirian** daripada menentang kepada menyokong seperti SNAP.

Manakala **di Sabah** juga terdapat parti yang **menyokong** gagasan Malaysia seperti **UNKO, USNO dan Pasok Momogun**. Mereka telah **menubuhkan gabungan** menyokong Malaysia yang dinamakan **Sabah Alliance**. Dalam pada itu, terdapat juga **penentangan** daripada sebilangan penduduk kerana **inginkan**

kemerdekaan berasingan atau membentuk sebuah kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka.

Sebagai tindakan lanjut, **pemimpin politik di Borneo yang menentang Malaysia** telah **menubuhkan Barisan Bersatu** (United Front) untuk mencabar pembentukan Malaysia.

Di Singapura pula terdapat parti-parti politik yang **menyokong pembentukan Malaysia seperti People's Action Party (PAP)**. Sokongan juga diperoleh daripada **golongan pedagang dan pengusaha industri** kerana membuka **peluang pasaran** yang lebih besar. Bagaimanapun, **Parti Rakyat Singapura dan Barisan Sosialis menentang** kerana menganggap Malaysia sebagai **penjajahan baharu**. Mereka meminta **pandangan rakyat** diperoleh terlebih dahulu.

Di Brunei pula, **Sultan Omar Ali Saifuddin mengalu-alukan cadangan** tersebut. **Rakyat Brunei juga berminat** untuk menyertai Malaysia. Namun begitu mereka **inginkan kemerdekaan** terlebih dahulu. Manakala **Parti Rakyat Brunei** pimpinan A.M. Azahari **menentang cadangan** tersebut kerana ingin **menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara dalam satu kesatuan**.

4. Huraikan langkah-langkah yang dilakukan bagi merealisasikan pembentukan Malaysia.

Antara langkah yang dilakukan ialah mengadakan **siri lawatan** sama ada oleh pemimpin Persekutuan Tanah Melayu mahupun pemimpin Sarawak dan Sabah.

Tunku Abdul Rahman telah mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei bagi **meninjau** dan bertemu dengan pemimpin tempatan. Beliau juga **menerangkan rancangan pembentukan Malaysia**.

Selain itu, **pemimpin Sarawak dan Sabah turut membuat kunjungan** bagi meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam pada itu, **ahli politik Persekutuan Tanah Melayu seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Tun Ghafar Baba** turut mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah bagi **menjelaskan gambaran sebenar pembentukan Malaysia**.

Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan untuk **menyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah** tentang pembentukan Malaysia. Jawatankuasa ini **terdiri daripada wakil** Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Dalam mesyuarat kedua, JSKM membuat keputusan **menyokong rancangan Malaysia**.

Langkah seterusnya ialah satu **referendum diadakan di Singapura** untuk menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia. Keputusannya mendapati **rakyat Singapura bersetuju bergabung** dan membentuk Malaysia.

Kemudian, **satu rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British** diadakan di London. Kedua-dua kerajaan bersetuju **menubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk** di Sarawak dan Sabah. **Suruhanjaya Cobbold** dibentuk bagi meninjau pendapat penduduk di Sarawak dan Sabah. Hasil tinjauan **mendapati dua pertiga penduduk menyokong** pembentukan Malaysia.

Akhirnya, **Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)** dibentuk bagi **menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah apabila menyertai Malaysia**.

5. Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)?

Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) bertujuan **menyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia**. Selain itu, jawatankuasa ini **menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat** terhadap pembentukan Malaysia.

Selain mengumpulkan pandangan penduduk, jawatankuasa ini turut **menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia**.

Akhirnya, jawatankuasa ini turut berperanan dalam **memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia**.

6. Jelaskan latar belakang dan laporan Suruhanjaya Cobbold.

Suruhanjaya Cobbold **dipengerusikan oleh Lord Cobbold dan disertai oleh wakil** yang dilantik oleh kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu seperti **Sir Anthony Abell dan Muhammad Ghazali Shafie**.

Suruhanjaya ini telah **melawat 35 pusat lawatan iaitu 20 di Sarawak dan 15 di Sabah**. Menjelang **bulan Jun 1962**, suruhanjaya ini telah menyerahkan **laporan** kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.

Antara laporannya ialah **dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia**. Selain itu, suruhanjaya **mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu**. Suruhanjaya juga **mencadangkan kuasa autonomi diberikan kepada Sarawak dan Sabah** yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan kerajaan Negeri berkenaan.

7. Jelaskan perkara yang diusulkan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) untuk dijadikan teras utama dalam Perlembagaan Persekutuan.

Antara perkara yang diusulkan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan ialah **Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia tetapi dikecualikan kepada Sarawak dan Sabah**. Di samping itu, **Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi Persekutuan Malaysia tetapi Bahasa Inggeris juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah**.

Selain itu, **sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan kerajaan Persekutuan kecuali di Sarawak dan Sabah**. Dalam pada itu, dalam parlimen Malaysia, sebanyak **24 kerusi diperuntukkan kepada Sarawak, 16 kerusi kepada Sabah dan 15 kerusi kepada Singapura**.

Perkara terakhir ialah **kuasa imigresen terletak di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresennya**.

8. Jelaskan intipati Perjanjian Malaysia.

Antara intipati Perjanjian Malaysia ialah **tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu**.

Walaupun berada dalam Malaysia, **British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura**. Hal ini memberi kelebihan kepada **Sarawak dan**

Sabah menubuhkan kabinet negeri.

Selain itu, Perjanjian Malaysia memperuntukkan tempoh masa peralihan seperti dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah. Peruntukan kerusi Parlimen pula diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi.

Dalam pada itu, bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

9. Mengapakah Indonesia menentang pembentukan Malaysia?

Indonesia menentang pembentukan Malaysia kerana menganggap pembentukan Malaysia sebagai neokolonialisme. Perkara ini diungkit oleh **Partai Komunis Indonesia**.

Penentangan ini juga berlaku kerana Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membuat kenyataan bahawa Indonesia terlibat membantu pemberontakan **Tentera Kalimantan Utara**. Hal ini menimbulkan kemarahan Indonesia.

Sebab seterusnya, Malaysia dianggap **mengancam kedudukan Indonesia**. Menteri Luar Indonesia mengumumkan **dasar konfrontasi** terhadap Malaysia dengan slogan **"Ganyang Malaysia"**.

10. Huraikan usaha-usaha menangani konfrontasi Indonesia.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia ialah **menggunakan pendekatan diplomatik**. **Kementerian Luar Negeri** yang diketuai Muhammad Ghazali Shafie menyusun strategi menangani konfrontasi dengan mematahkan kempen **propaganda** dan **mendapatkan sokongan negara luar**.

Selain itu, **Setiausaha Agung PBB** mengutus wakilnya C.V. Narasimhan untuk **berunding dengan pemimpin Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu**.

Dalam pada itu, **Presiden Macapagal** menganjurkan **rundingan peringkat pegawai di Manila**. Di samping itu, **Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj** menerima **undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo** serta menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.

Seterusnya, **Tun Abdul Razak Hussein** menghadiri **mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila** bagi mencari penyelesaian konfrontasi. Sekali lagi Tunku Abdul Rahman menghadiri **mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila**. Indonesia dan Filipina **menerima pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB** terhadap Sarawak dan Sabah.

Peralihan kepimpinan di Indonesia menamatkan konfrontasi. Jeneral Suharto melantik **Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik** untuk **berunding menamatkan konfrontasi**. Akhirnya, **Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos 1966**.

11. Mengapakah British mahu menggabungkan tanah jajahannya di Asia Tenggara? (KBAT)

British mahu menggabungkan tanah-tanah jajahan di Asia Tenggara untuk **memudahkan sistem pentadbiran**. Tanah-tanah jajahan akan ditadbir dalam **satu unit pentadbiran sahaja**. Oleh itu, pentadbiran akan menjadi **lebih sistematik** dan **kos pentadbiran** akan dapat dijimatkan.

Selain itu, penggabungan ini akan **mempercepatkan kemajuan ekonomi**. Tanah jajahan British **mempunyai pelbagai sumber alam** dan galian seperti **bijih**

timah di Tanah Melayu dan hasil balak dan hutan di Sarawak. Jadi dengan penggabungan ini, **segala hasil dapat digunakan secara optimum** dan mendapat **keuntungan yang banyak**. Hasil ini juga akan lebih mudah **dibawa ke Britain**.

Dalam pada itu, penggabungan akan **memudahkan British menyediakan segala kemudahan asas** secara terancang. Pembinaan **jalan-jalan perhubungan** seperti **jalan raya dan jalan keretapi** akan lebih mudah kerana pentadbiran yang sama. Penyediaan **kemudahan kesihatan dan pendidikan** juga akan menjadi lebih mudah.

Di samping itu, penggabungan ini juga **penting dari segi pertahanan dan keselamatan**. Pihak British boleh **menyelaraskan pasukan keselamatan** untuk mengawal tanah-tanah jajahan tersebut daripada pelbagai ancaman seperti **ancaman lanun, kuasa besar lain mahupun komunis**. Oleh itu, keselamatan negara terjamin.

Akhir sekali, penggabungan tersebut **selaras dengan dasar dekolonisasi British**. British berhasrat untuk memerdekakan tanah-tanah jajahan seperti mana desakan **Piagam Atlantik 1941**. Oleh itu, sebelum diberikan kemerdekaan, tanah-tanah jajahan perlu digabungkan dan **diberi latihan berkerajaan sendiri**.

12. Mengapakah golongan pedagang dan pengusaha industri di Singapura menyokong pembentukan Malaysia? (KBAT)

Golongan ini menyokong pembentukan Malaysia kerana dengan pembentukan Malaysia akan **memudahkan lagi aktiviti mereka**. Mereka boleh **membuka cawangan perniagaan** ke Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah dengan mudah **tanpa dikenakan cukai yang tinggi** kerana berada dalam negara yang sama.

Dalam masa yang sama, mereka juga akan dapat **memasarkan barangan** mereka ke Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Brunei dengan mudah dan pantas. Secara tidak langsung **keuntungan mereka akan meningkat**.

Selain itu, mereka mudah untuk **mendapatkan bahan mentah** bagi tujuan penghasilan produk mereka. Mereka boleh mendapatkan **bijih timah** dari Tanah Melayu dan hasil hutan seperti kayu balak dari Sarawak dan Sabah. Dengan itu, mereka **tidak akan terputus bekalan** bahan mentah.

13. Pembentukan Malaysia berasaskan rundingan dan keputusan bersama penduduk yang terlibat. Buktikan. (KBAT)

Pembentukan Malaysia berasaskan rundingan dan keputusan bersama penduduk kerana sebelum Malaysia dibentuk pelbagai rundingan telah diadakan terlebih dahulu seperti **lawatan yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Sabah**. Lawatan tersebut diadakan bagi **menerangkan tentang gagasan Malaysia** dan **mendapatkan pandangan** daripada penduduk tempatan.

Penduduk tempatan di Sarawak dan Sabah juga telah membuat rundingan sesama mereka sehingga **tertubuhnya Sarawak Alliance dan Sabah Alliance** bagi menyokong pembentukan Malaysia.

Selain lawatan oleh Tunku Abdul Rahman, **lawatan yang dilakukan oleh ahli politik Tanah Melayu** seperti **Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba** ke Sarawak dan Sabah turut menggambarkan keputusan bersama penduduk. Hal ini demikian kerana, semua ahli politik sama ada penyokong kerajaan mahupun pembangkang bersama-sama **memberikan penerangan** kepada penduduk Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia.

Dalam pada itu, keputusan Singapura untuk menyertai Malaysia juga merupakan hasil **rundingan penduduk di Singapura** sehingga **satu referendum**

dijalankan bagi mendapat persetujuan rakyat Singapura. Keputusan referendum tersebut mendapati **majoriti rakyat Singapura ingin menyertai Malaysia**.

Selain itu, **beberapa jawankuasa telah ditubuhkan** bagi mengadakan rundingan antara pemimpin wilayah yang terlibat. Antaranya **Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)** yang antara lain tujuannya untuk **menyediakan ruang perbincangan** bagi mendapatkan kata sepakat terhadap pembentukan Malaysia.

Suruhanjaya Cobbold juga ditubuhkan untuk **meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah** tentang penubuhan Malaysia. Hasil tinjauan tersebut mendapati **dua pertiga penduduk menyokong** pembentukan Malaysia.

Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) juga ditubuhkan untuk **berbincang keperluan penduduk Sarawak dan Sabah** serta **merangka perlembagaan persekutuan yang baharu**. Hasil perbincangan yang dilakukan jawatankuasa ini **mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak dan 20 perkara bagi Sabah** perlu **dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan** untuk menjamin hak dan kepentingan wilayah tersebut.

14. Jelaskan kepentingan Perjanjian Malaysia 1963.

Kepentingan Perjanjian Malaysia 1963 ialah **mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah dan Singapura** serta kerajaan **British mengiktiraf kedaulatan wilayah-wilayah** tersebut.

Kepentingan kedua, **penduduk bumiputera Sarawak dan Sabah diberi keistimewaan** seperti kaum Melayu di Semenanjung. Dengan itu, **hak-hak mereka turut terjaga**.

Kepentingan ketiga ialah **Bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa rasmi Persekutuan Malaysia**. Walau bagaimanapun, **bahasa Inggeris tetap menjadi bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah** sehingga 10 tahun hari Malaysia.

Kepentingan keempat ialah **agama Islam yang telah dianuti sejak dahulu menjadi agama persekutuan** tetapi dikecualikan kepada Sarawak dan Sabah.

Dalam pada itu, suara **wakil wilayah-wilayah terlibat turut ada dalam parlimen** persekutuan apabila sebanyak **24 kerusi diperuntukkan kepada Sarawak, 16 kerusi kepada Sabah dan 15 kerusi kepada Singapura**.

15. Mengapakah kita perlu menjaga hubungan baik dengan negara jiran?(KBAT)

Kita perlu menjaga hubungan baik dengan negara jiran untuk **menjamin keselamatan dan kedaulatan negara**. Oleh sebab negara kita **mempunyai pelbagai sumber asli** seperti minyak dan gas asli, negara akan menjadi rebutan kuasa-kuasa besar. Oleh yang demikian, hubungan dengan negara-negara dapat membantu **mengelakkan negara kita daripada dijajah**. Dengan itu, negara **kekal aman dan sejahtera**.

Selain itu, hubungan baik ini akan dapat **mengembangkan ekonomi negara**. Kita mudah untuk **mengeksport barangan kita ke luar** seperti **kereta nasional Proton Saga**. **Pelabur-pelabur asing juga akan datang melabur** di negara kita kerana keadaan yang aman dan tenteram. Secara tidak langsung, **peluang pekerjaan bertambah dan taraf hidup rakyat meningkat**.

Hubungan baik dengan negara jiran juga akan membuka **ruang perkongsian penyelidikan dan pendidikan**. Perkongsian penyelidikan akan membawa kepada **perkongsian teknologi dalam pelbagai bidang** seperti pertanian moden. Maka akan **lahir tenaga kerja mahir** yang mampu menyumbang kepada kemajuan negara. Manakala perkongsian pendidikan akan membantu dalam **pertukaran pelajar**. Pelajar kita boleh **melanjutkan pelajaran ke luar negara** dan akan **lahir pakar-pakar** dalam pelbagai bidang. Hal ini akan menjadikan **negara luar**

memandang tinggi kepada negara kita.

Dalam pada itu, hubungan baik ini penting dalam **mendapatkan bantuan** jika berlaku krisis atau bencana alam. Sebagai contoh apabila **berlaku banjir** besar di Malaysia, banyak negara menghulurkan **sumbangan kewangan** dan barangan kepada negara kita. Begitu juga ketika berlaku **runtuhan bangunan Highland Tower**, negara menerima **bantuan kepakaran** dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa runtuhan. Oleh yang demikian, hubungan baik ini amat penting dalam **menjaga kebajikan rakyat dan negara.**

16. Mengapakah kita perlu berwaspada terhadap anasir luar? (KBAT)

Kita perlu berwaspada terhadap anasir luar untuk **melindungi negara kita daripada ancaman keselamatan.** Sebagai contoh serangan **pengganas Sulu** terhadap Sabah. Jika kita tidak berwaspada, **kedaulatan negara kita akan terganggu** dan negara **mudah ditawan** oleh negara lain.

Sebab kedua ialah kita boleh **mempromosikan negara** kita dengan lebih baik kepada para pelancong dan pelabur asing. Negara yang aman serta tidak diganggu-gugat oleh anasir luar akan menyebabkan **ramai pelancong datang** ke negara kita. Para **pelabur suka untuk membuat pelaburan** di negara kita. Secara tidak langsung, ini akan **meningkatkan ekonomi** negara dan **taraf hidup rakyat.**

Sebab ketiga ialah kita dapat menjadikan **pentadbiran negara kita lebih cekap** dan tersusun. Sebagai contoh, negara telah **mengatur gerak dengan meletakkan pos-pos kawalan di sempadan negara** bagi menangani ancaman luar seperti **penyeludupan dan pemerdagangan manusia.** Kerajaan juga telah mewujudkan **kawasan keselamatan khas** seperti Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (**ESSCOM**) bagi **meningkatkan lagi kawalan keselamatan sempadan negara.** Dengan itu negara akan **kekal selamat dan sejahtera.**

17. Bagaimanakah pembentukan Malaysia boleh menjamin kerharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Pembentukan Malaysia boleh menjamin kerharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dengan cara **mengagihkan ekonomi secara adil** bagi setiap negeri. Setiap negeri akan **mendapat peluang ekonomi** seperti **pelaburan** baharu dan kawasan perindustrian baharu. Dengan ini, **peluang pekerjaan** rakyat akan bertambah. Secara tidak langsung akan **meningkatkan taraf hidup** penduduk.

Selain itu, kerajaan telah merancang **pembangunan yang seimbang** antara kawasan bandar dengan luar bandar dan semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah. **Jaringan jalan raya** dan telekomunikasi di Sarawak dan Sabah turut dipertingkatkan seperti pembinaan **lebuhraya Pan Borneo.** Oleh itu, kawasan-kawasan yang berhampiran akan **dilimpahi dengan segala kemudahan** dan pembangunan.

Penggunaan **satu bahasa kebangsaan** juga boleh menjamin keharmonian kaum. Bahasa Kebangsaan digunakan untuk **urusan rasmi di pejabat-pejabat** kerajaan dan sekolah. Hal ini akan **memudahkan perhubungan** antara kaum dan segala **urusan dapat dilakukan dengan lancar.**

1. Jelaskan cabaran politik di Sarawak selepas pembentukan Malaysia.

Cabaran politik di Sarawak selepas pembentukan Malaysia ialah **krisis perlembagaan** yang berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966, apabila 21 orang ahli Council Negri **tidak berpuas hati** dengan kepimpinan Ketua Menteri Sarawak iaitu **Stephen Kalong Ningkan**. Beliau **dipecat oleh Gabenor** pada Jun 1966. Stephen Kalong Ningkan **mencabar tindakan ini** di Mahkamah Tinggi Sarawak dan **memenangi** kes ini pada bulan September 1966. Beliau **kembali menjadi Ketua Menteri**, namun beliau **mendapat undi tidak percaya** daripada Council Negri. Krisis politik ini menyebabkan berlaku **ketidakadilan di Sarawak** yang mengancam keselamatan dan keamanan. Pada bulan September 1966, **darurat diisytiharkan** di Sarawak, Stephen Kalong Ningkan **digantikan dengan Tawi Sli**.

2. Jelaskan cabaran perpaduan kaum dan integrasi nasional selepas pembentukan Malaysia.

Cabaran perpaduan kaum dan integrasi nasional selepas pembentukan Malaysia merupakan **cabaran besar** yang dihadapi oleh Malaysia kerana penduduk negara ini mempunyai **pelbagai kaum** antaranya termasuklah Melayu, Cina, India, Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Dengan penduduk yang **pelbagai budaya** ini, **perpaduan** sentiasa menjadi agenda bagi pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini.

Selain itu, **jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh** menjadi cabaran kepada integrasi nasional serta **sukar mempupuk semangat satu negara**.

3. Mengapakah konflik perlu diselesaikan secara perundingan. (KBAT)

Kepentingan menyelesaikan konflik secara perundingan ialah **mengelakkan pertumpahan darah**. Hal ini demikian kerana **perundingan** akan melibatkan pemimpin yang duduk semeja berusaha untuk mencari jalan keluar bagi konflik yang dihadapi. Perbincangan yang melibatkan golongan pemimpin ini pasti akan **mencari jalan yang terbaik** untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit. Contohnya, berusaha untuk **mengelakkan pergaduhan atau peperangan** berlaku antara kedua belah pihak yang bertelagah. Oleh itu, rakyat **tidak akan mengalami kesengsaraan hidup** kesan daripada konflik yang berlaku.

Kepentingan yang kedua ialah **ekonomi negara tidak akan terjejas**. Hal ini kerana kedua-dua pihak yang berkonflik akan berusaha untuk **mengelakkan berlakunya kerosakan infrastruktur** dalam negara seperti kerosakan bangunan-bangunan kerajaan yang akan **membawa kerugian** kepada mereka. Ini akan menyebabkan **pembangunan yang dirancang tidak akan dapat dijayakan**. Oleh itu, perundingan dan permuafakatan dapat memastikan negara tersebut terus **berkembang maju**.

4. Jelaskan bentuk ancaman komunis di Sarawak?

Bentuk ancaman komunis di Sarawak ialah melalui **gerakan politik**. Mereka **menentang gagasan Malaysia**. Pelibatan mereka menyebabkan kerajaan Sarawak **memburu dan menangkap** ahli yang terlibat. Mereka **melarikan diri** ke Kalimantan dan **membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU)**. PKKU meneruskan **penentangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)** untuk membentuk **republik komunis** di Sarawak.

Selain itu, melakukan **serangan bersenjata**. Pada 5 Ogos 1952, komunis **menyerang kawasan Batu Kitang, Kuching, Sarawak** yang menandakan **bermulanya serangan komunis terhadap orang awam**.

5. Bagaimanakah usaha kerajaan dalam menangani ancaman komunis di Sarawak?

Salah satu usaha kerajaan dalam menangani ancaman komunis di Sarawak ialah melalui kaedah **gerakan perang saraf**. Melalui kaedah ini kerajaan mengadakan **perhimpunan awam** dengan memberikan **kesedaran tentang bahayanya ancaman komunis**. Kerajaan **menyebarkan risalah** untuk **menyampaikan maklumat** tentang bahaya ancaman komunis dan **menanamkan kebencian** terhadap komunis. Selain itu, kerajaan **mengisytiharkan kawasan putih** yang bebas daripada ancaman komunis. Kerajaan juga mengadakan **tawaran program pengampunan** kepada anggota komunis. Kerajaan juga melakukan **pembangunan infrastruktur** dengan menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk.

Selain itu, kerajaan juga melaksanakan **gerakan operasi ketenteraan** bagi mengatasi ancaman komunis. Beberapa operasi ketenteraan telah dijalankan iaitu **Operasi Hammer 1965** di Bahagian Pertama. **Operasi oleh RASCOM** pula dilaksanakan di Bahagian Ketiga. Seterusnya **Operasi Seri Aman** dilancarkan di Bahagian Kedua. Semua operasi ini **berjaya melemahkan gerakan komunis** di Sarawak.

6. Huraikan operasi ketenteraan yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

Operasi ketenteraan yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak ialah **Operasi Hammer 1965** yang dijalankan di **Bahagian Pertama**. Penentangan berlaku kerana **komunis membunuh orang awam**. Kerajaan menggunakan kaedah sama yang digunakan pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak iaitu rancangan **berbentuk memenangi hati rakyat**.

Operasi Hammer bermula pada bulan Julai 1965 yang dilaksanakan dengan **mendirikan petempatan baharu** untuk seramai lebih kurang 7 500 orang. Dalam tempoh tiga hari, seramai **1 200 orang keluarga yang dipindahkan** berketurunan Hakka di arahkan berpindah ke tiga kawasan petempatan baharu di sepanjang Jalan Kuching-Serian. Petempatan ini **dikawal sepanjang masa** dan **dikenakan perintah berkurung dalam tempoh 24 jam sehari** bagi melindungi penduduk dari ancaman komunis. Operasi Hammer **menyebabkan gerakan komunis di Sarawak mulai goyah**. Langkah pembenterasan yang berterusan menyebabkan **komunis ditangkap**. Operasi Hammer **tamat pada 1970**. Selain Operasi

Hammer, **Operasi Letter Box** telah dilancarkan pada 22 Julai 1965 untuk mendapatkan maklumat tentang pergerakan komunis.

Operasi ketenteraan yang seterusnya dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak ialah **Operasi Jala Raja** yang dilancarkan di Nonok (Asajaya) di Bahagian Pertama pada awal tahun 1970. Seterusnya pada 8 Ogos 1971, **Operasi Ngayau** dilancarkan di Bahagian Ketiga. Pada 26 Mac 1972 pula, **Rajang Area Security Command (RASCAM)** dibentuk di Bahagian Ketiga. **Operasi Seri Aman** dilancarkan pada 21 Oktober 1973 bertujuan **membanteras ancaman komunis di Sri Aman, Sarawak**. Operasi ini melibatkan pasukan **keselamatan** termasuk tentera dan polis. **Pergerakan komunis telah disekat** yang menyebabkan **komunis mengalami kesukaran untuk bergerak** dan operasi ini telah **ditamatkan pada 4 Julai 1974** kerana **anggota komunis menyerah diri**. Akhirnya pada 17 Oktober 1990, **perjanjian damai** telah diadakan pada 17 Oktober 1970 antara pihak komunis dengan kerajaan Sarawak bagi menamatkan ancaman komunis .

7. Terangkan kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.

Kegiatan PKM yang mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia ialah **pembunuhan anggota pasukan keselamatan**. Komunis melakukan **serangan hendap** terhadap pasukan keselamatan. Kemuncak ancaman komunis ialah **pembunuhan pegawai kanan polis**.

Pada 17 Jun 1968, PKM telah melakukan serang hendap terhadap **pasukan keselamatan di Kroh, Perak** yang mengorbankan seramai 16 anggota keselamatan. Pada 7 Jun 1974, PKM telah **menembak mati Ketua Polis Negara**, Tan Sri Abdul Rahman Hashim di Kuala Lumpur. Manakala pada 13 November 1975, PKM telah **menembak mati Ketua Polis Negeri Perak**, Tan Sri Khoo Chong Kong dan pemandunya di Ipoh.

Orang awam dan **kemudahan awam** turut menjadi sasaran komunis. Pada bulan Julai 1969, seorang **wanita diseksa sehingga mati** di Sintok, Kedah. PKM juga telah memasang periuk api di sepanjang Jalan Changlun, Kedah. Di samping itu, **jalan raya serta jambatan kereta api telah diletupkan** oleh PKM.

Selain itu, **PKM meletupkan Tugu Negara** di Kuala Lumpur pada pagi 26 Ogos 1975. Tindakan mengebom tempat awam **menimbulkan kemarahan rakyat** terhadap komunis dan **menuntut kerajaan mengambil tindakan tegas** termasuklah mengenakan **Akta Keselamatan Dalam Negeri**.

8. Jelaskan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi melindungi rakyat dan orang awam daripada ancaman komunis di Semenanjung Malaysia.

Langkah yang diambil oleh kerajaan bagi melindungi rakyat dan orang awam daripada ancaman komunis di Semenanjung Malaysia ialah **Strategi Counterinsurgency (COIN)**. Langkah ini merupakan usaha keselamatan dan pembangunan untuk **memenangi hati dan fikiran rakyat** bagi menyokong agenda dan dasar kerajaan memerangi komunis. Strategi yang digunakan ialah **kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan** untuk menjalankan strategi COIN yang berkesan.

Langkah yang seterusnya ialah **Perjanjian Kerjasama Sempadan**. Usaha membanteras komunis menghadapi masalah kerana mereka **membina khemah di luar sempadan negara**. Oleh itu, langkah utama yang diambil seperti

mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Thailand melalui **Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 di Thailand**. Antara langkah yang dijalankan termasuklah **membina pagar sempadan dan operasi bersama**. **Perjanjian Hat Yai** pula diadakan pada 2 Disember 1989 di Hat Yai, Thailand antara PKM, Malaysia dan Thailand. Hasil perjanjian tersebut ialah pihak PKM bersetuju **membubarkan unit bersenjata** serta **memusnahkan segala senjata api**, bahan letupan dan jerangkap samar.

9. Apakah tindakan yang perlu diambil bagi memastikan keamanan negara terjamin? (KBAT)

Tindakan yang perlu diambil bagi memastikan keamanan negara terjamin ialah **mewujudkan perpaduan antara kaum**. Hal ini akan dapat mewujudkan **kestabilan politik** dan **melahirkan masyarakat yang harmoni**. Keharmonian yang wujud ini akan membuka ruang untuk **masyarakat dan pemimpin bersatu** tenaga dan idea bagi memajukan negara. Oleh yang demikian, organisasi masyarakat yang berbeza latar belakang, agama dan adat resam **mampu duduk semeja berjuang mempertahankan keharmonian negara** daripada dicabuli pihak tertentu.

Selain itu, setiap warganegara perlulah mempunyai **semangat cinta akan negara**. Hal ini kerana individu yang memiliki semangat ini akan menunjukkan **kesetiaan dan kasih sayang** terhadap negara mereka. Mereka akan **bersedia berkorban** untuk kebaikan negara dan **mempertahankan kedaulatan** negara. Ini akan dapat menggalakkan rakyat untuk mengelakkan negara daripada **penjajahan kuasa asing**.

10. Jelaskan isu pembangunan dan ekonomi negara yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk selepas pembentukan Malaysia.

Antara isu pembangunan dan ekonomi negara yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk selepas pembentukan Malaysia ialah **kedudukan sosioekonomi penduduk berpendapatan rendah** serta **taraf pendidikan yang masih rendah**. Isu lain ialah **kurangnya penyediaan bantuan kewangan** oleh institusi kewangan bagi pengusaha bumiputera dalam kegiatan mereka. Selain itu, **kemudahan pengangkutan dan perhubungan** terutama di kawasan luar bandar juga perlu ditambah baik.

Isu lain termasuklah **terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah**. Seterusnya, isu **kejatuhan harga bahan mentah**. Di samping itu, penduduk yang terlibat dalam bidang pertanian masih **ketinggalan terutama penggunaan teknologi dan peralatan**. Golongan Petani masih merupakan golongan **berpendapatan rendah** dan **pertanian komersial lain masih kurang diusahakan** oleh petani.

Taraf hidup yang berbeza dan **peluang pekerjaan yang terhad** juga merupakan isu pembangunan dan ekonomi negara yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk selepas pembentukan Malaysia. Isu **kadar pengangguran meningkat** serta **masalah kesihatan dan sosial** juga merupakan isu yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan.

11. Bagaimanakah kerajaan menangani isu pembangunan dan ekonomi negara dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat?

Kerajaan menangani isu pembangunan dan ekonomi negara dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat dengan cara **mempelbagaikan kegiatan ekonomi** pertanian dan industri pemprosesan. Selain tu **mencari pasaran baharu** bagi getah dan bijih timah. Kerajaan juga **mempelbagaikan bidang pertanian** terutama kelapa sawit dan koko serta **mempelbagaikan pengeluaran komoditi** negara.

Bagi mengatasi isu taraf hidup yang berbeza, kerajaan telah melancarkan **program pembangunan negara** berasaskan satu rancangan bersepadu. Selain itu, menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara dengan **membuka kawasan baharu**. Kerajaan juga berusaha **mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia** serta mendapatkan **bantuan Bank Dunia**.

Bagi menangani isu pekerjaan pula, kerajaan **menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal** serta **meluaskan peluang pekerjaan** kepada penduduk.

Dalam usaha untuk mengatasi isu kesihatan, usaha mengatasi dilakukan dengan **mengurangkan kadar kelahiran** dan memperkenalkan **program Perancang Keluarga**. Di samping itu, kerajaan **menambah baik perkhidmatan kesihatan** di kawasan luar bandar.

12. Bagaimanakah golongan muda dapat membantu kerajaan memajukan ekonomi negara? (KBAT)

Golongan muda dapat membantu kerajaan memajukan ekonomi negara dengan **menguasai ilmu pengetahuan**. Hal ini kerana pendidikan merupakan **kunci kejayaan** terhadap sesuatu perkara. **Pemeriksaan pembelajaran** bagi golongan muda **wajar dimaksimakan** sebaik mungkin supaya mereka didedahkan dengan pelbagai kemungkinan yang mampu menjadi pemangkin kejayaan diri atau negara pada masa akan datang. Dengan **kemudahan teknologi** hari ini, tiada alasan yang menjadi penghalang kepada golongan belia untuk mendapatkan. Hasilnya, golongan belia yang mempunyai ilmu tentang perkara yang telah berlaku dan melihat realiti kehidupan masa kini, mereka pasti **dapat menzahirkan sesuatu yang lebih berguna** kepada diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat.

Selain itu, golongan muda perlu **kreatif dan inovatif** dalam membantu kerajaan memajukan negara. Hal ini kerana golongan muda yang berani berkreatif dan mempelopori bidang baharu **dapat mengecapi kejayaan yang gemilang**. Dalam konteks ini, **penglibatan golongan muda dalam pelbagai bidang** yang meliputi kebudayaan, sukan dan keusahawanan berjaya menjanakan kreativiti dan inovasi. Contohnya, **dalam industri teknologi komunikasi dan maklumat**, mereka yang gigih dan berani mencuba sesuatu yang baharu akan menikmati kejayaan yang luar biasa. Oleh itu, golongan muda yang kreatif dan inovasi akan **membantu negara membangun dengan lebih pesat**.

Di samping itu, golongan muda perlu memiliki **sifat keterbukaan** dalam membantu kerajaan memajukan ekonomi negara. Hal ini kerana golongan muda yang mempunyai sifat keterbukaan ini lazimnya dapat **menerima teguran dan pandangan orang lain**. Mereka akan menjadi **pendukung untuk mencapai perpaduan negara atau integrasi nasional** demi mewujudkan kesejahteraan sosial. Dengan adanya sifat tersebut, akan memudahkan mereka menjadi pemimpin yang dapat membantu membangunkan negara dengan penuh komited.

13. Jelaskan faktor berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969.

Faktor berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 ialah kesan daripada **ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial** di negara kita.

Sebab utama tercetusnya peristiwa ini ialah **keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969**. Ketegangan bermula dengan **kempen pilihan raya**. Terdapat **parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum** semasa berkempen.

PKM telah mengambil kesempatan semasa pilihan raya untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum. Parti yang bertanding telah **berkempen menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan** untuk mendapat sokongan daripada pengundi.

Seterusnya, **perarakan kemenangan pilihan raya** yang tidak terkawal telah menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif telah menyebabkan berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969.

14. Terangkan usaha kerajaan mengatasi rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Usaha kerajaan mengatasi rusuhan kaum 13 Mei 1969 ialah dengan **mengisytiharkan perintah darurat** yang telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara.

Antara perkara yang diputuskan termasuklah **Perlembagaan digantung** manakala **Parlimen ditangguh**. Beberapa **pusat perlindungan** telah dibuka di beberapa tempat semasa darurat. Pihak polis menguatkuasakan **perintah berkurung** dimana orang ramai tidak dibenarkan keluar dan dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing.

Kerajaan telah **menubuhkan jawatankuasa bertugas** untuk menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan. Semua **berita daripada pihak media ditapis** bagi memastikan kesahihannya. Kerajaan juga **memastikan bekalan makanan diperoleh penduduk** terutama di pusat perlindungan. Manakala, **mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan** di Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement. **Semangat saling membantu** ketika ketegangan dalam kalangan anggota masyarakat dapat dilihat di pusat perlindungan ini.

Pihak berkuasa telah **memagar kawasan Kampung Baru** dan menjadikannya **kawasan perintah berkurung** yang besar. Sementara itu, **tentera memberikan perlindungan** kepada penduduk yang berlindung di beberapa kem tentera.

15. Mengapakah persefahaman antara kaum menjadi unsur penting di Malaysia? (KBAT)

Persefahaman antara kaum menjadi unsur penting di Malaysia kerana dapat **mewujudkan masyarakat yang harmoni**. Kewujudan masyarakat yang harmoni mampu mewujudkan **perpaduan yang kuat dan kukuh** dalam sesebuah negara. **Kestabilan politik di sesebuah negara** juga dipengaruhi oleh masyarakat yang harmoni, apabila semua **pemimpin akan bersatu padu tidak mengira kaum, bangsa dan warna kulit** dalam memacu kepimpinan negara. Oleh sebab itu, perpaduan antara rakyat amatlah penting dalam **membentuk sesebuah negara yang maju**.

Selain itu, persefahaman antara kaum menjadi unsur penting di Malaysia kerana mampu **menjamin keselamatan negara**. Hal ini dikatakan demikian

kerana, apabila rakyat sentiasa bersatu padu, **unsur atau pengaruh luar tidak dapat mencerooboh pemikiran rakyat** kerana perpaduan mampu menyatukan pemikiran dan hati masyarakat dalam sesebuah negara. Sebagai **contoh**, dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, rakyat dibenarkan memilih pemimpin negara yang mampu menjaga negara dan memegang amanah serta menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin. Jika rakyat tidak bersatu hati dalam memilih pemimpin, maka akan berlaku ketegangan dan pergaduhan. Hal ini akan mengundang bahaya kepada negara jika pemimpin yang menang terdiri daripada pemimpin yang tidak bersifat berjiwa rakyat dan bersikap pilih kasih. Jika rakyat tidak bersatu hati dalam memilih pemimpin, maka akan wujud pengaruh negatif yang **membolehkan sebuah negara dijajah** dan aset atau rahsia negara dijual kepada negara luar yang menyebabkan berlakunya kehancuran terhadap negara. Oleh sebab itu, persefahaman antara kaum amatlah penting dalam **menjamin keamanan** negara dan mampu membentuk sebuah **negara yang berdaya saing**.

Persefahaman antara kaum juga mampu **meningkatkan imej negara**. Apabila wujudnya persefahaman antara kaum dalam sesebuah negara, negara tersebut akan **dipandang tinggi oleh negara lain** atas kestabilan dan keharmonian yang dimiliki. Sebagai **contoh**, Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum mampu menjadi suri teladan kepada negara lain. Malaysia mempunyai beberapa kaum utama, iaitu Cina, Melayu dan India. Namun begitu, tidak wujud sebarang pergaduhan atau perbalahan antara ketiga-tiga kaum tersebut. Hal ini menjadikan Malaysia sebagai **penanda aras kepada negara lain** yang sedang membangun atas semangat perpaduan, kestabilan dan keharmonian antara masyarakat yang dimiliki. Walaupun Malaysia masih lagi tergolong di bawah negara yang sedang membangun, berbekalkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat, Malaysia tampil **menjadi negara yang disegani dan dihormati** oleh negara maju yang lain.

1. Apakah maksud perpaduan dan integrasi nasional.

Maksud perpaduan kaum ialah keadaan **rakyat dari pelbagai etnik, agama dan wilayah** hidup aman dalam masyarakat yang bersatu. Mereka **memberi komitmen yang penuh** kepada identiti kebangsaan **berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun negara**

Integrasi nasional bermaksud **satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat** antara negeri dan wilayah bagi **membentuk satu bangsa**. Mereka mempunyai **identiti sendiri** berasaskan Perlembagaan dan Rukun Negara.

2. Huraikan punca masalah perpaduan kaum semasa pentadbiran British

Punca masalah perpaduan kaum semasa pentadbiran British ialah dari segi **pentadbiran**. British telah memperkenalkan **sistem residen**. Selain itu dasar British **mengutamakan sektor ekonomi** menyebabkan **pekerja dibawa masuk** dari luar untuk **bekerja di sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan**. Kaum **bumiputera kekal di kawasan luar bandar** dengan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional. Masalah ini berterusan sehingga selepas kemerdekaan menyebabkan **berlaku peristiwa 13 Mei 1969**.

Selain itu **kegiatan ekonomi dan petempatan**. British memberi tumpuan kepada ekonomi **bijih timah dan getah**. Kegiatan **ekonomi berbeza** antara kaum menyebabkan pemisahan petempatan seperti di kawasan perlombongan, bandar, estet dan kampung. Ini menyebabkan setiap **kaum kurang berinteraksi** antara satu sama lain dan mewujudkan **jurang ekonomi** yang tidak seimbang.

Seterusnya **sistem pendidikan**. Dasar pentadbiran British menyebabkan muncul **sistem pendidikan vernakular** Melayu, Cina, India dan Inggeris. Sekolah ini **berkembang mengikut kaum** masing-masing. Sistem ini mewujudkan **perbezaan pemikiran** dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Akhir sekali **fahaman politik**. Fahaman politik berasaskan kaum bermula dengan **penubuhan parti politik** sebelum merdeka. Ini menyebabkan parti politik **memperjuangkan kepentingan kaum** masing-masing seperti **isu bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi**.

3. Jelaskan usaha-usaha memperkasa perpaduan dan intergrasi nasional.

Usaha-usaha memperkasa perpaduan kaum dan intergrasi nasional ialah dari segi politik dengan **menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara** di bawah kuasa MAGERAN. Jabatan ini berperanan **mendraf satu ideologi** untuk negara yang dikenali **Rukun Negara**. Selain itu **mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara**. Majlis ini bertujuan untuk **menggalakkan perkembangan perasaan muhibbah** antara masyarakat berbilang kaum. Kerajaan juga **menubuhkan Majlis Perundingan Negara**. Majlis ini ditubuhkan untuk **mengadakan garis panduan** bagi kerjasama antara kaum dan intergrasi nasional antara negeri dan wilayah. Selain itu majlis ini juga bertujuan **memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat**. Seterusnya **pembentukan gabungan parti politik pelbagai kaum** untuk **mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik** selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Dalam bidang ekonomi, Kerajaan meneruskan **Rancangan Pembangunan**

Lima Tahun Malaysia. Rancangan ini memberikan tumpuan kepada **Pertumbuhan ekonomi semua kaum** dengan memperkenalkan beberapa dasar pembangunan ekonomi seperti **Dasar Ekonomi Baru (DEB)** dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Kerajaan juga memberi tumpuan kepada **pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah** melalui rancangan pembangunan tanah agar dapat **menambah pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan**. Selain itu **membangunkan bidang perindustrian dan perdagangan** dengan memperkenalkan **Zon Perindustrian Bebas** seperti **Bayan Lepas, Pasir Gudang dan Pelabuhan Kelang**.

Dari segi sosial kerajaan **menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan** melalui Akta Pendidikan 1996. Dasar ini bertujuan untuk **mengukuhkan perpaduan kaum dan intergrasi nasional**. Sebagai contoh Dasar pendidikan seperti Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatan Kuasa Kabinet dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain tu **memperkasakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan** Melalui pengenalan **Akta Bahasa Kebangsaan**. Seterusnya **penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** sebagai pusat ilmu. **Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** juga berperanan menyebarkan luas penggunaan bahasa kebangsaan agar dapat **melahirkan masyarakat yang mempunyai identiti bahasa yang sama**. Kerajaan juga menggalakkan **pengamalan satu kebudayaan Kebangsaan** agar dapat **membentuk identiti bangsa Malaysia bersatu padu**. Kerajaan seterusnya menggalakkan **pelibatan dalam sukan** supaya dapat mewujudkan **semangat kekitaan dan perpaduan kaum dalam kalangan rakyat**. Akhir sekali kerajaan memperkenalkan Rukun Negara sebagai tunjang kesetiaan rakyat berbilang kaum terhadap bangsa dan negara

4. Terangkan pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk **memupuk perpaduan Kaum**. Dasar ini dilaksanakan melalui **Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau Penyata Razak 1956** termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957. Pada tahun 1960, semua dasar pendidikan disemak semula menghasilkan **Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatan Kuasa Kabinet 1979**. Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan **menyatupadukan rakyat dan menyediakan tenaga kerja mahir yang terdiri pelbagai kaum**. Seterusnya dapat **melahirkan masyarakat berilmu, seimbang dan harmoni** serta menyumbang kepada **keharmonian dan kemakmuran negara**.

Laporan Rahman Talib telah dipengerusikan oleh **Abdul Rahman Bin talib**. Laporan ini bertujuan untuk **menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956**. Laporan ini menjadi **asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan** seterusnya. Laporan ini mengekalkan teras sistem pendidikan Kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan intergrasi. Antara teras yang dikekalkan ialah **menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar** pada semua peringkat pendidikan supaya dapat **mewujudkan perpaduan**. Seterusnya **mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita** bagi semua sekolah agar dapat **mewujudkan perasaan cinta akan negara**. Laporan ini juga telah memberikan beberapa cadangan tambahan kepada Jawatankuasa Pelajaran 1956 untuk **mengukuhkan semangat kekitaan dan kebersamaan** dalam kalangan murid. Antara cadangan ialah memberi penekanan mata pelajaran Sejarah agar dapat **menanam perasaan cinta dan kesetiaan** kepada negara. Selain itu, mewajibkan **mata pelajaran Tatarakyat** untuk membentuk **sikap toleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum**.

Laporan rahman Talib dibuat penambahbaikan melalui **Kajian Aminuddin Baki**. Antaranya memperkenalkan sistem **persekolahan aneka jurusan** untuk menampung **pelajar yang gagal memasuki sekolah akademik**. Selain itu, memperkenalkan

kursus kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum. Kursus ini juga sebagai persediaan memenuhi pasaran kerja. Akhir sekali mewujudkan **sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum** untuk **memupuk perpaduan**.

5. Huraikan Laporan Jawatankuasa Kabinet

Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada September 1974. Jawatankuasa ini berfungsi mengkaji **semula pelaksanaan sistem pelajaran Kebangsaan**. Matlamat penubuhan jawatankuasa ini untuk **mengukuhkan perpaduan**.

Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet ialah **Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan** dijadikan mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam. Selain itu, **penegasan pendidikan kerohanian** melalui subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Akhir sekali penekanan **aktiviti kokurikulum**. Aktiviti ini perlu melibatkan semua kaum sebagai contoh **aktiviti beruniform, sukan dan permainan serta persatuan**.

6. Jelaskan usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.

Antara usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ialah **memperkenalkan Akta Bahasa Kebangsaan**. Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kaum. Oleh itu, kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui **penggubalan undang-undang** dikenali Akta Bahasa Kebangsaan. Akta ini mula dikuatkuasakan pada **1 Julai 1971**.

Selain itu, menjadi bahasa rasmi pentadbiran. Bahasa Melayu antara **unsur penggerak jentera pentadbiran negara**. Bahasa Melayu merupakan **alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan** di kementerian dan jabatan kerajaan. Malah Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam **urusan mahkamah** pada tahun 1990.

Seterusnya memperkasakan **Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan**. **Pembukaan sekolah menengah kebangsaan** menggunakan bahasa kebangsaan dipergiatkan di seluruh negara seperti **Sekolah Alam Shah, sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim**.

Dalam pada itu, **penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** sebagai Pusat Keilmuan Bahasa Melayu. Penubuhan ini sebagai **usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu** dengan memperkenalkan pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam Bahasa Melayu. **Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM)** menjadikan UKM sebagai **pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan tamadun Melayu**. Institut ini menjadi **tumpuan para penyelidik, sasterawan, karyawan dan budayawan dari pelbagai kaum dalam dan luar negara**.

Akhir sekali **Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru. Penubuhan ini **Hasil dari resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga**. Penubuhan DBP bertujuan untuk **memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu**. Seterusnya **pembukaan pejabat di wilayah dan cawangan** di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah. DBP berperanan untuk **mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera**. Melalui penerbitan buku dan majalah, risalah, seminar dan bengkel. Selain itu DBP berperanan untuk **memupuk perpaduan** dengan melancarkan **slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"**.

7. Terangkan pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan **digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan** pada tahun 1971. Kongres ini adalah lanjutan daripada **Kongres Rakyat 1956**. Kongres ini **dirasmikan oleh Tun Abdul Razak Hussein** dan dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tiga Prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah **berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu**. Seterusnya **unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima** sebagai elemen penting. Akhir sekali **Islam menjadi unsur penting** dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Matlamat pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah untuk **mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara** melalui kebudayaan. Selain itu untuk **memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan**. Seterusnya bagi memperkaya dan **mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian** yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

Pelaksanaan dasar ini melibatkan semua kementerian, agensi dan jabatan berkaitan. Dasar ini dilaksanakan oleh **Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)**, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Majlis Kebudayaan Negeri, Istana Budaya serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Program yang dilaksanakan ialah **Program Citrawarna Malaysia** yang melibatkan pelbagai kaum dan budaya. Program ini memperagakan **kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia**. Program ini **diadakan di Dataran Merdeka pada bulan Mei setiap tahun** yang melibatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah **melahirkan ramai tokoh dan penggiat budaya tersohor**. Tokoh ini telah memberi sumbangan terhadap **proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan Kebangsaan**. Sumbangan mereka penting dalam **menggalakkan penghasilan karya seni tempatan** bagi **memartabatkan khazanah asli negara**.

8. Terangkan kepentingan menjaga perpaduan dan keharmonian.

Kepentingan menjaga perpaduan dan keharmonian ialah untuk mewujudkan **negara yang stabil**. Ini kerana tiada **masalah pergaduhan antara kaum** supaya **peristiwa 13 Mei** tidak akan berulang semula.

Selain itu dapat **meningkatkan imej negara**. Negara lain akan **menghormati dan memandang tinggi** kepada negara kita. Malah negara kita akan **menjadi contoh kepada negara lain**. Imej negara yang baik akan **meningkatkan kemasukkan pelancong**.

Seterusnya **ekonomi negara akan stabil**. Ini membolehkan rakyat mendapat **peluang pekerjaan** dan **taraf hidup rakyat akan meningkat**. Negara kita akan menerima **kemasukan pelabur luar** contoh Honda.

Akhir sekali **keselamatan negara terjamin**. Kita dapat mengelakkan **kemasukan anasir luar** yang cuba mencero boh negara kita. Contohnya peristiwa **serangan keatas Lahad Datu** yang mana negara kita berjaya patahkan.

9. Jelaskan peranan pemimpin dan rakyat dalam memastikan kemakmuran negara.(KBAT)

Peranan pemimpin dan rakyat dalam memastikan kemakmuran negara ialah pemimpin perlu **memastikan keamanan negara**. Pemimpin mesti mewujudkan **politik negara yang stabil** untuk mengelakkan berlakunya **pergaduhan antara kaum**. Ini bagi mengelakkan **peristiwa 13 Mei** tidak berulang kembali.

Selain itu, pemimpin dan rakyat perlu **memastikan imej negara tidak tercemar**. Ini memastikan negara kita menjadi **contoh kepada negara lain**. Malah negara lain akan **menghormati dan memandangi tinggi** terhadap negara kita. Imej negara yang baik akan **meningkatkan kemasukkan pelancong** dari luar seperti dari negara **China dan Timur Tengah**.

Kemasukkan pelancong ini akan **meningkatkan ekonomi negara**. Kesannya rakyat akan mendapat **peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup**. Kita juga **dapat menarik pelabur dari luar** untuk melabur di negara kita.

Kita juga perlu memastikan **keselamatan negara terjamin**. Ini bagi mengelakkan **anasir luar masuk** ke negara kita. Sebagai contoh peristiwa **pencerobohan di Lahad Datu** berjaya dipatahkan dengan kerjasama pemimpin dan rakyat.

10. Jelaskan kepentingan menghayati Rukun Negara.(KBAT)

Kepentingan menghayati Rukun Negara ialah untuk **mengukuhkan perpaduan kaum**. Rukun Negara dapat **memastikan keharmonian antara kaum** seperti Melayu, Cina dan India. Ini juga dapat **mengelakkan peristiwa 13 Mei** daripada berulang kembali.

Selain itu dapat **memastikan rakyat cinta akan negara**. Rakyat akan sanggup **berkorban demi kedaulatan negara**. Contohnya, **pasukan keselamatan yang berjuang demi mempertahankan negara** dari ancaman komunis.

Seterusnya untuk memastikan **rakyat taat setia kepada raja dan negara**. Ini kerana raja merupakan **simbol perpaduan rakyat berbilang kaum**. Rukun Negara dapat memastikan rakyat tidak **menderhaka kepada raja dan negara**.

Akhir sekali dapat **mematuhi undang-undang negara**. Dengan mematuhi undang-undang, kita dapat **mewujudkan keamanan** dalam negara serta dapat **mengurangkan kadar jenayah** di negara kita.

1. Jelaskan latarbelakang pembentukan Dasar Ekonomi Baru[DEB]

Dasar Ekonomi Baru[DEB] **bertujuan** memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.

Langkah awal Dasar Ekonomi Baru [DEB] ialah dengan penubuhan **Majlis Perundingan Negara[MAPEN]** yang bertujuan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru[DEB] adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Wujud beberapa **isu sosioekonomi** untuk mencapai hasrat Dasar Ekonomi Baru[DEB]. Isu tersebut termasuklah jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Selain itu jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat dan jurang sosioekonomi antara masyarakat desa dengan bandar serta jurang sosioekonomi antara negeri.

2. Huraikan pendekatan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru[DEB]

Pendekatan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru[DEB] bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang. Beberapa langkah dilaksanakan berkaitan dengan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Pendekatan terawal yang dilaksanakan ialah meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan luar bandar dan bandar. Bagi penduduk luar bandar usaha pembangunan dilakukan menerusi kegiatan gerakan koperasi yang sedia ada serta mewujudkan beberapa program termasuk penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat, subsidi benih dan baja, kemudahan kredit, pemasaran dan pusat kemajuan peladang. Manakala bagi penduduk bandar pula menghadapi kemiskinan disebabkan pendapatan yang rendah dan masalah perumahan. Usaha dijalankan oleh kerajaan iaitu memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan yang membuka peluang pekerjaan lebih banyak sekaligus meningkatkan pendapatan golongan miskin pelbagai kaum. Selain itu, turut disediakan kemudahan asas seperti pendidikan, bekalan air dan elektrik, jalan raya, bantuan biasiswa dan buku teks percuma, makanan tambahan kepada kanak-kanak dan program rumah murah.

Pendekatan kedua pelaksanaan DEB ialah pengenalan Rancangan Buku Hijau. Matlamat rancangan ini untuk menambahbaik pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan bagi menampung keperluan negara. Rancangan ini memberi tumpuan kepada penggunaan tanah secara maksimum, serta

mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek ,perkebunan berkelompok,penternakan,pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.

Seterusnya **peranan agensi kerajaan**.Usaha ini untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan rakyat dan membuka peluang pekerjaan untuk semua kaum.Selain itu,memberikan bantuan dari segi peralatan,bijih benih,kemudahan pinjaman dan khidmat nasihat.Antara agensi terlibat ialah Lembaga Beras dan Padi Negara[LPN],untuk mengawal selia sektor padi dan beras serta menstabilkan harga padi.Lembaga Pertubuhan Peladang[LPP],untuk membantu pekebun kecil,petani dan peladang yang terlibat dalam kegiatan koperasi.Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia[LKIM]untuk meningkatkan taraf hidup nelayan dan memodenkan industri perikanan dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah untuk membantu dalam penyelidikan dan penanaman semula getah

Pendekatan DEB seterusnya ialah **peranan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan[FELDA] dan pembangunan Tanah**.Pembukaan tanah baharu untuk pertanian dilakukan secara teratur dibawah FELDA.Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke kawasan FELDA yang baru dibangunkan.Penduduk di beri tanah seluas 10 ekar untuk diusahakan dengan tanaman kelapa sawit,getah dan rumah kediaman.Selain turut disediakan kemudahan asas seperti klinik,sekolah,pengangkutan dan koperasi FELDA.Di samping FELDA juga menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri bagi meneroka pembukaan tanah baharu untuk pertanian.Manakala di Sabah,kerjasama FELDA dengan Yayasan Sabah membawa kepada pembukaan Felda Wilayah Sahabat[Lahad Datu] dan Felda Umas[Tawau].Felda juga mengadakan kerjasama dengan Sarawak melalui Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority[SALCRA] untuk pembukaan ladang kelapa sawit.

3. Jelaskan latar belakang pembentukan Dasar Pembangunan Nasional[DPN]

Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan dan pembangunan yang seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan ketujuh. Objektif DPN adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik serta mengekalkan pembagunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju dalam semua aspek keadilan sosial,nilai,etika dan moral,kestabilan politik, kualiti hidup,kecekapan pentadbiran kerajaan serta kecemerlangan ekonomi.

4. Jelaskan strategi pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional[DPN]

Strategi DPN merangkumi bidang ekonomi,sosial serta pembagunan kemudahan fizikal untuk meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan meyyusun semula masyarakat

Dari segi ekonomi melibatkan penyertaan aktif pihak swasta dalam pembagunan ekonomi negara dan melaksanakan program penanaman semula

dengan penggunaan sains dan teknologi dalam masa yang sama usaha ke arah meningkatkan pemilikan saham bumiputera.

Seterusnya **dari segi sosial** ialah memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum. Selain mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dan membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif.

Di samping itu **dari segi kemudahan fizikal dan alam sekitar** ialah menyediakan dan menambah baik kemudahan asas serta pembagunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar.

Strategi asas DEB diteruskan dalam pelaksanaan DPN iaitu pembasmian kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum, khususnya bumiputera. dengan cara pemberian subsidi dan sokongan kepada golongan penanam padi dan nelayan dalam usaha mempertingkatkan produktiviti pengeluaran. Manakala golongan belia di beri latihan di agensi kerajaan seperti pusat latihan kemahiran giatmara.

Di samping itu **menyusun semula masyarakat dengan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera [MPPB]** yang bertujuan untuk meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan. Selain dari itu memberikan latihan dalam pengurusan harta dan etika perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan. Seterusnya pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera dan syarikat usahasama dengan bukan bumiputera.

Turut diberi perhatian ialah **Penyusunan Semula Modal Saham dalam sektor Korporat**, supaya bahagian saham kaum bumiputera dapat dipertingkatkan, dengan memperuntukkan sejumlah saham untuk projek yang diswastakan kepada bumiputera. Penswastaaan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera seperti [MARA], [PERNAS], [PKEN].

Seterusnya kerajaan meneruskan **Rancangan Pembagunan Wilayah** untuk meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri. Antara usaha yang dilaksanakan ialah peranan MARDI ditingkatkan. Konsep pertanian pintar digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian serta penyebaran industri terpilih digalakkan dengan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju dengan kemudahan fizikal, pendidikan, kesihatan dan perumahan

5. Bincangkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Pencapaian DEB dan DPN dapat dilihat dari aspek sosial dan ekonomi. Dari **aspek sosial. Kadar kemiskinan berjaya dikurangkan.** Kerajaan mempelbagaikan kegiatan ekonomi, membuka peluang perkerjaan dan menambah pendapatan isi rumah yang melibatkan semua kaum. Selain itu menambah baik peluang untuk rakyat mendapatkan kemudahan awam yang dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Keperluan tenaga kerja dalam bidang pertanian dan perindustrian dapat mengurangkan masalah pengangguran dan kadar kemiskinan rakyat. Kesannya DEB menyebabkan kadar kemiskinan dikurangkan daripada 49.3% tahun 1970 kepada 17.1% pada tahun 1990. Manakala DPN dapat mengurangkan kadar kemiskinan kepada 7.2% pada tahun 2000.

Seterusnya **peningkatan kualiti hidup**. Perkara ini dapat dilihat dari aspek peningkatan tahap kesihatan rakyat semakin baik. Begitu juga dari aspek pendidikan, pemilikan barang keperluan asas dan penyediaan infrastruktur seperti hospital dan klinik.

Selain itu **kemunculan golongan pertengahan**. Golongan ini terdiri daripada golongan profesional, pemodal, teknikal, pentadbiran dan pengurusan. Ekoran perkembangan ekonomi menyebabkan keperluan bidang kerja semakin meningkat. Kemunculan golongan ini membuktikan dasar ekonomi kerajaan dan swasta memberikan kesan peningkatan taraf hidup, disamping memberikan pendapatan dan kemakmuran negara.

Seterusnya **kewujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera**. Golongan ini membentuk kelas bumiputera komersial yang melibatkan diri dalam sektor koprat. Muncul tokoh bumiputera dalam bidang perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat, pemilik pelabuhan dan usahawan muda, yang memberikan faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin dengan tawaran pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki oleh golongan ini.

Selain itu, **perkembangan pembangunan pendidikan**, seiring pembangunan ekonomi memerlukan tenaga kerja mahir yang berpendidikan, dalam bidang sains, teknologi dan teknikal. Hal ini kerana permintaan yang tinggi dalam bidang perindustrian dan k-ekonomi serta dapat memperbaiki taraf hidup rakyat.

Seterusnya, **pemodenan pengangkutan dan perhubungan**, adalah untuk memenuhi keperluan perindustrian serta perdagangan. Selain dari merencanakan aktiviti ekonomi termasuk kawasan pedalaman. Di samping memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, **berlaku perkembangan wilayah**. Hasil perkembangan ekonomi melalui DEB dan DPN menyebabkan kemunculan beberapa bandar baharu. Contoh Felda Segitiga Jengka yang dikenali sebagai bandar Tun Abdul Razak, yang mengambil kira lokasi Jengka yang terletak di antara tiga daerah, iaitu Temerloh, Maran dan Jerantut. Pelbagai kemudahan perkhidmatan seperti pejabat pos, hospital, bank dan lain-lain disediakan. Selain terdapat juga kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian di bandar ini seperti Kilang Alps dan lain-lain.

Dari **aspek ekonomi**, program perindustrian mengalami perkembangan, iaitu industri berat yang bertujuan memperkukuh asas perindustrian negara dan menambah kemahiran rakyat dalam bidang teknologi tinggi. Perindustrian melibatkan penggunaan jentera moden yang memerlukan kemahiran tinggi dan modal yang besar. **HICOM** di tubuhkan untuk mengendalikan industri berteknologi tinggi. Antara projek yang dilaksanakan ialah membaiki kapal (Limbungan Pasir Gudang, Johor).

Seterusnya, kewujudan **kawasan perindustrian baharu**. Antaranya estet perindustrian, zon perindustrian bebas dan taman teknologi industri. Estet perindustrian dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri [PKEN], Pihak berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta. Kawasan tersebut dibangunkan sebagai bandar terancang yang mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan dan perindustrian serta pusat rekreasi.

Seterusnya, **wujud Taman Teknologi Perindustrian**, merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri. Pusat ini dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. Di pertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi membangunkan teknologi perindustrian.

Selain itu, **wujud Zon Perindustrian bebas**, merupakan kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif. Tujuannya menarik penguasaha melabur dan merangsang ekonomi kawasan sekitar. Kawasan ini sering digunakan oleh Syarikat multinasional seperti Sime Darby Berhad untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan.

Akhir sekali, **wujud Kenderaan Buatan Malaysia**.Kewujudan HICOM dan kajian Dasar Perindustrian Malaysia telah menggalakkan pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia.Industri kereta tempatan dipelopori oleh (PROTON) dan (PERODUA).Manakala syarikat pengeluar motosikal nasional diterajui oleh (MODENAS)Industri ini telah membuka peluang perkerjaan untuk tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum.Langkah ini dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan taraf hidup masyarakat.

6. Pada pandangan anda,bagaimanakah kerajaan mampu untuk merapatkan jurang pendapatan masyarakat di desa dengan masyarakat bandar.(KBAT)

Kerajaan mampu untuk merapatkan jurang pendapatan masyarakat di desa dengan masyarakat bandar dengan **menyediakan peluang perkerjaan** yang luas kepada masyarakat.Di samping itu kerajaan juga perlu **membangunkan prasarana** yang lebih moden dan berteknologi agar masyarakat dapat bersaing secara sihat.Selain itu kerajaan juga perlu **memajukan kemudahan pendidikan**,khususnya kemudahan yang berkaitan dengan ICT.Seterusnya **memberi kemahiran tertentu** yang mampu memberikan peluang kepada masyarakat untuk menambah pendapatan.Kerajaan juga perlu **memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)**.

7. Kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada kemajuan pendidikan.Bahaskan.(KBAT)

Sesebuah negara banyak bergantung kepada kemajuan pendidikan bagi **melahirkan golongan cerdik pandai** dalam pelbagai bidang. Selain daripada itu pendidikan juga akan **melahirkan ramai tenaga mahir** pada masa depan agar dapat mengharung cabaran mendatang. Di samping itu pendidikan akan **membentuk masyarakat yang lebih kreatif dan inovatif** ,serta berupaya melaksanakan agenda penyelidikan dan menyumbang untuk negara dan bangsa. Seterusnya pendidikan juga dapat **menghasilkan masyarakat yang mampu merangka suatu dasar ekonomi** yang lebih mampan dan berdaya saing dan dapat **membina identiti negara sendiri**.

8. Dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan hanya akan berjaya jika mendapat sokongan penuh daripada rakyat.Jelaskan kepentingan pelibatan rakyat dalam pembangunan negara. (KBAT)

Kepentingan pelibatan rakyat dalam pembangunan negara akan menyebabkan **rakyat lebih memahami dasar** yang akan diperkenalkan oleh kerajaan. Di samping rakyat dapat **memberi sokongan pada semua dasar** kerajaan, rakyat juga dapat **mengemukakan cadangan untuk menambahbaik** setiap dasar yang ditetapkan. Hal ini juga akan **menjadikan pelaksanaan setiap dasar akan lebih mudah** dan kerajaan akan **lebih fokus kepada pembangunan negara** dan masyarakat.

Seterusnya, **pelibatan sektor swasta atau pertubuhan serta parti politik** perlu diaktifkan agar kepentingan semua rakyat dapat diperjuangkan. Situasi ini akan membantu pelaksanaan setiap dasar akan berjalan dengan lebih mudah.

TINGKATAN 5

BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA

1. Jelaskan cabaran dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia

Cabaran dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia ialah **cabaran politik antarabangsa**. Oleh itu Malaysia **mengamalkan dasar berkecuali dengan negara luar tanpa mengira ideologi** serta menjalin hubungan dengan negara **China**. Cabaran seterusnya ialah **cabaran politik serantau**, di mana **Malaysia terlibat menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina** iaitu masalah **pelarian di Vietnam**. Malaysia menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam **isu di Vietnam**.

Malaysia juga menghadapi **cabaran berkaitan keselamatan dan pertahanan** apabila **perjanjian antara Malaysia dan Britain atau AMDA di tamatkan**. Sehubungan dengan itu **Malaysia menandatangani perjanjian baharu** iaitu **Perjanjian Pertahanan Lima negara** yang melibatkan **Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia**.

2. Jelaskan latar belakang penubuhan ASEAN

Latar belakang penubuhan ASEAN bermula dengan penubuhan **Negara-negara Asia Tenggara (ASA)** pada tahun 1961 yang melibatkan **gabungan tiga negara** iaitu **Malaysia, Filipina dan Thailand**. Pada tahun 1963, Malaysia, Filipina dan Indonesia **menubuhkan MAPHILINDO** untuk menyelesaikan isu pembentukan Malaysia tetapi **MAPHILINDO gagal** mencapai matlamatnya.

ASEAN ditubuhkan pada **8 Ogos 1967** melalui **Deklarasi ASEAN Bangkok** untuk **meningkatkan semangat setia kawan**. Anggota ASEAN terdiri daripada **lima buah negara** iaitu **Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand**. ASEAN kemudiannya menerima lima anggota baharu iaitu **Brunei, Myanamar, Laos, Kemboja dan Vietnam**.

3. Huraikan peranan Malaysia dalam ASEAN

Peranan Malaysia dalam ASEAN ialah **mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)** selain itu Malaysia juga telah **menjalin hubungan dengan China** malah menjadikan ASEAN sebagai **platform terpenting untuk mengistiharkan perubahan dasar negara** termasuklah **mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar** seperti **Amerika Syarikat**.

Malaysia juga turut terlibat dalam **menyelesaikan konflik serantau** iaitu **menyelesaikan konflik politik Indochina** berkaitan **ancaman komunis**. Malaysia juga **menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan** dalam isu di Vietnam. **Isu di Kemboja berjaya diselesaikan** melalui pilihanraya pada tahun 1993. Selain itu Malaysia juga **menghantar pasukan pengaman di bawah PBB** iaitu **Misi United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC)**

Malaysia juga turut mengadakan **kerjasama ekonomi**. Kerjasama ekonomi ASEAN ini diadakan pada tahun 1970-an dengan **mewujudkan Projek Industri ASEAN (AIP)** pada tahun 1978. Juga dalam pengeluaran baja urea di Indonesia serta pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina.

Selain itu Malaysia juga turut mengadakan **kerjasama sosial** melalui **penubuhan Southeast Asia Ministers of Education Organisation (SEAMEO)** dengan mengadakan **kerjasama dalam bidang pendidikan** seperti **pertukaran**

pelajar dan penubuhan pusat pendidikan contohnya The Regional Centre for Education in Science and Mathematics (RECSAM) di Pulau Pinang

4. Mengapakah Malaysia menyertai pertubuhan NAM?

Malaysia menyertai NAM **untuk menolak dasar pro-Barat** yang diamalkan sebelum itu dengan **mengamalkan dasar berkecuali**. Selain itu Malaysia juga ingin **mengambil pendirian neutral** dengan **menyertai pakatan tanpa pihak** dan terlibat secara **aktif dalam NAM** serta menjalinkan **hubungan yang lebih terbuka** dengan pelbagai pihak tanpa sebarang sekatan

5. Jelaskan peranan Malaysia dalam NAM.

Peranan Malaysia dalam NAM ialah menjadi **tuan rumah sidang kemuncak dan Pengerusi NAM** dan Malaysia telah **dilantik mempengerusikan persidangan NAM pada 2003 hingga 2006**. Selain itu dalam persidangan Malaysia turut menyatakan **pendirian terhadap isu Palestin** dengan **mengutuk pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil**, contohnya **serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq**.

Malaysia juga **lantang menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia dan negara lain** seperti **isu Aparteid** serta **bersetuju agar tekanan politik dan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan** sebagai menangani isu ini. Malaysia turut **membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina** yang ditekan oleh Serbia, hasilnya **berjaya menggantung keahlian Yugoslavia dalam NAM**. Malaysia dan NAM juga turut **menerima pelarian dari Bosnia Herzegovina**.

Seterusnya Malaysia juga **menganjurkan dasar keamanan dan berkecuali dalam NAM** dengan **menyuarakan pandangan dengan meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali** serta **mendesak kuasa besar tidak campur tangan atau menekan negara di rantau ini**. Selain itu Malaysia turut **menandatangani Pengisytiharan Lusaka** sebagai usaha NAM **mendesak untuk mengharamkan senjata nuklear**. **Kesimpulannya Malaysia telah memainkan peranan yang berkesan sejak menyertai NAM sehingga negara kita dihormati oleh negara lain.**

6. Jelaskan latar belakang penubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) **ditubuhkan pada 25 September 1969**, di **Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat Maghribi** yang **terdiri daripada 57 buah negara**. Pertubuhan OIC ditubuhkan **semasa serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa oleh Zionis** yang mendorong **pemimpin Islam menubuhkan pertubuhan antarabangsa untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam** dalam pelbagai bidang. Malaysia negara **anggota yang aktif menyuarakan pandangan berkaitan kepentingan Islam**.

7. Jelaskan peranan Malaysia dalam OIC.

Malaysia memainkan peranan aktif dalam OIC dalam **pembangunan pendidikan** melalui **pembiayaan pendidikan dan kebajikan**. Usaha ini ditunjukkan melalui **pembinaan Universiti Islam Antarabangsa(UIAM) dan**

pemberian biasiswa kepada pelajar dari negara OIC. Selain itu Malaysia turut terlibat dalam menangani isu politik negara Islam, di mana Malaysia menjadi perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC iaitu dengan menghantar 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB apabila genjatan senjata diumumkan pada Ogos 1988.

Malaysia juga turut menyokong perjuangan rakyat Palestin dengan menyokong Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) serta menjadikan Malaysia tuan rumah bagi Persidangan Kecerantauan Asia berkaitan Palestin. Selain itu Malaysia juga menyokong rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri dan mempunyai negara yang merdeka

Malaysia juga terlibat dalam pembangunan ekonomi dengan bergiat aktif dalam membangunkan ekonomi negara OIC seperti menyokong aktiviti Bank Pembangunan Islam (IsDB) dan menyertai IsDB pada tahun 1974. Selain daripada mendapat faedah berupa pinjaman untuk mebiayai pembangunan negara juga membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam melalui penubuhan bank Islam di seluruh dunia. Contohnya Dubai Islamic Bank dan Bank Islam Malaysia. Kesimpulannya sejak menjadi anggota OIC Malaysia telah terlibat dalam pelbagai aktiviti demi kemaslahatan dan kemajuan negara anggota OIC.

8. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kelebihan dasar terbaik-terbaik Malaysia dengan semua negara? (KBAT)- tambah 2 isi

Kelebihan dasar terbaik-terbaik Malaysia dengan semua negara luar ialah dapat **memastikan kedaulatan negara terjamin melalui dasar tidak campur tangan.** Contoh mengamalkan dasar berkecuali. Dengan cara ini urusan negara kita tidak akan diganggu membolehkan politik negara menjadi stabil. Selain itu segala konflik yang tercetus juga dapat diselesaikan dengan cara aman iaitu melalui meja rundingan kerana wujudnya hubungan baik ini.

Selain itu dasar ini juga dapat meningkatkan **ekonomi negara** melalui perdagangan dua hala. Contohnya antara Malaysia dan Jepun. Melalui kerjasama ini diharapkan agar syarikat Jepun akan masuk melabur di Malaysia contohnya syarikat Honda dan Toyota yang dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Kesannya ekonomi negara dapat berkembang maju dan taraf hidup rakyat juga dapat ditingkatkan.

Selain itu kelebihan dasar terbaik-terbaik Malaysia dengan semua negara juga dapat **membantu Malaysia mencapai matlamat negara maju** melalui kerjasama penyelidikan dan teknologi. Kerjasama yang wujud dalam penyelidikan dan teknologi ini dapat menjadi platform kepada Malaysia untuk menyediakan lebih ramai tenaga pakar dan mahir dalam bidang sains dan teknologi yang menjadi satu aspek penting kepada negara maju.

9. Pelibatan Malaysia secara aktif dalam pertubuhan serantau telah memberi manfaat kepada negara. Buktikan. (KBAT)

Pelibatan Malaysia secara aktif dalam pertubuhan serantau telah memberi manfaat kepada negara kerana **dapat mewujudkan hubungan dagangan** yang membolehkan Malaysia **mempromosikan produk keluar negara** dengan itu dapat **mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.** Sebagai contohnya jenama rempah **Baba's** yang menampilkan lebih 30 produk rempah ratus yang terdiri daripada Pure Flour, Staple Food Mixes dan banyak lagi telah **menembusi pasaran luar negara dan boleh didapati di hampir semua negara di Asia**

Tenggara. Kesimpulannya Malaysia boleh menjadikan keaggotaannya **dalam pertubuhan serantau sebagai platform pasaran produk-produk keluaran negara kita.**

Selain itu, dapat mewujudkan **kerjasama untuk meningkatkan tahap pendidikan dan perkembangan bidang kebudayaan melalui kegiatan pertukaran maklumat atau teknologi** contohnya mengadakan **program pertukaran pelajar atau penganjuran konvensyen antarabangsa.** Kesannya **proses perkongsian idea atau pertukaran pendapat akan meningkatkan lagi mutu pendidikan negara kita.**

Seterusnya pelibatan Malaysia secara aktif ini juga akan **dapat mengeratkan hubungan baik dengan negara luar** yang dapat **melindungi kepentingan rakyat Malaysia semasa berada di luar negara** . Contohnya semasa wabak Covid-19, **proses membawa balik warganegara Malaysia yang terperangkap di luar negara telah berjalan lancar** disebabkan adanya hubungan yang erat ini.

10. Bagaimanakah Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam pertubuhan antarabangsa. Berikan cadangan anda. (KBAT)

Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam pertubuhan antarabangsa **dengan bekerjasama dalam pelbagai pertubuhan dunia** terutama untuk **menyelesaikan konflik melalui rundingan.** Contohnya **menganggotai PBB.**

Selain itu, **menjalin kerjasama dalam ekonomi** untuk **meningkatkan perdagangan antara semua negara yang berpotensi** serta **meluaskan pasaran dalam kalangan negara Islam dan negara membangun.** Contohnya **mewujudkan Hab Halal dunia.**

Selain itu, **membantu negara Islam yang miskin** dengan **memberi bantuan kemanusiaan.** Seperti bantuan pakaian dan makanan ke Afghanistan.

Seterusnya, Malaysia juga perlu **menjalin hubungan diplomatik** yang lebih luas bagi **mengelakkan terjerumus dalam kancah politik kuasa besar** dengan **tidak terlibat dalam Perang Dingin** dan **tidak bersekongkol dengan mana-mana blok dunia.** Contohnya kita tidak memihak kepada Blok Kapitalis atau Blok Timur. Dengan cara ini **kedaulatan negara dapat dilindungi** serta **bebas daripada campur tangan asing dalam hal ehwal negara.** Hasilnya, **kemerdekaan negara dapat dipertahankan** dan **kemajuan ekonomi dapat ditingkatkan** apabila Malaysia terlibat secara aktif dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

1. Jelaskan isu global kontemporari (pada masa ini) yang dihadapi oleh Malaysia.

Isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia adalah **penyalahgunaan dadah**. Oleh itu, **mengisytiharkan perang** terhadap isu tersebut dengan menyuarakan dalam forum antarabangsa seperti **International Drug Enforcement Conference- (IDEC)**.

Selain itu, Malaysia terlibat dalam **isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih** dengan negara lain. Seterusnya, **kempen antiminyak sawit** yang dilancarkan oleh negara maju. Oleh itu, secara tidak langsung **mengugat ekonomi negara sedang membangun**.

Seterusnya lagi, **isu pemerdagangan orang** yang perlu dihadapi oleh Malaysia. Hal ini kerana, **lokasi strategik Malaysia** menjadikan platform **transit pemerdagangan orang ke negara lain**.

Akhir sekali, **isu penyakit berjangkit** yang wujud di dalam masyarakat dunia. Contohnya, penyakit **AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) serta COVID-19**.

2. Jelaskan peranan Malaysia untuk menangani isu global kontemporari (pada masa ini) dengan berkesan.

Peranan Malaysia untuk menangani isu global kontemporari dengan berkesan ialah **mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization (INTERPOL(Polis Antarabangsa))** untuk menangani isu penyalahgunaan dadah.

Selain itu, menyelesaikan **isu pertindihan sempadan** dengan menggunakan Mahkamah Antarabangsa sebagai **kuasa pemutus**. Misalnya, Pada **tahun 2002**, Mahkamah Antarabangsa memutuskan **Pulau Batu Sipadan dan Ligitan menjadi hak milik Malaysia**.

Seterusnya, menyelesaikan **isu Kempen Antiminyak Sawit** melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO). Selain itu, **tindakan berhemah seperti mengadakan kempen berterusan** dan mendapatkan **skim pensijilan Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO)**. Contohnya, **amalan baik Good Agricultural Practises-GAP (Amalan Pertanian Baik)**.

Bagi menangani jenayah terancang **pemerdagangan orang**, Malaysia **menguatkuasakan undang-undang** dan **memberikan bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang**. Antaranya, **Hak Kanak-Kanak 1989** dan **protokol PBB untuk mencegah, menyekat serta menghukum pesalah pemerdagangan orang**. Oleh itu, Malaysia **menubuhkan Council For anti -Trafficking in Persons and Anti Smuggling of Migrants-MAPO (Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran)**.

Akhir sekali, untuk menangani **isu penyakit berjangkit**, Kementerian Kesihatan Malaysia bertindak proaktif dengan mengadakan pemeriksaan kesihatan secara berterusan dan memberikan rawatan kepada mangsa. Oleh itu, **WHO memperakukan pencapaian Malaysia sebagai antara negara di Asia yang berjaya** mengurangkan masalah penularan wabak ini.

3. Apakah kesan sekiranya kita gagal menangani wabak penyakit berjangkit ? (KBAT)

Kesan sekiranya kita gagal menangani wabak penyakit berjangkit ialah boleh **menjejaskan pembangunan negara**. Hal ini kerana, rakyat yang terjangkit dengan wabak penyakit berjangkit **tidak dapat melaksanakan pekerjaan dengan baik**. Contohnya, **pekerja yang bekerja di bidang pembinaan telah jatuh sakit akan menjejaskan tarikh siap sesuatu projek pembinaan**.

Selain itu, akan **meragut nyawa rakyat** yang menghidapi wabak penyakit berjangkit. Seterusnya, berlaku **perbelanjaan sumber kewangan yang banyak dalam sektor kesihatan**. Misalnya, **terpaksa membeli vaksin dalam kuantiti yang banyak untuk menyelamatkan nyawa rakyat** ketika dunia menghadapi wabak penyakit berjangkit Covid-19.

Kesan lain pula ialah **rakyat hidup dalam berprasangka atau takut**. Hal ini kerana, **rakyat takut berkomunikasi dengan orang lain kerana akan menyebabkan mereka terjangkit** dengan wabak ini tanpa disedari. Oleh itu **hubungan antara masyarakat akan menjadi renggang**.

Selain itu lagi, **bidang pendidikan menjadi terjejas kerana kanak-kanak dan golongan remaja tidak dapat menghadiri diri ke sekolah**. Oleh itu, menyebabkan negara **tidak dapat melahirkan generasi yang bijak**.

Akhir sekali, pentadbiran negara akan porak peranda. Hal ini kerana, **rakyat sering mempertikaikan kecekapan pemerintahan kerajaan untuk mengatasi penularan wabak penyakit COVID-19**. Kesannya, **negara tidak aman**.

4. Huraikan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa.

Peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa adalah **bagi meluaskan pasaran ekonomi**. Hal ini kerana, pertumbuhan ekonomi sesebuah negara bergantung pada **aktiviti penjualan barangan ke pasaran antarabangsa**.

Oleh itu, **penubuhan AFTA tahun 1992 dapat mempermudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN**.

Walaubagaimanapun **dominasi ekonomi negara maju** menyebabkan Malaysia berhadapan dengan sikap negara tersebut yang **mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai**.

Maka, Malaysia **bersuara dalam forum antarabangsa di PBB dan Asia-Pacific Economic Cooperation-APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik)**.

Seterusnya, tahun **1997-1998 Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi bermula dengan kejatuhan nilai ringgit kesan daripada spekulasi mata wang**.

Oleh itu, Malaysia telah **didesak untuk menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)**.

Namun begitu, Malaysia **menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan** termasuklah **menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM 3.80 bagi USD1**.

Selain itu, Malaysia memainkan peranan penting dalam **Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga** yang melibatkan kerjasama dalam **pembangunan wilayah baharu bersama dengan negara anggota ASEAN**.

Oleh itu, akan **memperolehi keuntungan bersama negara jiran**. Antaranya, **dapat mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju**.

Seterusnya, **mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan**

antarabangsa. Misalnya mewujudkan koperasi ASEAN, bank ASEAN dan cadangan menggunakan wang ASEAN.

Akhir sekali, Malaysia terlibat mengantarabangsakan sistem kewangan Malaysia yang berlandaskan syarak dan menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional. Contohnya, menubuhkan International Centre for Education in Islamic Finance – INCEIF.

5. Malaysia berjaya membangunkan ekonomi Islam . Buktikan.

Bukti kejayaan Malaysia membangunkan ekonomi Islam ialah mewujudkan **sistem kewangan yang berlandaskan syarak**. Seterusnya, membangunkan **sistem kewangan Islam yang progresif dan komprehensif** yang berkesan terhadap sektor kewangan negara.

Selain itu, **menduduki kedudukan utama dalam pelbagai indeks global berkaitan dengan kewangan Islam**. Antaranya, **menjadi pasaran sukuk terbesar di dunia**. Sukuk merupakan **Sijil Kewangan Islam**. Oleh itu, negara kita menjadi **negara utama pelaburan dana Islam**.

Maka, Malaysia **menubuhkan International Centre for Education in Islamic - INCEIF (Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam)** untuk menyokong perkembangan kewangan Islam. Kesimpulannya, negara Malaysia menjadi negara utama pelaburan dana Islama.

6. Sebagai seorang pemimpin, jelaskan ciri-ciri yang diperlukan bagi memajukan ekonomi Malaysia di peringkat antarabangsa. (KBAT)

Sebagai seorang pemimpin, ciri-ciri yang diperlukan bagi memajukan ekonomi Malaysia di peringkat antarabangsa ialah **mempunyai kebijaksanaan**. Hal ini kerana, dapat **mengatur strategi yang berkesan untuk memajukan negara**. Contohnya, **memeterai perjanjian ekonomi dengan negara maju seperti Jepun**.

Selain itu, **berpandangan jauh untuk memajukan negara dengan menjalin hubungan diplomatik**. Hal ini dapat **membantu negara memperoleh pelbagai bentuk bantuan dari aspek khidmat nasihat berkaitan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan**. Contohnya, melalui **Rancangan Colombo**.

Seterusnya, perlu **ada perasaan bangga dengan negara dan bangsa**. Maka, akan **mempunyai inisiatif bersungguh-sungguh** untuk menyaingi ekonomi negara luar. Akhir sekali, saya akan **menanam sikap berani untuk lantang bersuara** pada peringkat antarabangsa dengan **mengeluarkan buah fikiran yang bernas** untuk memastikan kedudukan ekonomi negara tidak terjejas. Contohnya, bersuara dalam **forum antarabangsa iaitu di PBB dan Asia-Pacific Economic Cooperation-APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik)**.

7. Terangkan peranan pertubuhan sukarela pada peringkat antarabangsa yang melibatkan rakyat Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan.

Peranan pertubuhan sukarela pada peringkat antarabangsa yang melibatkan rakyat Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan antaranya ialah **Aman Palestin, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Cinta Gaza Malaysia (CGM) dan Muslim Care Malaysia** bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin.

Selain itu, Malaysia membantu rakyat Syria melalui **Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare), Cinta Syria Malaysia (CSM) dan Global Peace Mission (GPM)**.

Seterusnya, pertubuhan **Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Yayasan Restu** bagi membantu rakyat Aceh dan Sri Lanka yang mengalami bencana alam seperti tsunami.

- 8.



- Huraikan sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kepada masyarakat antarabangsa?

Sumbangan pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kepada rakyat negara luar ialah **membantu rakyat Palestin yang ditindas oleh rejim Zionis Israel yang melakukan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan**. Oleh itu, melalui Aman Palestin, anggota NGO tersebut **giat membantu secara kolektif, dan sistematik**. Misalnya, **menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin**.

Manakala pertubuhan seperti MERCY Malaysia yang **ditubuhkan oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood pada tahun 1999** pula, bergerak aktif dalam bidang **kesukarelawan dan kemanusiaan membabitkan negara yang berkonflik dan ditimpa bencana**. Contohnya, bertindak **memberikan bantuan perubatan serta membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh dan membangunkan infrastruktur di Sri Lanka termasuk sekolah dan jambatan bagi kemudahan penduduk**.

Akhir sekali, pertubuhan ABIM yang ditubuhkan pada tahun 1971, **bertindak dengan memberikan bantuan kepada mangsa bencana tsunami di Aceh serta mendirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada lebih kurang 120 orang anak yatim yang menjadi mangsa tsunami di Banda Aceh**.

9. Buktikan komitmen Malaysia dalam usaha mengekalkan kelestarian global. (KBAT)

Bukti komitmen Malaysia dalam usaha mengekalkan kelestarian global ialah **Pengisytiharan Deklarasi Langkawi**. Hal ini kerana, dapat **menangani isu alam sekitar**. Misalnya, **kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal**.

Seterusnya, ialah Malaysia **menyertai Sidang Kemuncak Bumi** yang mengeluarkan **deklarasi Agenda 21** yang merupakan satu **dokumen umum penting bagi pengurusan aktiviti manusia dalam sesebuah negara**. Selain itu, terlibat dalam **Protokol Kyoto 1997** dan **persidangan alam sekitar di Bali** pada tahun 2007.

Akhir sekali, Malaysia **mencadangkan PBB mentadbir Antartika** agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut **dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara**. Kesannya, **benua ais dapat dipelihara demi kesejahteraan bersama**.

10. Nyatakan isu keselamatan makanan yang dihadapi dan usaha yang diambil oleh negara anggota ASEAN.

Isu keselamatan makanan yang dihadapi ialah **kenaikan harga barangan yang keterlaluan**. Selain itu, **bekalan barangan yang terhad** kerana masalah **pengeluaran yang dihadapi**. Seterusnya, **berlaku bencana alam atau pencemaran alam yang menyebabkan sumber makanan berkurangan**.

Antara, usaha yang diambil oleh negara anggota ASEAN ialah **menubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN**. Hal ini kerana, untuk **mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan**. Selain itu, usaha **membentuk Simpanan Beras Kecemasan ASEAN**. Oleh itu, rizab ini boleh **digunakan sewaktu kecemasan**.

Seterusnya, usaha lain ialah **menetapkan kadar simpanan stok sebanyak 50,000 tan**. Kesimpulannya, **bekalan makanan sentiasa ada atau tiada berkurangan pada masa hadapan atau sewaktu kecemasan**.

11. Jelaskan usaha yang dilakukan oleh komuniti ASEAN bagi menangani isu jerebu.

Usaha yang dilakukan oleh komuniti ASEAN bagi menangani isu jerebu ialah **mengawal pembakaran terbuka supaya tidak berleluasa**. Contohnya, **pembakaran hutan untuk aktiviti pertanian**.

Seterusnya, **memeterai perjanjian antara anggota ASEAN melalui Perjanjian ASEAN** berkaitan dengan **Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan**. Hal ini kerana, merupakan **perjanjian serantau pertama di dunia**. Melalui perjanjian ini, negara anggota **boleh mengambil tindakan undang-undang, pentadbiran, atau tindakan lain yang wajar mengikut perjanjian untuk menyelesaikan isu jerebu**. Misalnya, menekankan **prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu 2020"**.

Akhir sekali, **Malaysia dan Singapura bersetuju bekerjasama untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam pencegahan kebakaran di tanah gambut** bagi menyelesaikan isu jerebu di rantau ini.

12. Malaysia menandatangani Southeast Asian Nuclear Weapon Free Zon (SEANWFZ) atau dikenali sebagai Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara pada tahun 1995.

Mengapakah Malaysia perlu menandatangani perjanjian tersebut?

Malaysia perlu menandatangani perjanjian tersebut **untuk memastikan negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear.**

Selain itu, **kedudukan Asia Tenggara yang strategik** menyebabkan **terlibat secara langsung dalam persaingan kuasa besar** seperti **China dan Amerika Syarikat**. Oleh itu, Malaysia perlu **memastikan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan bebas daripada senjata nuklear yang digunakan atau dibawa oleh kapal perang asing.**

Seterusnya lagi, Malaysia **berpendirian tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh di pelabuhan negara dan mengadakan latihan ketenteraan di perairan negara** adalah **untuk mengelak konflik yang buruk kepada rantau Asia Tenggara.**